


Jilid1
Bil.94



HariRabu
4hb Disember, 1991

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPANMULUTBAGIPERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 15279]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1992:

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.20 [Ruangan 15329]

Maksud B.21 [Ruangan 15345]

Maksud B.22, B.23 dan B.24 [Ruangan 15400]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1992:

Jawatankuasa—

Maksud P.20 [Ruangan 15329]

Maksud P.21 [Ruangan 15345]

Maksud P.22, P.23 dan P.24 [Ruangan 15400]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rastni Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beras).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit),

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJT DAUD,
S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.,
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSHAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ MENTERI LUAR NEGERI, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas),
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbaian Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, O.P.M.S. (Titivangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAIALINGAM (Kapar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDULRAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., JP. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' KUMARAN (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULO K BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHIO BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuata Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKoB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Selar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S.,S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K, (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAPA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).

Yang Berhormat DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

- „ TUANLAILUNTZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM Krr SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAL (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nkam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bharu).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.st.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

- „ DATUK DOMNIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (BAGAN SERAI).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD, KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P, (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali..

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 4hb Disember, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**UNIYERSITI MALAYA—
KEKURANGAN BILIK KULIAH**

1. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilangan kekurangan bilik kuliah yang dialami oleh Universiti Malaya dan lain-lain institut pengajian tinggi dalam negara dan bila kekurangan seperti ini dapat diatasi;
- (b) sama ada rancangan menggunakan bilik darjah bergerak untuk mengatasi masalah kekurangan bilik darjah di sekolah rendah dan menengah akan menjadi satu rancangan tetap; dan
- (c) peralun jangkamasa oleh Kementerian mengenai jangkaan tempoh yang diambil untuk masalah kekurangan bilik darjah di sekolah rendah dan menengah akan dapat diatasi sepenuhnya oleh Kementerian.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Setakat ini bilik-bilik kuliah yang sedia ada di Universiti

Malaya dan di institusi-institusi pengajian tinggi yang lain adalah mencukupi untuk menampung bilangan pelajar yang sedia ada. Peruntukan untuk menambah kemudahan-kemudahan di institusi pendidikan tinggi sentiasa ditambah pada setiap Rancangan Lima Tahun selaras dengan pertambahan bilangan pelajar.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rancangan pembinaan bilik-bilik darjah bergerak adalah merupakan langkah percubaan dan sebagai projek perintis dalam mengatasi kekurangan bilik-bilik darjah di sekolah rendah dan menengah. Kementerian Pendidikan akan mengkaji keberkesanan program ini sama ada akan menjadi satu rancangan tetap atau sebagai langkah sementara sahaja.
- (c) Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha mengatasi masalah kekurangan bilik darjah di sekolah-sekolah rendah dan menengah. Justeru itu dari masa ke semasa, pembinaan bilik-bilik darjah tambahan dilaksanakan di sekolah-sekolah berkenaan. Walau bagaimanapun, usaha Kementerian Pendidikan untuk mengatasi masalah berkenaan adalah bergantung kepada peruntukan yang diterima. Di samping itu perancangan Kementerian Pendidikan dalam pembinaan

sekolah-sekolah baru adakalanya tidak menepati jangkamasa yang dirancangkan oleh sebab faktor-faktor yang tidak dijangkakan. Ditambah pula dengan pembangunan kawasan-kawasan perumahan yang baru menyebabkan perlunjukan **jangkamasa untuk menyelesaikan** masalah kekurangan bilik darjah tidak menepali perancangan.

Che Ibrahim bin Mustafa: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk mengaiasi masalah kekurangan bilik darjah di sekolah menengah dan rendah terutama di luar bandar, adakah pihak Kementerian masih melaksanakan skim pembinaan bilik-bilik darjah secara pasang siap dan secara gotong-royong? Dan jika ada, berapakah peruntukan yang telah disediakan untuk program ini?

Dr Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, masalah kekurangan bilik darjah adalah memang di dalam perhatian Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan sentiasa peka tentang perlunya mengadakan bilik darjah yang cukup bagi mengatasi masalah tersebut khususnya di sekolah-sekolah luar bandar. Kementerian Pendidikan sedang mengadakan "projek-projek kulit" yang membolehkan Jabatan Pendidikan Negeri menyelaraskan projek-projek tersebut supaya projek itu boleh dilaksanakan dengan cepatnya. Peruntukan yang diberi adalah mengikut keperluan.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya suka membuat tambahan mengenai (a), (b) dan (c) mengenai bilik-bilik darjah di sekolah-sekolah rendah dan menengah sama ada di kampung atau di bandar. Adakah Timbalan Menteri berkenaan mempunyai satu konsep bahawa pada masa yang tidak lama lagi kita tidak lagi menggunakan bilik-bilik darjah ini untuk waktu pagi dan petang. Kerana

masalah belajar di waktu pagi dan petang di saiu sekolah ini tidak begitu mampan bagi murid-murid untuk "fresh mind", dengan izin. Bila petang, kebanyakan murid-murid khususnya di kampung-kampung ramai yang mengaruuk.

Dr Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi matlamat Kementerian Pendidikan bahawa semua sekolah sama ada sekolah rendah atau sekolah menengah melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran satu sesi iaitu kita mengadakan satu sesi pada satu hari sahaja. Itu adalah matlamat jangka panjang Kementerian Pendidikan.

Tetapi saya ingin memaklumkan bahawa pada masa sekarang Kementerian Pendidikan tidak dapat melaksanakan matlamat itu atas kesesakan sekolah-sekolah tertentu khususnya sekolah-sekolah yang ada di bandar,

Pada masa sekarang kebanyakan sekolah dua sesi adalah tertumpu di sekolah menengah di bandar-bandar. Lebih kurang 70% sekolah menengah di bandar boleh dikatakan sepenuhnya melaksanakan persekolahan dua sesi atas sebab banyaknya bilangan pelajar dibandingkan dengan bilik darjah. Namun demikian, Kementerian Pendidikan akan melaksanakan satu rancangan jangka panjang supaya akhirnya kita boleh mencapai matlamat kita supaya semua sekolah boleh melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran mereka dalam satu sesi.

KAMPUNG ORANG ASLI

2. **Dr Kua Kia Soong** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) berapakah jumlah dan peratusan kampung-kampung Orang Asli di Semenanjung Malaysia yang

- masih belum diwartakan (gazetted);
- (b) dalam 10 tahun yang lalu, berapa banyakkah kediaman Orang Asli yang telah diwartakan;
- (c) adakah hakmilikan tetap akan diberikan kepada Orang Asli berkenaan;
- (d) berapakah jumlah dan peratusan jawatan penting di dalam Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang dipegang oleh Orang Asli; dan
- (e) berapakah jumlah bilangan Orang Asli yang telah menamatkan pendidikan tinggi dalam 10 tahun yang lalu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Dato Mohamed bin Jamrah): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan Negeri-negeri hanya mewartakan kawasan Orang Asli, bukan kampung Orang Asli. Bagaimanapun, di dalam kawasan Orang Asli ini termasuklah kampung-kampung dan rumah-rumah Orang Asli. Luas kawasan yang telah diluluskan berjumlah 34,951 hektar. Daripada jumlah ini, 20,666.96 hektar ataupun 57% telahpun diwartakan..
- (b) Seperti jawapan (a), yang diwartakan ialah kawasan Orang Asli bukan kampung Orang Asli.
- (c) Orang-orang Asli boleh menduduki kawasan Rizab Orang Asli. Soal sama ada surat hakmilik tetap akan diberikan kepada Orang-orang Asli, itu terpulang kepada Kerajaan Negeri masing-masing.

- (d) Jumlah jawatan penting dalam Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang diisi pada ketika ini adalah 1,375 jawatan dan 58.9% adalah disandang oleh Orang Asli.
- (e) Jumlah Orang Asli yang telah menamatkan pendidikan tinggi hingga kini ialah 14 orang.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertama, bagaimana kita hendak bezakan di antara Orang Asli dengan bukan Orang Asli? Ada Orang Asli yang namanya macam saya "Shahidan bin Kassim". Adakah saya ini boleh dimasukkan nama Orang Asli (*Ketawa*) dan Orang Asli boleh masukkan nama saya ataupun Yang Berhormat Tuan Mohd. Zihin pun, mukanya banyak macam Orang Asli? (*Ketawa*) Jadi, tujuan soalan ini, Tuan Yang di-Pertua, sebab terdapat pendatang-pendatang haram yang masuk ke kawasan Orang Asli dan menuntut hak sebagai Orang Asli dengan mendapat tanah, mengusahakan tanah dan sebagainya. Itu yang pertama.

Yang kedua, bilakah Kerajaan bercadang untuk menempatkan semula semua sekali Orang Asli, sebab kalau kita hendak kira kebudayaan dan sebagainya, kenapa sesetengahnya boleh ditempatkan semula dan setengah tidak boleh, sebab kita dapati banyak Orang Asli merosakkan hutan-hutan, termasuk di sini dan juga di tempat lain, melalui usaha tanaman berpindah. Jadi, saya ingin bertanya bilakah mereka hendak ditempatkan semula semuanya sekali untuk membolehkan mereka ini dapat mengusahakan tanah dengan baik dan mengelakkan berlakunya pencemaran hutan, sebab pencemaran hutan bukan sahaja berlaku kerana pembalakan tetapi termasuk juga usaha-usaha tanaman pindah ini?

Dato' Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, mengikm definisi Orang Asli bukan mudah bagi sesiapa untuk menganggap dirinya Orang Asli. Keturunan Orang Asli adalah di antaranya terdih daripada kaum Senoi, Jakun dan sebagainya. Jadi, kalau ada pendarang haram yang mengaku dirinya Orang Asli, dia tidak termasuk dalam definisi resmi Orang Asli.

Berkenaan dengan penempatan semula, apabila sesebuah kawasan Orang Asli telahpun diwartakan sebagai kawasan Rizab Orang Asli, maka terpulang kepada Orang Asli itu sendiri untuk memohon kepada Kerajaan sama ada ia hendak melaksanakan kemajuannya secara berkelompok ataupun secara persendirian. Sekiranya tidak ada permohonan daripada Orang Asli itu sendiri, maka Orang Asli bebas untuk tinggal di dalam kawasan Rizab Orang Asli itu.

Tuan Shahidan bin Kassim: Di kalangan Orang Asli, Praaq itu bermakna askar—jadi askar Senoi. (*Ketawa*) Itu untuk tujuan rekod.

Dr Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, menurut jawapan Yang Berhormat, jawapannya terlalu luas dan izinkan saya, memberi berapa examples yang lebih spesifik? Bolehkah atau tidak?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Soalan tambahan sahaja dibenarkan.

Dr Kua Kia Soong: Misalnya, saya difahamkan bahawa 360 hektar tananam Orang Asli adalah terlibat dalam projek lapangan terbang baru di Sepang. Saya hendak tahu adakah pampasan akan diberi kepada Orang Asli yang terlibat dan apa rancangan penempatan semula akan diberi kepada mereka?

Saya juga difahamkan bahawa PERKIM dan Pergerakan Pengakap telah diberi tanah dalam kawasan Orang Asli di Kampung Sungei Dua Olak di Karak. Bolehkah Yang Berhormat menjelaskan dua perkara ini?

Dato Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu keluar daripada soalan asal.

IMPORT BERAS/BUAH-BUAHAN/ IKAN DAN DAGING

3. **Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Pertanian menyatakan setakat manakah kita masih perlu mengimport barang-barang dari luar negeri seperti di bawah dan harga-harganya bagi tiap-tiap tahun:

- (a) beras;
- (b) buah-buahan; dan
- (c) ikan dan daging.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, Malaysia perlu mengimport beberapa jenis barangan makanan, khususnya beras, buah-buahan, ikan dan daging kerana keluaran negara bagi barangan tersebut tidak cukup untuk memenuhi permintaan yang wujud setiap tahun. Pada tahun 1990, negara telah mengimport sebanyak 328,593 tan metrik beras bernilai \$248.06 juta berbanding dengan tahun 1989 di mana jumlah importnya ialah sebanyak 373,225 tan metrik bernilai \$326.9 juta.

Import buah-buahan "temperate" dan beberapa jenis buah-buahan tropika bagi tahun 1990 bernilai \$262.9 juta berbanding dengan \$245.8 juta bagi tahun 1989.

Import ikan bagi tahun yang sama direkodkan sebanyak \$365.5 juta berbanding dengan \$390.6 juta pada

tahun 1989. Manakala bagi import daging pula, nilai import tahun 1990 ialah \$316.3 juta iaitu meningkat sedikit dari \$265.4 juta bagi tahun 1989.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan negara kita Mataysia ini, terutama sekali Sarawak, mempunyai tanah yang luas, sepatutnya kita tidak payah import barang-barangan ke dalam negara kita dan sepatutnya kita tanam di negara kita sendiri dan juga menyelamatkan duit pertukaran wang asing. Memandangkan pengimportan ikan dan daging yang begitu besar, apakah tindakan Kerajaan untuk menggalakkan pengeluaran daging dan ikan sendiri, dan adakah rancangan yang besar-besaran dibuat untuk mengeksploitasikan penangkapan ikan, terutama sekali di tempat-tempat di Sarawak yang belum dieksploitasikan?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat, eloklah saya beri sebab mengapa kita kena import. Jadi, Yang Berhormat boleh faham bila saya jawab kenapa kita kena import. Untuk maklumat Yang Berhormat, kita perlu mengimport barang-barangan yang saya sebutkan tadi oleh kerana:

- (i) kos pengeluaran adalah tinggi dan tidak dapat bersaing di pasaran antarabangsa;
- (ii) keadaan agro-iklim yang tidak sesuai khususnya bagi buah-buahan "temperate";
- (iii) prestasi hasil yang diperolehi adalah rendah dan kadangkala tidak berdaya-maju ekonomi;
- (iv) menguntungkan penukaran wang asing kerana barangan yang kita keluarkan adalah lebih tinggi nilainya di pasaran antarabangsa berbanding

dengan barangan yang diimport. Oleh itu, adalah lebih menguntungkan bagi negara ini mengimport barangan tersebut; dan

- (v) memenuhi perjanjian kerjasama dua-hala antara negara pengimport dan pengeksport.

Untuk maklumat Yang Berhormat, kita import ikan dan kita juga eksport ikan. Ikan-ikan yang mempunyai nilai ekonomi yang tinggi dieksport dan kita mengimport ikan yang dari segi harganya murah, yang ada nilai ekonomi kita eksport. Jadi, kita jual-keluar. Kita import ikan dari Siam yang harganya murah untuk keperluan kita sendiri.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada rasional cerita import eksport ini, pertama saya hendak tanya mengenai dengan beras. Apakah Kerajaan bercadang hendak mengurangkan import beras walaupun beras tidak cukup bagi mengurangkan rakyat Malaysia makan nasi? Sebab kata Menteri Pertanian orang Masai tidak makan nasi pun boleh hidup dan nasi ini banyak mengandungi karbohidrat. Jadi, apakah Kerajaan hendak menentukan dari segi dasar mengurangkan import beras ini? Itu soalan yang pertama.

Yang kedua, mengenai dengan import buah-buahan, ikan, daging dan semua sekali termasuk beras, apakah benar bahawasanya hanya segolongan pengimport tertentu menguasai kebenaran atau permit untuk mengimport ini—seumpamanya kobis, oren dan sebagainya. Saya hendak membangkitkan soalan ini supaya Yang Berhormat dapat menjawab supaya jelas dan jangan ada rungutan, terutamanya dekat Pengerusi FAMA?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kita masih perlu mengimport barangan

seperti beras kerana dasar pengeluaran beras negara adalah 65% sara diri. Ini berarti untuk memenuhi keperluan 100% kita kena import.

Bagi menjawab soalan kedua, tentang permit untuk kobis, tadi Yang Berhormat dari Arau pun boleh berbisik kepada Yang Berhormat. Sebenarnya tidak ada syarat-syarat yang mengatakan bahawa orang tertentu sahaja diberikan permit untuk mengimport. Siapa-siapa yang didapati cukup syarat dan layak akan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

KERETAPI TANAH MELAYU— KENAIKAN TAMBANG

4. **Tuan Chor Chee Heung** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada wajarnya untuk dinaikkan tambang keretapi sebelum KTM menjadi KTM Berhad pada awal tahun depan dan bukannya tambang hanya patut dinaikkan selepas KTM Berhad memberikan mutu perkhidmatan dengan lebih selesa secukup dengan tambangnya.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, kenaikan tambang keretapi yang telah diluluskan mulai 1 Oktober 1991 adalah wajar dan berpatutan. Kenaikan tambang keretapi yang akhir dilaksanakan sebelum ini ialah pada 1hb Ogos 1984. Sejak tarikh ini, kos operasi KTM telah meningkat dengan ketara, khususnya kos sumber manusia, kos bahan api dan kos alat-alat ganti. Walaupun kos-kos meningkat, KTM telah terus melaksanakan berbagai program peningkatan perkhidmatan. Koc-koc yang berhawa dingin bagi kelas satu dan dua telah disediakan dengan televisyen. Semua koc juga disediakan dengan kerusi-kerusi yang lebih selesa. Penyajian makanan yang lebih profesional diperkenalkan dalam koc. KTM juga telah menyediakan kemudahan telefon dalam koc.

Dalam menentukan kadar tambang yang munasabah, KTM telah membuat perbandingan dengan mod pengangkutan yang lain seperti MAS (tambang ekonomi, bas dan teksi dan mendapati kadar tambang baru KTM tetap boleh bersaing.

Hasil dari satu kajian price and demand sensitivity, dengan izin, yang dijalankan oleh KTM, didapati bahawa quantum kenaikan 15% bagi kelas satu, 5% bagi kelas dua dan 5% bagi kelas tiga adalah wajar dan tidak membebankan rakyat.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sckarang Keretapi telah naik tambangnya, tetapi nampaknya perkhidmatan tidak diperbaiki. Misalnya televisyen dalam kelas satu selalu rosak dan juga alat hawa dingin (air-conditioned unit) dalam kelas dua selalu rosak. Apabila air-conditioned unit rosak, adalah sukar bagi penumpang-penumpang yang ingin menuntut balik wang itu. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sama ada terdapat satu cara supaya penumpang-penumpang tidak payah menunggu untuk minta pulang tambang air-condition itu dan apabila mereka sampai di stesen, Keretapi boleh memberi wang gantirugi atau pampasan atau mcmulangkan tambang air-condition. Saya minta satu penjelasan.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, memanglah kadang-kadang kala ada masanya alat-alat ini rosak dan tuntutan mana-mana bayaran balik yang telah diberikan itu tidak boleh dibuat sewenang-wenang begitu sahaja. Ianya terpaksa dibuat seperti prosedur yang telah ditetapkan dalam Kerajaan. Cukai pendapatan kita pun, kalau dibayar lebih, kita tidak boleh menuntut balik pada jam itu juga dengan pergi ke Jabatan dan ambil balik. Kepada Yang Berhormat, saya rasa tambang keretapinya percuma, tidak bolehlah menuntut bayaran air-conditioned. (*Ketawa*)

Tuan Chian Heng Kai: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin);
Yang Berhormat, cukuplah itu.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan apa yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin tahu sebab apa sebelum KTM ini diperbadankan iaitu KTM Berhad, tambang keretapi telahpun naik. Selepas KTM ini diperbadankan dan kemudian mungkin ianya diswastakan, ramai orang mempunyai kebimbangan iailu bagi mempertingkatkan mutu perkhidmatan keretapi oleh syarikat swasta ini, mungkin tambang akan dinaikkan lagi. Adakah kebimbangan ini tidak berasas? Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat sendiri pun sudah tahu bahawa kebimbangan itu tidak berasas kerana walaupun Keretapi Tanah Melayu akan dikorporatisekan ianya masih dikawal oleh Kerajaan dan kenaikan tambang yang telah diluluskan inipun dibincangkan dalam Jemaah Menteri. Hanya selepas diluluskan oleh Jemaah Menteri baru ianya boleh dinaikkan. Saya harap orang ramai tidaklah bimbang.

PANGKALAN FERI SG. MAAW DISWASTAKAN

5. Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) sama ada Pangkalan Feri di Sungai Maaw telah diswastakan atau tidak; kalau ya, apakah nama syarikat tersebut dan siapakah pemegangnya; dan
- (b) sama ada Kementerian sedia untuk memanjangkan masa perkhidmatan feri tersebut dari

pukul 4.00 petang hingga pukul 10.00 malam setiap hari. Kalau ya, bila akan bermula, kalau tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pangkalan Feri di Sungai Maaw telahpun diswastakan dan syarikat yang mengendalikannya ialah Syarikat Kuat Asal Sdn. Bhd., iaitu sebuah syarikat swasta yang beroperasi di Sibul, Sarawak. Pemegang-pemegang saham syarikat berkenaan adalah seperti berikut:

(i) Encik Chua Chung Toi

(ii) Puan Lee Kuok Yew

(iii) Puan Wong Sing Lung

- (b) Pengendalian urusan perkhidmatan feri tersebut adalah di bawah Kementerian Pembangunan Infrastruktur, Kerajaan Negeri Sarawak dan difahamkan bahawa mulai 4hb September 1991 masa perkhidmatan feri berkenaan telahpun dipanjangkan dari pukul 4.00 pagi hingga pukul 10.00 malam.

MARA HOLDINGS—PRESTASI SYARIKAT

6. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) bagaimanakah prestasi syarikat-syarikat besar di bawah MARA Holdings sekarang iaitu Limbungan Timur, Kulitkraf, KIMA, Balik MARA dan Ladang MARA; dan

(b) di bawah MARA Holdings apakah rancangan masa depan (dalam RM6) untuk meluas dan memperbesarkan bidang yang diceburi supaya boleh melipatgandakan penggunaan tenaga kerja selain daripada keuntungan.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kelima-lima anak syarikat MARA yang dibangkitkan menunjukkan pencapaian positif dengan mencatatkan keuntungan (selepas cukai) bagi tahun 1989 dan 1990. Dua daripada syarikat tersebut, iaitu Syarikat Kulitkraf dan Syarikat Ladang MARA berprestasi baik dan menggalakkan. Kulitkraf yang mencatat keuntungan yang berterusan semenjak 1988, berjaya meninggalkan keuntungan hampir tiga kali ganda pada akhir tahun 1990 berbanding tahun sebelumnya. Keuntungan Kulitkraf pada tahun 1990 adalah sebanyak \$899 ribu berbanding keuntungan sebanyak \$327 ribu pada tahun 1989. Keuntungan Ladang MARA pula sebanyak \$528 ribu pada tahun 1990 melebihi 62% keuntungan yang dicatat pada tahun 1989 sebanyak \$326 ribu. Bagi Syarikat-syarikat Limbungan Timur dan Batek (M) Bhd., pencapaian perolehan pada tahun 1990 mengatasi perolehan tahun 1989 iaitu masing-masing sebanyak 190% dan 1.4%. Untung bersih Syarikat Limbungan Timur pada tahun 1990 berjumlah \$523 ribu, manakala Batek (M) Bhd. mencatat keuntungan sebanyak \$107 ribu. Pencapaian perolehan syarikat Kima bagi tahun 1990 sebanyak \$16.8 juta menurun sedikit berbanding

jumlah perolehan sebanyak \$19.6 juta pada tahun 1989. Walau bagaimanapun, Kima masih berjaya membuat keuntungan sebanyak \$764 ribu pada akhir 1990.

Bagi soalan kedua, bagi meluas dan memperbesarkan bidang yang diceburinya, MARA Holdings Sdn. Bhd. (MHSB) telah merangka strategi-strategi khusus supaya objektif MHSB dapat dicapai, dan pada masa yang sama penggunaan tenaga kerja dapat dilipatgandakan. MHSB telah menyusun semula struktur korporatnya kepada kumpulan Strategic Business Units, dengan izin, sektor-sektor berikut:

- (i) sektor pengangkutan penumpang;
- (ii) sektor tekstil dan keluaran berasaskan tekstil;
- (iii) sektor kejuruteraan, pembinaan kapal dan bas;
- (iv) sektor pengeluaran berasaskan getah dan kulit;
- (v) sektor perkhidmatan dan perdagangan; dan
- (vi) sektor perladangan.

Bagi setiap kumpulan SBU yang dibentuk, rancangan-rancangan spesifik telah dirangkakan. Rancangan-rancangan spesifik ini dirangka dengan mengambilkira perkembangan dan keperluan masa depan setiap industri.

Rancangan-rancangan masa depan mengikut sektor akan dilaksanakan melalui kombinasi kaedah-kaedah tertentu seperti berikut:

- (i) perkembangan dalaman (internal expansion);
- (ii) usahasama, penyatuan dan pengambilalihan syarikat;

- (iii) penubuhan anak-anak syarikat baru/pejabat jualan luar negeri; dan
- (iv) menambahkan vendors bumiputera untuk mengeluarkan keperluan sokongan.

Di samping strategi penyusunan semula struktur korporatnya, MHSB juga sedang dan akan terus melaksanakan rancangan dan tindakan menyenaraikan kumpulan syarikat-syarikat MHSB di BSKL. MHSB juga berusaha membantu penyertaan usahawan korporat bumiputera menyertai dalam syarikat-syarikat awam yang telahpun disenaraikan, dan dalam masa yang sama pula menggunakan 'syncism' ke arah memberi keuntungan kepada Kumpulan MHSB.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah pihak MARA akan menimbang untuk menswastakan semua anak-anak syarikat yang disebutkan tadi, yang maju dan yang beruntung. Di samping itu adakah tujuan MARA Holdings untuk meneruskan usaha-usaha dengan aktiviti perdagangan dan perniagaan jika sekiranya ada bumiputera lain yang mampu menjalankan kegiatan itu supaya tidak ada 'competitive' antara MARA dengan kumpulan-kumpulan bumiputera yang lain. Terima kasih.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Bagi soalan yang pertama, dalam proses privatisation, Kerajaan melihat kepada tiga kemungkinan. Pertama, kita privatisasikan melalui floatation of share, dengan izin, melalui cara going public atau pasaran terbuka, bermula pada tahun 1992 supaya semua syarikat-syarikat yang untung akan dipertimbangkan untuk dimasukkan di dalam jentera public listed ini.

Kedua, bagi syarikat-syarikat kecil yang tidak significant, melalui cara usahasama akan digunakan dengan para pengusaha atau peniaga bumiputera yang berminat dan memenuhi syarat-syarat kemampuan untuk membeli ekuiti yang majoriti untuk membolehkan mereka menguruskannya.

Ketiga, akan dipertimbangkan untuk diprivatisasikan secara out-ride kalau syarat-syaratnya dipenuhi.

Bagi soalan Yang Berhormat yang kedua, memanglah tujuan MARA memenuhi hasrat-hasrat dan dasar-dasar Kerajaan bagi menggalakkan bumiputera dan usahawan-usahawan bumiputera yang berkebolehan untuk menyertai di dalam skim atau melibatkan diri di dalam industri yang berkenaan atau yang berkaitan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui apakah syarikat-syarikat ini, walaupun sudah ada yang membuat keuntungan masih menerima bantuan daripada pihak MARA ataupun Kerajaan dan sama ada ianya berupa pinjaman, geran ataupun seumpamanya. Selain daripada itu, apakah dalam proses membuat keputusan di dalam syarikat-syarikat ini, keputusan dibuat oleh Lembaga Pengarah syarikat-syarikat berkenaan ataupun dirujuk kepada Pengurusan MARA atau Treasury dari segi peraturannya dalam keputusan-keputusan yang besar, terutamanya dalam membuat procurement ataupun keputusan tender ataupun yang seumpamanya.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini modal berbayar dalam semua anak-anak syarikat MHSB adalah sebanyak \$112 juta dan peruntukan daripada MARA adalah dalam bentuk ekuiti yang disertai oleh MARA apabila terbentuknya anak-anak syarikat ini dalam MHSB adalah sebanyak \$121 juta, dan setakat ini

tidak ada dan belum ada lagi tambahan kepada apa-apa juga peruntukan baru kepada anak-anak syarikat ini.

Mengenai cara keputusan yang telah dibuat, iaitu untuk perkara-perkara yang besar yang melibatkan keputusan yang besar, yang melibatkan peruntukan kewangan yang besar ataupun ekuiti yang meninggalkan kesan yang besar, mestilah melalui prosedur-prosedur seperti mendapat kelulusan MHSB (MARA Holdings Sdn. Berhad) berasaskan kepada kelulusan AGM. Kedua, mestilah mendapat kelulusan MARA Board (Lembaga Pengarah MARA). Ketiga, mendapat persetujuan daripada Kementerian Perusahaan Awam dan ICU daripada Jabatan Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahirudin): Yang Berhormat Tuan Nurnikman bin Abdullah.

(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Nurnikman bin Abdullah tidak hadir)

IMPORT BERAS DARI THAILAND

8. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) jumlah import beras dari Thailand dan China bagi Lahun-tahun 1985, 1986, 1987, 1988, 1989 dan 1990;
- (b) apakah sebabnya kekurangan bekalan beras pulut yang sedang berlaku sekarang ini dan apakah langkah yang diambil untuk mengatasi masalah tersebut;
- (c) adakah Kementerian bercadang untuk membuka kawasan-kawasan sawah yang baru bagi mengurangkan import beras negara;

(d) jumlah keluasan tanah yang diusahakan untuk tanaman padi; dan

(e) jumlah subsidi harga padi yang dibayar kepada petani bagi lahun 1985 hingga 1990.

(Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, import beras dari Thailand bagi tahun-tahun 1985 hingga 1990 adalah sebanyak 1,676,325 metrik tan dengan nilai sebanyak \$1,143 ribu juta. LPN tidak mengimport beras dari negeri China bagi tahun-tahun 1985, 1986, 1989 dan 1990. Import beras dari negeri China adalah hanya untuk tahun 1987 dan 1988 sebanyak 14,926.43 tan metrik dengan nilai sebanyak \$8.73 juta.

Mengenai soalan kedua, purata penggunaan beras pulut dianggarkan sebanyak 2,300 tan metrik sebulan. Penggunaan biasanya meningkat di musim-musim perayaan seperti Hari Raya, Tahun Baru Cina dan perayaan-perayaan kaum di Sabah dan Sarawak.

Kekurangan bekalan beras pulut telah dapat diatasi oleh LPN dan pihak pemborong dan peruncit bolehlah mendapatkan beras pulut melalui pusat-pusat khidmat LPN yang terdapat di ibu pejabat, pejabat-pejabat negeri, gudang dan kompleks LPN di seluruh negara.

Bagi menjawab soalan (c), Kementerian tidak bercadang untuk membuka kawasan-kawasan sawah padi yang baru bagi mengurangkan import beras, memandangkan penggunaan beras negara akan bertambah berikutan pertambahan penduduk. Untuk memastikan tahap sara diri lidak menurun kepada kadar yang lebih rendah daripada 65%, usaha-usaha akan ditumpukan untuk meningkatkan produktiviti, kekerapan penanaman, kawalan musuh dan penyakit yang berkesan, mengurangkan

kerugian lepas tuai dan memusatkan pengurusan dan memodenkan sistem pengeluaran. Usaha-usaha tersebut akan ditumpukan di lapan kawasan jelapang padi negara yang sedia ada dan juga di kawasan-kawasan sawah padi yang terpilih di luar jelapang padi untuk digiatkan dengan tanaman padi.

Bagi menjawab soalan (d), jumlah keluasan tanah yang diusahakan, dengan izin, cropped area, untuk tanaman padi pada tahun 1988/1989 ialah 661,557 hektar.

Bagi menjawab soalan (e), jumlah subsidi harga padi yang dibayar kepada petani bagi tahun 1985 hingga 1990 ialah sebanyak \$1,437 juta.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan import beras, ianya diuruskan oleh pihak LPN, saya ingin tahu sama ada ianya masih dibuat secara "G" to "G" atau Kerajaan kepada Kerajaan ataupun dibuat melalui pasaran terbuka iaitu membeli di pasaran terbuka di Thailand, umpamanya, kerana saya difahamkan sekarang ini sistem yang dilakukan sekarang ialah secara melalui quotation iaitu sebut-harga dan sejauh manakah cara sebut-harga ini dapat melindungi dari segi secrecy. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, kebimbangan saya ialah apabila perkara ini tidak dapat jaminan dari segi secrecy maka timbullah pertandingan untuk mendapatkan harga yang murah akibatnya apabila beras-beras itu diimport, mutu beras itu tidaklah begitu baik. Sebab itu, kalau kita tengok beras-beras yang diimport mudah rosak atau cepat rosak yang menyebabkan peniaga-peniaga kurang hendak membeli beras yang diimport daripada Siam. Oleh itu, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, sekurang-kurangnya menghilangkan keraguan masyarakat mengenai dengan perkara ini.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, ini kita tak payah ragu-ragu mengenai import ini kerana ia dibuat melalui "G to G" oleh pihak LPN.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah benar bahawa bekalan beras pulut diimport dengan keseluruhannya dan kalau begitu apakah sebab yang menyebabkan kekurangan bekalan beras pulut yang berlaku baru-baru ini?

Yang kedua, memandangkan bahawa tenaga buruh yang begitu banyak diperlukan untuk mengusahakan tanaman padi ini dan bahawa dasar Kerajaan mengenai tanaman padi adalah untuk memastikan keperluan negara boleh dipenuhi sebanyak 65%, adakah dasar ini akan dikaji semula memandangkan kita sekarang ini kekurangan tenaga untuk mengusahakan sektor-sektor yang memerlukan tenaga buruh yang banyak?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab soalan ini kelmarin, mungkin Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan ketika itu. Jadi, saya tak payah ulang balik.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, kenapakah pihak Kementerian telah menghentikan import beras daripada negeri China sejak lahun 1988, ertinya semenjak akhir-akhir ini. Oleh sebab apa yang kita tahu ialah kalau dibandingkan di antara beras Thailand dengan beras negeri China ini adalah jauh lebih murah beras daripada negeri China.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kita import beras yang sekarang ini lebih murah iaitu daripada Vietnam. (Ketawa)

Tuan Chian Heng Kai: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Cukuplah, Yang Berhormat.

**INSTITUSI KEWANGAN
ISLAM—SAMBUTAN
MASYARAKAT**

9. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Kewangan menyatakan bagaimanakah sambutan masyarakat Islam terhadap institusi-institusi kewangan Islam seperti Bank Islam, Takaful dan lain-lain di dalam bentuk pendeposit, peminjam dan sebagainya. Berapa banyakkah penglibatan masyarakat bukan Islam di dalam institusi-institusi ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, sambutan orang ramai ke atas institusi-institusi kewangan Islam di negara ini seperti Bank Islam (M) Bhd. dan Syarikat Takaful (M) Sdn. Bhd. adalah menggalakkan. Dari segi matlamat, prosedur dan caranya, tiada yang menghalang sesiapa sama ada masyarakat Islam ataupun bukan Islam untuk berurusan dengan Bank Islam dan juga dengan Syarikat Takaful.

Bagi Bank Islam, bilangan pendeposit dan jumlah deposit meningkat dari tahun ke tahun. Tahun 1989 misalnya, bilangan pendeposit adalah seramai 250,429, ia meningkat kepada 288,385 dalam tahun 1990 dan seterusnya bertambah kepada 317,449 hingga 31hb Oktober, 1990.

Jumlah deposit pula meningkat daripada \$1.1 bilion dalam tahun 1989 kepada \$1.15 bilion tahun 1990 dan \$1.17 bilion setakat 31hb Oktober, 1990.

Mengenai pinjaman pula, jumlah yang telah diberi oleh Bank Islam (M) Bhd, tempoh 4 tahun lepas meningkat dari \$428.6 juta (1987) kepada \$897.3 juta hingga Oktober, 1991 dan kini kedudukan Bank Islam semakin kukuh dan jumlah hartanya meningkat daripada \$1,223 juta tahun 1987 kepada \$1,357.2 juta tahun 1991.

Bilangan pendeposit mengikut golongan Islam dan bukan Islam tidak dapat diperolehi kerana Bank Islam tidak menyimpan rekod mengikut golongan agama. Walaupun demikian, ingin saya maklumkan bahawa masyarakat bukan Islam yang menyimpan dan menggunakan pembiayaan Bank Islam dan sebagai salah satu daripada institusi kewangan yang ada, Bank Islam merupakan satu alternatif yang boleh dipilih oleh masyarakat dari segi kemudahan dan manfaatnya yang boleh diberikan olehnya.

Dan dalam keadaan-keadaan yang tertentu pula, ada kalanya menyimpan dalam Bank Islam adalah lebih tinggi manfaatnya dari segi untung rugi jika dibandingkan dengan institusi yang lain. Dalam keadaan yang lain pula, membuat pinjaman daripada Bank Islam adalah lebih baik semasa struktur kadar-kadar yang tinggi dalam pasaran,

Dan bagi Syarikat Takaful (M) Sdn. Bhd. pula jumlah caruman bagi Takaful Keluarga meningkat daripada \$0.9 juta pada tahun 1986 kepada \$15.0 juta tahun 1991. Bilangan sijil penyertaan yang dikeluarkan bagi tempoh itu meningkat daripada 834 kepada 3,159. Bagi Takaful Am, jumlah caruman meningkat dari \$1.4 juta tahun 1986 kepada \$61.4 juta tahun 1990. Sambutan masyarakat bukan Islam terhadap skim-skim takaful yang dikendalikan oleh Syarikat Takaful agak menggalakkan di mana jumlah caruman mereka di dalam Skim Takaful Keluarga dan Takaful Am pada

tahun 1991, masing-masing sebanyak 9.5% dan 1.3% daripada jumlah caruman bagi skim-skim takaful tersebut.

Dan lain-lain institusi Islam seperti Lembaga Urusan dan Tabung Haji mendapat sambutan yang menggalakkan. Tahun 1989 misalnya, bilangan pendeposit ialah seramai 212,783 meningkat kepada 241,590 dalam tahun 1990 dan 257,230 pada Oktober, 1991. Jumlah deposit pula meningkat daripada \$556.6 juta dalam tahun 1989 kepada \$557.7 juta dalam tahun 1990 dan \$544.3 juta hingga Oktober, 1991.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Nik Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau satu ketika dahulu kita amat ragu-ragu dan merasa tidak yakin untuk melaksanakan Bank Islam dan sebahagianya kerana benda itu tidak pernah berlaku, tetapi dengan jawapan Timbalan Menteri Kewangan sebentar tadi, kita berterima kasih dan berasa banggalah, kerana apa yang dilakukan itu telah berjaya dan mendapat sambutan yang amat baik, bukan sahaja dari golongan orang Islam tetapi juga orang-orang bukan Islam pun menerima. Soalan tambahan saya, atas kejayaan itu, mengapakah pihak Kerajaan sendiri sampai ke hari ini tidak dapat menyelaraskan antara bank riba dengan bank tidak riba dan kepada siapakah Kerajaan mencadangkan Bank Islam ini sekiranya Kerajaan sendiri tidak sanggup untuk melaksanakan.

Yang keduanya, kalaulah hasrat mewujudkan Bank Islam ini unluK menjadi satu alternatif ataupun matlamat Kerajaan sendiri, adakah Kerajaan bercadang untuk memindahkan akaun Kerajaan dalam bank riba ini kepada Bank Islam sebagaimana yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan hari ini dan apakah kebimbangan bagi pihak Kerajaan yang sampai hari ini tidak berani untuk membersihkan kewangan

negara bagi mencontohi rakyat umumnya, bahawa selain daripada Bank Islam ini berjaya dan Baik Islam ini telah menjadi pegangan dan amalan kepada Kerajaan sendiri.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, daripada awal-awal lagi soalan tambahan Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa mengakui bahawa pada mulanya tidak ada cara dari segi praktikalnya. Maka perlu dicari cara untuk melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua, bermula bukan sahaja di negara kita ini bahkan di merata dunia mencari-cari cara yang sewajarnya. Maka cerdik pandai di peringkat dunia memikirkan dan akhirnya dimulakan pada tahun 1975 sampailah kepada peringkat kita dapat memperkenalkan cara ini di peringkat dunia dan akhirnya kita dapat memperkenalkan cara, prosedur, matlamat, kaedah, instrument, alatnya sekali untuk kita perkenalkan di Malaysia ini diiktiraf sebagai satu cara menyimpan dan menggunakan, menggerakkan modal melalui cara Islam. Kalau kita menerima hakikat tersebut seperti Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa sebutkan tadi, maka bermakna di sini kita bermula peringkat demi peringkat. Kalau sekiranya itulah peringkat yang telah kita capai, maka tiba pula masanya untuk kita meluaskan lagi kemudahan itu.

Jadi, apabila Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa usaha untuk menyelaraskannya, usaha untuk menjadi alternatif yang mampu menjadi pilihan masyarakat umum, itu adalah peringkat yang seterusnya, yang dirancang oleh pihak Kerajaan.

Jadi, kalau sekiranya institusi yang khusus dibangunkan untuk melaksanakan langkah-langkah, prosedur-prosedur tersebut maka telah juga diumumkan oleh pihak Kerajaan

bahawa institusi konvensional yang lain juga akan dimudahkan melalui pindaan undang-undang sama ada Akta Bank Islam ataupun Akta Institusi Kewangan pada Mesyuarat Parlimen yang akan datang, semoga institusi kewangan yang lain juga mudah untuk membuka kemudahan-kemudahan institusi kewangan dengan cara Islam.

Tuan Yang di-Pertua, yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan bukanlah berdasarkan kepada pragmatik ataupun tidak untuk dilaksanakan tetapi inginlah saya menegaskan di Dewan ini bahawa juga berdasarkan kepada kesedaran kita bahawa alternatif cara Islam ini akhirnya melepaskan sebahagian daripada beban kita dalam soal akidah Islam untuk masyarakat Islam ataupun bukan Islam memilih cara-cara menggunakan kemudahan institusi kewangan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin);
Yang Berhormat Dr Tan Seng Giaw.

(Soalan No. W Y.B. Dr Tan Seng Giaw tidak hadir)

**LAWATAN TIMBALAN
PERDANA MENTERI KE
KUWAIT/IRAN/TURKI**

11. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) hasil lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri melawat ke Kuwait, Iran dan Turki;
- (b) bagaimana dengan cadangan memproses minyak mentah Iran di negara kita dan bilakah ia akan dilaksanakan serta di mana cadangan untuk projek tersebut dilaksanakan.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan); Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya telahpun memberi jawapan kepada soalan yang serupa pada 29hb Oktober, 1991 di Dewan yang mulia ini. Saya tidak mempunyai apa-apa jawapan tambahan.
- (b) Setakat ini terdapat ura-ura untuk memproses minyak mentah Iran di sini tetapi masih lagi tidak dibincangkan secara formal oleh pihak Iran.

**SAHAM TERBITAN KHAS
BUMIPUTERA—
PENYELEWENGAN**

12. Dr Nawawi bin Mat Awini minta Menteri Kewangan menyatakan, memandangkan langkah-langkah yang diambilnya baru-baru ini untuk mencegah penggunaan nama bumiputera untuk mendapatkan saham-saham terbitan khas untuk bumiputera oleh pihak-pihak yang tidak berhak, berapa banyak kes penyelewengan seperti ini yang telah dikesan dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang terlibat, dan setakat manakah perangkaan yang diumumkan mencerminkan hakikat sebenar pegangan bumiputera dalam modal korporat di negara ini.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:
Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menyedari bahawa ada berlaku amalan-amalan negatif oleh pihak-pihak yang tertentu, yang tidak berhak untuk mendapatkan saham-saham terbitan khas untuk bumiputera berdasarkan kepada amalan-amalan berikut:

- (i) Golongan bumiputera dan bukan bumiputera yang tertentu menggunakan nama bumiputera yang lain di dalam permohonan mereka untuk melanggan syer-

syer tersebut sama ada dengan persetujuan ataupun tanpa persetujuan daripada pelabur-pelabur bumiputera yang terlibat;

- (ii) Sebahagian daripada permohonan ini adalah berdasarkan kepada pinjaman bank. Pihak Kerajaan menyedari bahawa kemudahan ini digunakan dengan berleluasa sehinggakan pihak bank didapati telah membuka luas amalan negatif ini untuk berlaku dalam masyarakat;
- (iii) Adalah menjadi pengetahuan umum terdapatnya pemohon-pemohon bumiputera mengemukakan permohonan berganda melalui Bank Deraf yang berganda yang dikeluarkan oleh pihak bank; dan
- (iv) Amalan negatif ini juga dilihat melalui petunjuk yang agak luar biasa iaitu di dalam terbitan awam tertentu, permohonan untuk syer-syer yang dikhaskan kepada pelabur bumiputera telah dilanggan dengan berlipat ganda.

Oleh yang demikian, sejak bulan November 1991 Kerajaan telah mengenakan tata cara yang baru yang mewajibkan pemohon menggunakan alamat seperti di Kad Pengenalan mereka supaya jika permohonan mereka berjaya, sijil saham akan diserahkan terus kepada mereka. Dan jika tidak berjaya MIDF (CCS) akan membuat bayaran balik dengan mengeluarkan ceknya sendiri kepada pemohon di alamat yang disebutkan.

Di samping itu pula, pihak bank disyaratkan menggunakan cek bertanda khas untuk urusan syer tersebut dan tidak dibenarkan bagi mengeluarkan cek-cek berganda bagi pemohon yang

mempunyai kemudahan pembiayaan syer dengan mereka. Ini bermakna bahawa amalan negatif tersebut dapat disekat di peringkat pemohon dan di peringkat bank pula, sistem pembiayaan syer tersebut dapat diperkemaskan lagi.

Berdasarkan kepada tata cara baru ini, Kementerian Kewangan menyedari terdapatnya sungutan daripada pihak awam kerana pihak bank telah mula tidak memberikan kemudahan pembiayaan syer berkenaan. Kementerian Kewangan menyeru supaya bank-bank tidak bertindak keterlaluan kerana sebelum ini telah terlalu longgar memberi kemudahan dan selepas tata cara baru diperkenalkan, mereka telah memberhentikan terus pembiayaan syer tersebut.

Kementerian Kewangan menyeru supaya bank-bank menggunakan tata cara baru ini dengan lebih inovatif untuk membantu pelabur-pelabur bumiputera yang tulen yakni yang mampu membayar balik pinjaman tersebut bagi memiliki syer-syer terbitan awam. Pelabur-pelabur awam pula adalah diseru supaya memiliki saham untuk jangka masa panjang menurut kemampuan mereka bagi tujuan menjayakan rancangan pemilikan ekuiti bumiputera.

Seterusnya amalan-amalan negatif seperti yang disebutkan tadi, tidak mempunyai kesan di atas pegangan korporat bumiputera sesuatu syarikat, kerana ianya tidak diambil kira di dalam penentuan kepatuhan kepada keperluan pegangan bumiputera dalam modal korporat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, apakah Yang Berhormat sedar walaupun ada syarat-syarat yang telah dikenakan tetapi syarat-syarat itu masih lagi longgar. Walaupun dikenakan syarat menghantar cek terus kepada pihak yang berjaya, menyemak Kad

Pengenalan tetapi masih lagi boleh digunakan oleh pihak tertentu untuk mendapatkan saham terbitan khas bumiputera ini dan dijual kepada bukan bumiputera.

Oleh itu saya ingin bertanya, apakah pihak Kementerian bercadang untuk mengetatkan lagi syarat antara lain:

- (i) mengenakan syarat sekurang-kurangnya saham terbitan bumiputera tidak boleh dijual sekurang-kurangnya dalam tempoh lima tahun seumpamanya;
- (ii) menyemak dengan Icliti pemohon-pemohon ini, bukan setakat Kad Pengenalan, maknanya dari segi latar belakangnya supaya mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci lagi supaya ianya tidak diselewengkan; dan
- (iii) nama-nama mereka yang berjaya ini dipamerkan sepertimana yang dikeluarkan dalam Prospectus Bank Islam, pekerja-pekerja yang layak menerima saham dipamerkan supaya orang ramai tahu dia dapat saham. Dan kalau nama dia keluar lagi sekali, orang yang sama dapat kali yang kedua. Jadi, orang tahulah orang yang sama dapat.

Jadi, bagi mengatasi ianya tidak berpindah tangan kepada bukan bumiputera dan bagi menentukan bahawa pembahagian ini adil, apakah cara syarat-syarat yang ada sekarang ini akan dikemaskinikan lagi?

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

Tuan Yang di-Pertua, langkah yang dibuat oleh Kerajaan berdasarkan kepada pengamalan amalan yang negatif yang telah saya huraikan sebentar tadi. Jika sekiranya perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang

Berhormat dari Pasir Mas itu hendak diketengahkan, maka seruan ke arah langkah semoga bumiputera dapat menikmati kemudahan saham-saham terbilan ini dengan tiada penyelewengan, kita akan beralih kepada tahap menyeksa pula masyarakat bumiputera. Kalau diambil kira bahawa saham itu tak boleh dijual sampai lima tahun, yang dapat berdasarkan kajian latarbelakang masing-masing sampai begitu terperinci dan yang dapat diwajibkan dipamerkan untuk umum mengamatinya. Jadi biarlah kita lihat langkah yang terakhir ini dibuktikan berkesan untuk mengatasi penyelewengan lebih dahulu. Kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas sudah nampak kemungkinan penyelewengannya, pihak Kementerian berterima kasih untuk mendapat pengamatan Yang Eerhormat dari Pasir Mas yang jauh ke depan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan untuk mencegah penjualan saham-saham yang ada dihaskan untuk bumiputera, adakah cadangan-cadangan ini senang dilaksanakan apabila kerusi dalam Parlimen pun boleh dijual oleh Yang Berhormat yang menyoal tadi? Apabila kerusi dalam Parlimen pun boleh dijual, adakah senang untuk menghad.....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Eh, itu bukan soal jawablah!

Tuan Lim Kit Siang: Apa ini?menghadkan penjualan saham-saham.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(Menyampuk)

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Yang Berhormat.....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Point of order. Hoi, anjing, diam!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Pasir Mas, sebentar ya!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Babi.....

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, semalam ada teguran, nampaknya tak dihiraukan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, soalan itu tidak berkaitan dengan soalan pokok.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ini biadap, kurang ajar.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sabar Yang Berhormat

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Inikah standard Ketua Pembangkang?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Pasir Mas, minta duduk! Soalan tidak berkaitan, Tanjong.

JUALAN BUAH-BUAHAN DI LEBUHRAYA IPOH-CHANGKAT JERING

13. Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah ia sedar bahawa Lebuhraya Ipoh/Changkat Jering telah menghadapi masalah penjualan buah-buahan di kawasan perkampungan Bukit Gantang. Apakah langkah Kementerian untuk membetulkan keadaan ini bagi:

(a) memastikan keselamatan pengguna lebuhraya;

(b) menentukan petani-petani boleh berniaga dengan penuh restu Kerajaan.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Bagi memastikan keselamatan pengguna-pengguna lebuhraya di bahagian Ipoh-Changkat Jering, pihak PLUS telahpun mengambil tindakan tertentu bagi mengatasi kegiatan penjualan buah-buahan di kawasan yang tidak dibenarkan di perkampungan Bukit Gantang. Di antara langkah-langkah yang telah diambil ialah seperti berikut:

(i) meletakkan papan tanda 'No Stopping Except Emergency' sepanjang lebuhraya untuk memudahkan penguatkuasaan;

(ii) meminta bantuan Polis untuk mengambil tindakan terhadap pemandu kenderaan yang berhenti; dan

(iii) mengadakan rondaan berterusan untuk mengingatkan penjual-penjual tersebut supaya memberhentikan perniagaan mereka.

Walaupun langkah-langkah di atas telah diambil oleh PLUS, masih terdapat kegiatan jualan di kawasan-kawasan yang tidak dibenarkan ini berlaku. Seterusnya pihak PLUS juga sedang berusaha dengan Majlis Perbandaran Taiping (Unit Penguatkuasaan) dengan bantuan Polis Lebuhraya untuk membuat lawatan mengejut ke kawasan penjualan haram ini.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada dasarnya pihak PLUS akan menyediakan satu kawasan khas bagi petani-petani untuk menjual hasil pertanian mereka di kawasan Rehat dan Rawat yang terdapat di beberapa tempat di sepanjang lebuh raya. Di bahagian Lebuh raya Ipoh-Changkat Jering ini, satu kawasan Rehat dan Rawat akan dibina berhampiran Sungai Perak. Petani-petani yang berminat bolehlah memohon kepada pihak PLUS untuk mendapatkan tempat perniagaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah cukup.

(Masa untuk Perlanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Soalan No. 7, 10 dan 14 hingga 26 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak)

PELDA DI SABAH—LUAS TANAH

7. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatahkan berapakah luas tanah yang telah dibuka oleh FELDA di Sabah dan adakah rancangan-rancangan FELDA ini mendapat keuntungan ataupun sebaliknya.

Dato' Mohamed bin Jamrah: Luas tanah yang telah diusahakan oleh FELDA di Sabah sejak ianya beroperasi pada tahun 1979 sehingga Julai 1991 berjumlah 99,193 hektar. Daripada jumlah ini, 86,487 hektar ditanam dengan kelapa sawit dan bakinya ditanam dengan koko, kopi, tanaman campuran dan kawasan kediaman.

Daripada 86,487 hektar yang ditanam dengan kelapa sawit, 48,357 hektar telah pun mengeluarkan hasil.

Pengeluaran hasil bagi tahun 1991 sehingga Julai ialah 337,555 tan ataupun 89.4% daripada anggaran berjumlah 377,579 tan. Bagaimanapun anggaran hasil pengeluaran bagi tahun ini sebanyak 696,510 tan mungkin dapat dicapai menjelang akhir tahun ini.

Pada masa ini, sebanyak 9 rancangan di Sabah telah pun ditempatkan peserta. Daripada 9 rancangan ini, 4 daripadanya telah pun memberikan keuntungan.

Adalah dijangka bahawa semua rancangan FELDA di Sabah akan menghasilkan pulangan yang menguntungkan. Bagaimanapun, tempoh masa dan tahap pencapaian keuntungan berbeza antara rancangan kerana ia bergantung kepada tahun ia mula dibangunkan dan juga harga hasil tanaman dipasarkan.

SUKAN GOLF SEBAGAI TARIKAN PELANCONG

10. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatahkan:

- (a) mengapakah tumpuan diberi kepada permainan golf dalam pakej "Melancong Dan Rekreasi Menuju Ke Tahun 2020". Bukankah matlamat pelancongan ialah untuk menonjolkan budaya seni, termasuk permainan tradisi sendiri;
- (b) apakah ia bererti faktor-faktor komersial seperti pasaran 20 juta orang peminat golf di Jepun, lebih penting daripada mengutarakan budaya seni unik permainan tradisi. Selaras itu, adakah program-program, pembangunan pelancongan negara, khususnya di bidang kesukanan pada masa akan datang mengikut selera asing atau permainan pasaran; dan

- (c) mengapakah Kerajaan sebegitu yakin bahawa berbilang-banyak padang golf itu akan datang memerangkap pasaran 20 juta orang peminat golf Jepun.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Rahman bin Suliman):

- (a) Kerajaan tidaklah memberi tumpuan yang lebih kepada sukan golf di dalam usaha menarik pelancong ke Malaysia. Sebaliknya Kerajaan telah memben keutamaan dan penekanan kepada pembangunan kebudayaan, kesenian dan alam semulajadi dalam usaha-usaha untuk menarik pelancong ke negara ini. Walau bagaimanapun, sukan golf baru-baru ini telah dijadikan sebagai satu tarikan pelancongan memandangkan ramai para pelancong yang berminat bermain golf dan Malaysia mempunyai kemudahan-kemudahan untuk menampung permintaan pelancong-pelancong tersebut.
- (b) Dari segi pembangunan pelancongan yang berdasarkan kepada sukan khususnya Kerajaan mengambil perhatian tentang kemudahan-kemudahan sukan yang sedia ada serta yang mampu disediakan dan juga pentingnya kegiatan sukan berkenaan diadakan di negara ini iaitu dari segi dapat memperkenalkan nama Malaysia di luar negeri serta menarik peminat sukan untuk melancong ke negara ini.
- (c) Saya ingin menjelaskan di sini bahawa tujuan mengadakan padang golf bukanlah semata-mata untuk menarik pelancong tetapi untuk menampung

permintaan pemain-pemain golf tempatan. Untuk makluman Yang Berhormat, permintaan tempatan untuk bermain golf kian meningkat dan kemudahan yang sedia ada tidak dapat memenuhi permintaan tersebut.

JABATAN KERAJAAN—PUNCA PENDAPATAN SENDIRI

14. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kesan-kesan positif dan negatif berikutan dari pengenalan dasar baru Kerajaan supaya jabatan-jabatan Kerajaan diminta mencari punca-punca pendapatan sendiri. Tidakkah dasar seperti ini akan membebankan rakyat yang berpendapatan rendah di negara ini.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Antara punca-punca pendapatan sendiri yang boleh diprolehi oleh jabatan-jabatan ialah dengan mengenakan bayaran ke atas perkhidmatan-perkhidmatan dan borang-borang yang masih diberikan kepada orang ramai secara percuma.

Pada 21 Oktober 1991, semasa menjawab soalan Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya telah menerangkan dengan panjang lebar tujuan dan prinsip-prinsip yang wajar digunakan apabila Jabatan mengenakan bayaran ke atas borang-borang dan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan.

Saya ingin menegaskan bahawa dasar ini tidak akan membawa kesan negatif. Sebaliknya kesan-kesan positif daripada dasar ini ialah Kerajaan dapat menghapuskan tabiat membazirkan borang-borang yang diberikan secara percuma di samping menjimatkan perbelanjaan. Mengenai bayaran ke atas perkhidmatan-perkhidmatan pula ianya akan dapat menampung sebahagian kos pemberian perkhidmatan

berkenaan. Di samping itu ianya juga akan dapat memupuk sikap 'cost-consciousness' di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan serta orang ramai dan dengan demikian akan mempertingkatkan disiplin pengurusan wang awam.

Saya juga ingin menjelaskan sekali lagi bahawa kadar-kadar yang akan dikenakan adalah berpatutan serta tidak akan membebankan rakyat yang berpendapatan rendah.

BANCI PENDAFTARAN PENDATANG LUAR NEGERI

15. Tuan Maidom P. Pansai minta Perdana Menteri menyatakan bahawa sehingga Pasukan Petugas Khas Persekutuan selesai membuat gerakan banci dan pendaflaran pendatang luar negeri Sabah pada 13hb Ogos, 1991.

- (a) bcrapa pendatang luar negeri yang telah didaftarkan dengan memberikan pecahan mengikut nama negara asalnya;
- (b) apakah Kerajaan buat kepada mereka itu. Sama ada akan dihantar kembali ke negara asal mereka atau diberi kebenaran secara sah di negeri Sabah atau dikurung (to be placed in confinement) di suatu pulau seperti yang dibuat oleh Kerajaan Pusat kepada pendatang haram Vietnam di Pulau Bidong; dan
- (c) atau adakah benar bahawa tujuan gerakan dibanci dan pendaftaran itu adalah sebenarnya untuk mengenalpasti pendatang haram di Sabah supaya Kerajaan Pusat dapat memberikan mereka Kad Pengenalan Biru dalam usaha untuk membolehkan mereka mendaftar sebagai pengundi kelak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Gerakan pendaftaran terhadap Pendatang Luar Negeri Filipina dan Indonesia telahpun selesai dijalankan pada 13 Ogos 1991. Kerja-kerja kemasukan data ke dalam komputer sedang giat dijalankan.

Memandangkan bahawa tugas-tugas tersebut masih belum selesai maka tugas-tugas penganalisaan data masih belum holeh dilaksanakan. Oleh yang demikian, pasukan ini belum dapat mengetahui jumlah pendatang luar negeri mengikut negara asal masing-masing dengan tepat.

Selepas proses pengkategorian, tindakan-tindakan yang sewajarnya akan diambil terhadap golongan yang didapati masuk ke negara ini tanpa izin. Antara tindakan yang akan diambil adalah mengusir balik mereka ini ke negara masing-masing. Perlu dimaklumkan bahawa tindakan pengusiran terhadap mereka yang dikenalpasti sebagai Pendatang Tanpa Izin telah dan sedang dijalankan sekarang.

Lain-lain bentuk tindakan terhadap golongan ini akan dikaji dan diputuskan oleh Majlis Keselamatan Negara selepas selesai proses penganalisaan data, pengkategorian dan penyediaan laporan oleh Pasukan Petugas Khas kepada Majlis tersebut.

Pada peringkat ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Pusat Tahanan di sebuah pulau seperti yang dibuat terhadap Pendatang Haram Vietnam di Pulau Bidong, untuk menahan Pendatang Tanpa Izin di Sabah dan di Wilayah Persekutuan Labuan. Walau bagaimanapun, Kerajaan memang merancang untuk menubuhkan Pusat Tahanan Sementara di Tawau, Sandakan, Kota Kinabalu dan Wilayah Persekutuan Labuan bagi menempatkan Pendatang Tanpa Izin sebelum mereka diusir kembali ke

negara asal masing-masing. Penubuhan Pusat Tahanan Sementara ini sedang diusahakan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah.

Walau bagaimanapun, pelaksanaannya bergantung kepada secepat mana Kerajaan Negeri dapat menyiapkan kerja-kerja pembinaan dan ubahsuai pusat-pusat tahanan tersebut.

Anggapan Ahli Yang Berhormat bahawa tujuan Gerakan Pendaftaran dijalankan adalah untuk mengenalpasti Pendatang Tanpa Izin di Sabah dengan tujuan memberi kad pengenalan biru kepada mereka adalah tidak benar sama sekali.

MENANGKAP IKAN DI LABUAN

16. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah kelulusan lesen/permit Penangkapan Ikan Laut Dalam yang diberikan kepada pengusaha dari Semenanjung untuk beroperasi di Labuan hingga September, 1991.

- (a) apakah ciri-ciri utama yang perlu ada pada pengusaha untuk beroperasi di Labuan;
- (b) bolehkah pengusaha ini pindah pengkalan ke mana-mana pelabuhan di Semenanjung apabila perlu; dan
- (c) sila berikan syarat-syarat perpindahan tersebut.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Jumlah permit yang telah diluluskan kepada pengusaha dari Semenanjung untuk menangkap ikan di Labuan sehingga bulan September 1991 ialah 35.

- (a) Ciri-ciri utama yang perlu ada pada pengusaha untuk beroperasi di Wilayah Persekutuan Labuan ialah:
 - (i) Bagi pemohon-pemohon daripada Semenanjung

mercka hendaklah sanggup menangkap ikan di perairan Malaysia Timur dan bot berpangkalan di sana (Labuan).

- (ii) Pemohon-pemohon hendaklah berkemampuan dari segi kewangan, pengurusan, pemasaran ikan dan sebagainya.
- (b) Pengusaha yang berpangkalan bot di Wilayah Persekutuan tidak dibenarkan berpindah pengkalan ke Semenanjung Malaysia oleh kerana ia akan menjejaskan kuota lesen yang sedia ada di Semenanjung. Penetapan kuota ini adalah berdasarkan kepada sumber yang terdapat di sesuatu tempat.
- (c) Tiada syarat-syarat perpindahan pengkalan dikenakan oleh kerana perpindahan pengkalan tidak dibenarkan.

JUDI HARAM

17. Dr Sanusi bin Daeng Mariok minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada terdapat atau tidak rancangan Kerajaan untuk menghapuskan amalan judi dalam negara.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan semua aktiviti perjudian buat masa ini kerana Kerajaan berpendapat tindakan mengharamkan semua bentuk perjudian akan hanya menggalakkan aktiviti 'judi haram'. Pada lazimnya aktiviti 'judi haram' melibatkan anasir-anasir negatif yang sering mengancam keselamatan negara dan juga menimbulkan pelbagai implikasi yang tidak sihat. Oleh yang demikian dasar Kerajaan sekarang membenarkan syarikat swasta

mengendalikan aktiviti perjudian adalah bertujuan untuk memerangi kegiatan 'judi haram' dan anasir-anasir jahat yang mengancam keselamatan negara. Dengan meningkatkan aktiviti penguatkuasaan dan mengambil tindakan yang tegas ke atas operator-operator 'judi haram' dan dengan adanya kawalan yang rapi ke atas syarikat-syarikat perjudian yang berlesen, Kerajaan percaya Kerajaan dapat memerangi dan membendung secara lebih berkesan kegiatan 'judi haram' dan anasir-anasir jahat yang mengancam keselamatan negara.

Dasar Kerajaan mengenai aktiviti perjudian ialah Kerajaan sendiri tidak lagi terlibat secara langsung dalam mengendalikan aktiviti perjudian. Selaras dengan dasar tersebut Kerajaan telah memberhentikan operasi loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan pada tahun 1990. Kerajaan juga telah mengambil langkah untuk tidak meluluskan lagi lesen-lesen baru bagi semua jenis aktiviti perjudian. Walau bagaimanapun, Kerajaan masih membenarkan syarikat swasta meneruskan operasi perjudian yang telah sedia dilesenkan, tetapi dengan mengadakan kawalan yang ketat ke atas operasi aktiviti-perjudian tersebut. Antara syarat-syarat yang dikenakan ialah larangan terhadap orang-orang Islam memasuki kasino di Genting Highlands, orang-orang yang berumur di bawah 21 tahun termasuk kanak-kanak sekolah dilarang dari memasuki semua tempat-tempat perjudian termasuk kasino di Genting Highlands, gelanggang lumba kuda, kedai-kedai jualan tiket pertaruhan Toto, 3D, 4D, dan loteri 'sweepstakes'.

Di samping itu pemegang-pemegang lesen perjudian pula adalah dikehendaki mempamerkan papan tanda yang menyatakan "Judi Adalah Haram Di Sisi Agama Islam". Tiket-tiket pertaruhan juga dikehendaki dicetak dengan kenyataan "Judi Adalah Haram Di Sisi Agama Islam". Premis-premis

perjudian pula tidak boleh diletakkan berhampiran dengan sekolah dan rumah ibadah.

Kerajaan menyedari masalah perjudian adalah merupakan masalah sosial yang tidak dapat di atasi melalui perundangan sahaja. Oleh yang demikian Kementerian Kewangan dengan kerjasama Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi (SERU), Jabatan Perdana Menteri sedang menjalankan satu kajian mengenai amalan perjudian di kalangan rakyat Malaysia. Adalah diharapkan Kerajaan akan memperolehi maklumat-maklumat yang terperinci mengenai orang-orang yang berjudi termasuk maklumat mengenai taraf sosio ekonomi mereka, mengapa mereka berjudi, kekerapan berjudi, tempat dan amaun pertaruhan yang dibuat. Berdasarkan maklumat itu kelak Kerajaan akan menyediakan pelan tindakan dan strategi yang lebih berkesan bagi mengawal dan mengurangkan aktiviti perjudian.

CERDIK PANDAI UNIYERSITI MELETAKKAN JAWATAN

18. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengurangkan peninggalan ahli-ahli cerdik pandai dari universiti-universiti tempatan di negara pada masa ini.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahti Yang Berhormat, soalan ini telahpun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 7.11.91.

PULAU BATU PUTEH— PENDIRIAN MALAYSIA

19. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

(a) apakah pendirian Kerajaan Malaysia mengenai Pulau Batu

Puteh dan bilakah masalahnya hendak dirundingkan oleh Kerajaan dengan Kerajaan Singapura;

- (b) apakah benar, mengikut dakwaan Kerajaan Singapura, satu perundingan telah diadakan pada tahun 1981 yang telah menyelesaikan kedudukan pulau itu, sila butirkan kandungan perundingan tersebut; dan
- (c) adakah Kerajaan bersedia membawa tuntutan ini ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa sekiranya kedua-dua negara tidak dapat menyelesaikannya.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Kedaulatan Malaysia terhadap Pulau Batu Puteh adalah berasaskan kepada fakta-fakta tertentu. Walau bagaimanapun, memandangkan isu ini akan dirundingkan dengan Kerajaan Singapura, adalah tidak wajar butir-butir isu itu dibincangkan secara terbuka.

Memanglah benar pada tahun 1981, kedua-dua negara telah bersetuju untuk menyelesaikan isu ini secara perundingan. Malaysia percaya soal ini boleh diselesaikan di antara kedua negara tanpa melibatkan pihak ketiga.

PENYAKIT AIDS—KAWALAN

20. Tuan Lai Lun Tzee minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah terdapat pesakit AIDS atau pembawa kuman AIDS di negeri Sabah; dan
- (b) di samping itu, adakah Kerajaan mengadakan langkah-langkah kawalan jangkitan penyakit AIDS di Sabah.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan ini telahpun saya buat dalam jawapan saya kepada soalan mulut oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad dari Parit Sulong pada 21.10.91.

(Soalan No. 21. Sila lihat jawapan No. 5 pada 28.10.91)

KOPERASI KEWANGAN PEMBANGUNAN SABAH BERHAD

22. Tuan Philip Yong Chiew Lip minta Menteri Kewangan menyatakan bilakah cadangan skim penyerahan hutang deposit Koperasi Kewangan Pembangunan Sabah Berhad (Assignment of the deposit Habilities of Sabah Development Finance Co-operative Society Ltd.) yang masih di dalam pertimbangan Yang Berhormat Menteri boleh diluluskan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Untuk makluman Yang Berhormat, Koperasi Kewangan Pembangunan Sabah Berhad adalah di antara koperasi-koperasi mengambil deposit yang menghadapi masalah membayar balik tanggungan deposit kepada pendeposit-pendepositnya. Koperasi ini didaftarkan pada bulan Ogos 1985. Oleh kerana koperasi ini menghadapi masalah maka satu penyiasatan telah dijalankan pada tahun 1988 dan didapati koperasi ini tidak mempunyai aset yang mencukupi untuk membayar balik sepenuhnya kepada semua pendeposit-pendepositnya. Nilai asetnya bagi setiap satu ringgit deposit adalah kurang daripada satu sen dan dengan demikian, koperasi ini didapati dalam keadaan dengan izin, insolven.

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan Skim Penyelamat bagi koperasi ini masih dalam pertimbangan.

MASALAH AIDS

23. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada benar atau tidak prestasi Kementerian dalam menangani masalah AIDS yang semakin bertambah dalam negara ini semakin merosot. Jika benar, apakah sebabnya. Jika tidak, nyatakan buktinya.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin; Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan ini telahpun saya buat dalam jawapan saya kepada soalan mulut oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad dari Parit Sulong pada 21.10.91.

KESESAKAN DI PENJARA- PENJARA

24. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bagaimana Kerajaan mengambil langkah segera bagi mengatasi masalah kesesakan di penjara-penjara sekarang yang mana telah menyebabkan masalah kepada pihak polis di dalam menjalankan operasi menyeluruh memberkas penagih-penagih dadah;
- (b) apakah langkah berkesan yang sedang diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah penagih dadah yang mengidap AIDS; dan
- (c) adakah Kementerian akan mengadakan pusat penempatan khas seperti di pulau bagi penagih-penagih dadah yang mengidap AIDS supaya tidak membahayakan orang lain.

Tuan Ong Ka Ting:

- (a) Bagi mengatasi masalah ini, pihak Kerajaan telah mengambil beberapa langkah positif antara lain:
 - (i) mengubahsuai dan memperbesar kan bangunan penjara yang sedia ada;
 - (ii) membina beberapa buah lagi penjara baru seperti Penjara Marang, Jelebu, Penor dan Simpang Rengam dan penjara-penjara tersebut telah pun beroperasi. Sementara itu penjara baru menggantikan Penjara Pudu dan Penjara Pokok Sena sedang dalam perancangan;
 - (iii) pihak berkuasa penjara juga telah mengadakan perundingan dengan pihak berkuasa Imigresen supaya dapat menguruskan penghantaran balik banduan-banduan dagang ke negara asal mereka. Ini bertujuan bagi mengelakkan kesesakan penjara.
- (b) Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Dalam Negeri bagi mengatasi masalah penagih dadah yang menghidap Aids ialah mengasingkan mereka dan meminta kerjasama Kementerian Kesihatan mengendalikan rawatan segera. Bagi penagih dadah yang dikesan sebagai pembawa kuman HIV pula akan terus menerima rawatan dan pemulihan di Pusat-pusat Serenti.

- (c) Kementerian Dalam Negeri tidak bercadang untuk mengwujudkan satu penempatan khas bagi penagih dadah yang mengidap Aids ini tetapi mereka akan ditempatkan di satu bangunan khas berpisah dengan penagih dadah yang lain di dalam Pusat Serenti yang akan dikenalpasti bagi tujuan tersebut.

PESAKIT AIDS

25. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapa ramaikah pesakit dan pembawa virus AIDS yang telah dikesan;
- (b) berapakah bilangan pesakit yang mengidap AIDS disebabkan kecuaihan pihak-pihak hospital misalnya melalui pemindahan darah dan apakah tindakan Kementerian berhubung perkara ini; dan
- (c) apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengawal mengelak masalah ini terutamanya pengidap dan pembawa virus AIDS di kalangan pelancong luar negeri.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan ini telahpun saya buat dalam jawapan saya kepada soalan mulut oteh Ahli Yang Berhormat Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad dari Parit Sulong pada 21.10.91.

MUZIUM NEGARA— KEBAKARAN

26. Tuan Saidin bin Adam minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apakah punca-punca kebakaran bangunan tambahan Muzium Negara pada 17 September 1991 yang lalu;

- (b) benarkah bangunan tersebut tidak dilengkapi dengan peralatan-peralatan mencegah kebakaran yang diluluskan; dan

- (c) jika benar, apakah tindakan yang telah diambil ke atas mereka yang bertanggungjawab dan langkah-langkah supaya ianya tidak berulang lagi.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dr Ting Chew Peh):

Pihak Muzium ada menubuhkan suatu pasukan bagi menyiasat kebakaran pada 17 September 1991 di Muzium Negara. Anggotanya termasuk pegawai Bomba. Punca sebenar kebakaran masih lagi dalam siasatan.

Bangunan yang terbakar ini ada dilengkapi dengan alat pemadam api mudah alih jenis karbon dioksida dan alat pengesan asap yang diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1992

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1992

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula per-timbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1992 dan Anggaran Pembangunan, 1992 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (Hari Keenam)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

*Maksud B.20 (Jadual)—
Maksud P.20 (Anggaran Pempa-
ngunan, 1992)—*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Siapa yang menyambung hari ini? Nampaknya Kepong tergesa-gesa masuk lambat tadi. Hendak sambung?

Dr Tan Seng Giaw: Ya, hendak sambung.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): 10 minit.

Dr Tan Seng Giaw: 10 minit? Semalam baru dua tiga minit.....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Semalam Yang Berhormat berucap 5 minit, jadi kita hadkan 10 minit ya!

Dr Tan Seng Giaw: ...kerana pengganggu-pengganggu yang banyak. Itu injury time?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tak ada injury time.

3.36 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, tambah lagi tajuk yang dibincangkan ini adalah tajuk yang penting mengenai Dasar dan Penyelidikan Perdagangan Antara-bangsa dan Industri.

Saya telah sebutkan mengenai Malaysian Business Council dan juga saya beh beberapa cadangan untuk diterima oleh pihak Kerajaan. Di sini saya hendak bertanya mengenai Dasar Perdagangan Antarabangsa, apakah usaha-usaha ke arah memper-kembangkan pasaran ke negara-negara seperti Kampuchea, Vietnam, Myanmar, Afrika Selatan dan negara-negara Eropah Timur. Tak dengar

sangat di Bropah Timur kerana sekarang asyik di negara-negara Amerika Latin, Venezuela yang disukai sekarang, tetapi saya tak tahulah apa yang telah dibuat untuk memperkembangkan pasaran ke negara-negara tersebut.

Tuan Pengerusi, mengenai EAEC kerana kita bincangkan mengenai dasar ini, nampaknya ada setengah-setengah negara di dalam ASEAN pun tidak begitu berminat sehingga East Asia Economic Grouping (EAEG) telah ditukar menjadi EAEC (East Asia Economic Caucus). Apakah reservations, dengan izin, Kerajaan terhadap APEC. Adakah negara-negara ASEAN juga bcrpcndapat serupa dengan negara kita. Selama ini hanya kedengaran ancaman terhadap Amerika Syarikat dan ada setengah-setengah orang yang menuduh pihak Amerika Syarikat berunsur perkauman mengenai bantahan terhadap EAEC. Apakah ini semua benar? Akan tetapi tidak sekali-kalinya ada penerangan jelas daripada Kerajaan, mngapa ia merasa matlamat kerjasama ekonomi tidak mungkin tercapai menerusi APEC.

Tuan Pengerusi, saya setuju kalau dengan adanya EC yang lebih besar dan dengan adanya NAFTA di Amerika Utara pasaran yang lebih besar, kalau wujudnya perlindungan ekonomi (protectionism) dan banyak lagi halangan-halangan perdagangan, memang kita hendaklah berusaha untuk menentang dan menyelesaikan masalah ini. Kalau itulah maksud EAEC, maka ini satu jalan yang betul. Walau bagaimanapun, setakat ini penjelasan dan pncncrangan daripada pihak Kerajaan tidak jelas. Bagaimanakah tindak balas negara-negara ASEAN lain terhadap bantahan Amerika Syarikat, terutama sekali desakan ke atas Jepun supaya tidak menganggotai EAEC.

Tuan Pengerusi, saya hendak tekankan di sini bahawa baru-baru ini di Parlimen Jepun pun telah

meluluskan satu rang undang-undang untuk membolehkan Jepun memperbesarkan tenteranya untuk dihantar ke negara-negara yang lain.

Ini menunjukkan keadaan tidak serupa. Sejak Perang Dunia Kedua, Jepun sekarang muncul bukan sahaja suatu kuasa ekonomi, bahkan juga suatu kuasa tentera. Dan tidak payahlah kita hendak membidas Amerika Syarikat kerana hendak tekankan Jepun. Jepun boleh menjaga kepentingan sendiri, tetapi saya pun hairan juga negara seperti Jepun.....

Tuan Chua Jui Meng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Yang Berhormat Kepong, Timbalan Menteri bangun.

Tuan Chua Jui Meng: Kepong jangan buang masa. Masa ini emas dan dia sekarang apa yang disebutkan semua dasar, bukan Committee stage.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, itu berkenaan dasar ya.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengcrusi, program 010300 Dasar dan Penyelidikan, itu yang disebutkan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.....

Dr Tan Seng Giaw: Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak membaca buku ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sekarang dalam Jawatan-kuasa.

Dr Tan Seng Giaw: Mengenai dasar-dasar dan penyelidikan yang penting sekali untuk negara ini untuk mempertahankan kedudukan dan memperkembangkan perdagangan Malaysia di antarabangsa—itu penting.

Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu Jepun sekarang menanamkan modal berpuluh trilion dollar Amerika Syarikat di seluruh dunia sebagai capital investment? Tidak payah kita hendak bidas Amerika Syarikat bagi pihak Jepun. Mereka lebih kuat.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya hairan mengapa Yang Berhormat dari Kepong bcria-ia mcmpertahankan Amerika Syarikat tanpa sebarang alasan yang kuat, iaitu kita tahu bahawa Jepun walaupun ia mempunyai banyak investment di Amerika, tetapi ia masih tertakluk kepada public opinion Amerika yang seterusnya akan mempengaruhi pembuatan undang-undang ekonomi Amerika.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Padang Terap ini walaupun separuh itu di Kampung laut di Palekbang di negeri Kelantan sekarang itu, tetapi nampaknya masih degil lagi. Saya bukan hendak sokong Amerika Syarikat! Amerika Syarikat memang mempunyai ciri-ciri dan sifat-sifat yang tertentu dan kadangkala tidak mengambil kira perasaan negarancgara yang ketiga, itu satu hakikat. Bukan saya hendak melindungi Amerika Syarikat di sini, saya cuma hendak bangkitkan satu perkara di mana Jepun sendiri boleh mempertahankan kedudukan sendiri dcngan kekuatan tentera, dengan kekuatan sebagai super power di dalam ekonomi, fasal apa kita hendak mempertahankan Jepun terhadap Amerika Syarikal? Tak payah!

Cuma kita hendak terangkan kepada rakyat Malaysia apakah dasar EAEC. Mengapa kita hendak wujudkan EAEC, cuba kita tanya penduduk-penduduk dan rakyat Malaysia sama ada mereka faham apa yang disebutkan sebagai EAEC?

Tuan Pengerusi, berasaskan pengumuman akhbar tempatan, negara ASEAN lain nampaknya tidak mengambil berat terhadap tindakan Amerika Syarikat. Adakah ini kerana setiap negara berkenaan mempunyai idea kerjasama ekonomi mereka sendiri seperti yang dikemukakan semasa perjumpaan Menteri-menteri Kewangan ASEAN pada awal bulan Oktober di mana Malaysia telah mengutarakan konsep EAEG, Singapura—Growth Triangle; Filipina—ASEAN Treaty of Economic Corporation, Thailand—ASEAN Free Trade Area dan Indonesia, ASEAN Common Effective Preferential Tariff Arrangement.

Tiap-tiap negara mempunyai pendapat tersendiri untuk menjaga kepentingan sendiri. Jika Jepun tidak menyertai EAEC, adakah ini bermakna konsep ini akan digugurkan sama sekali kerana tanpa kehadiran Jepun, caucus tidak berkesan. Apakah tindakan akan diambil oleh Kerajaan jika negara-negara Asia Timur seperti Jepun, Taiwan dan Korea Selatan tidak menyertai EAEC jika penyertaan Jepun adalah sebegitu mustahak sekali. Adakah ia bermakna sekiranya Jepun menyertai EAEC, maka negara itu akan mempunyai ketuanan ekonomi (economic dominance).

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan hal ini kerana itu memang penting, kerana kita nampak rencana-rencana di dalam *New Straits Times* yang menuduh pihak Amerika Syarikat mempunyai unsur perkauman terhadap EAEC.

Tuan Pengerusi, satu lagi mengenai Butiran 004000 Anggaran Cara langsung 1992 yang peruntukannya lebih \$2 juta. Ini merupakan satu butiran baru. Apakah nama lengkap bagi butiran ini? Sektor-sektor manakah yang terlibat, mengapakah sektor-sektor ini terpilih, apakah bentuk kajian yang khusus yang dijalankan, siapakah yang menjalankan

kajian ini dan apakah wang disediakan sebagai grant untuk kajian penyelidikan dan pembangunan?

Tuan Pengerusi, mengenai Butiran 01100 Kemajuan Perindustrian Industri Kecil dan Sederhana (IKS), seperti mana telah saya bangkitkan semalam dan dijawab oleh Seliausaha Parlimen mengenai satu tabung yang penting untuk IKS di mana kita dapat tahu sekarang walaupun lebih \$4.5 juta diluluskan, tetapi nampaknya bagi 100 permohonan IKS itu, cuma diberi ratus ribu ringgit dikeluarkan untuk maksud ini. Ini bermakna walaupun ada tabung, maka tidak begitu berkesan untuk memberi bantuan dan galakan kepada IKS itu.

Mengenai Butiran ini, apakah sudah terjadi kepada aktiviti-aktiviti kumpulan perangkaan banci dan kajian pelan tindakan IKS? Kita sangat tertunggu-tunggu untuk mengetahui apakah yang terjadi dengan kajian tersebut. Perbelanjaan sebenar Butiran bagi tempoh masa 1986 hingga 1990 dicatat sebagai \$6,572,655 akan tetapi dalam Belanjawan 1991, perbelanjaan sebenar bagi tempoh masa yang sama sudah pun mencapai \$10,649,800. Jadi, ada satu perbezaan yang besar yang hampir \$4 juta ini. Saya berharap pihak Kementerian dapat memberi jawapan yang tepat mengenai adanya perbezaan yang begitu besar.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, bagi aktiviti 01 Aktiviti Sub-Contracting, satu juta diperuntukkan. Kami sedar akan kepentingan aktiviti ini dalam industri pembuatan terutama sekali membolehkan kilang-kilang besar mengurangkan kos serta mempercekapkan keluaran supaya dapat mengekalkan pertumbuhan eksport yang stabil, akan tetapi bagi syarikat-syarikat multi-national kononnya perusahaan-perusahaan IKS menghadapi kesukaran mendapatkan perniagaan mereka khususnya dalam pembekalan komponen atau barangan

separa siap. Ini berlaku kepada pengusaha-pengusaha IKS di bawah Industrial Technical Adjustment Fund walaupun keluaran mereka diluluskan oleh SIRIM.

Tuan Pengerusi, bolehkah Kementerian menerangkan sama ada masalah ini juga dialami oleh IKS yang tidak terletak di bawah Industrial Technical Adjustment Fund. Jika semua IKS menghadapi masalah yang sama, apakah usaha ataupun tindakan Kerajaan untuk menggalakkan lagi syarikat-syarikat multi-national membeli keperluan input mereka daripada IKS tempatan. Mengapakah walaupun dengan adanya kelulusan daripada SIRIM, syarikat-syarikat multi-national masih enggan mempercayai keluaran tempatan. Apakah keluaran tempatan lebih mahal atau tidak memenuhi standard antarabangsa?

Jika hanya IKS di bawah Industrial Technic Adjustment Fund sahajalah yang menghadapi masalah, apakah kelebihan pada IKS lain yang tidak dapat ditunaikan oleh IKS di bawah ITAF?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah lebih jauh.

Dr Tan Seng Giaw: Jauh. Jadi, saya berharap pihak Kementerian, kerana ada banyak lagi soalan-soalan yang timbul mengenai IKS dan perkara-perkara yang lain, saya berharap pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dapat memberi perhatian yang cukup mengenai masalah-masalah yang telah saya bangkitkan tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab.

3.51 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Pasir Mas, Seputeh dan Kepong yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan dan telah memberikan teguran, saranan dan cadangan bagi membolehkan Kementerian saya memberi perkhidmatan yang lebih cekap dan efektif.

Yang Berhormat dari Pasir Mas telah mengakui tentang pentingnya sumbangan IKS dalam pembangunan perindustri negara. Pada masa ini kemajuan dan pencapaian sektor IKS di Malaysia secara amnya adalah menggalakkan. Dikatakan demikian, kerana mengikut banci yang dijalankan oleh Kementenan ini pada tahun 1988 dan 1989 terdapat sebanyak 13,992 pertubuhan yang terlibat dalam industri kecil. IKS juga telah memberi sumbangan yang penting dalam perkembangan ekonomi negara di mana pada tahun lalu IKS dianggap telah menyumbangkan sebanyak 32% nilai ditambah di sektor perkilangan dan 42% dalam gunatenaga di sektor sama. Memandangkan IKS adalah satu sektor penting sebagai catalyst, dengan izin, dalam pembangunan ekonotni negara Kerajaan sedang dan akan terus melaksanakan program-program sokongan yang komprehensif bagi memajukan sektor tersebut.

Berhubung dengan kurangnya pelabur-pelabur tempatan di sektor ini akibat dari syarat-syarat yang terkandung di dalam Akta Penyelarasan Perindustrian 1975, ianya tidak berkaitan kerana IKS dikccualikan daripada lesen pengilang.

Sebagai perbandingan untuk mengatasi kekhuatiran Yang Berhormat dari Pasir Mas mengenai dominasi pelabur-pelabur daripada luar negeri, sukalah saya katakan di sini iaitu bagi

tempoh 1981 hingga 1986, satu jangka masa enam tahun pelaburan tempatan didapati melebihi pelaburan asing iaitu sebanyak \$19.7 bilion berbanding dengan \$6.7 bilion daripada pelabur luar negeri. Purata pelaburan tempatan ialah sebanyak \$3.28 bilion setahun berbanding dengan pelaburan asing \$1.1 bilion setahun sahaja.

Bagi tempoh 1987 hingga tahun lalu iaitu satu jangka masa 4 tahun sahaja kedua-dua pelaburan tempatan dan asing telah meningkat dengan banyak iaitu pelaburan tempatan sebanyak \$20 bilion berbanding dengan pelaburan asing sebanyak \$33 bilion. Purata pelaburan tempatan ialah \$5 bilion setahun berbanding dengan pelaburan asing sebanyak \$8.25 bilion setahun. Jelas dari butir-butir maklumat tadi bahawa sejak tahun 1987 kedua-dua punca pelaburan terutamanya pelaburan tempatan telah bertambah jumlahnya walaupun secara relatif peratusan telah menurun.

Berhubung dengan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Tan Sri Ramon Navaratnam dalam artikelnya bertajuk *Economic Success by Ethnic Cooperation*, Kementerian ini berpendapat pandangan-pandangan beliau adalah satu yang baik dan sukacita ditegaskan di sini bahawa pihak Kerajaan khususnya Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dalam merangka dasar dan program-program perindustrian akan mengambil kira pandangan dari pelbagai pihak termasuk sektor swasta dan kalangan profesional.

Mengenai satu lagi teguran Yang Berhormat dari Pasir Mas mengenai AP untuk kereta, sukaiah saya katakan di sini tujuan asat sekatan kuota dikenakan ke atas pengimponan kenderaan bermotor adalah untuk memberi perlindungan kepada industri kereta pemasangan tempatan. Selain dari tujuan memberi perlindungan kepada industri tersebut, sekatan kuota

ini telah digunakan untuk memberi peluang kepada syarikat-syarikat bumiputera bergiat dalam perniagaan penjualan kereta.

Berasaskan kepada objektif ini dan bagi menjamin perkembangan yang terkawal oleh kedua-dua industri kereta pemasangan tempatan dan perniagaan import kereta, Kcmenterian telah menetapkan paras kuota pada tahap maksima 10% dari jumlah pengeluaran kereta tempatan. Kuota tersebut yang telah diberikan kepada syarikat-syarikat bumiputera adalah didapati memadai dan tidak perlu ditambah pada masa ini. Oleh sebab itu sebarang permohonan dari syarikat-syarikat baru adalah dibekukan. Kementerian ini berpuas hati dengan paras import dan prestasi syarikat-syarikat pemegang kuota yang sedia ada. Pengawasan yang rapi dibuat dari masa ke semasa dan sekiranya terbukti penyalahgunaan seperti aktiviti penjualan lesen import, Kcmenlerian tidak teragak-agak untuk menarik balik kuota yang telah diperuntukkan kepada syarikat-syarikat yang terlibat.

Tuan Pengerusi, mengenai hujah-hujah Yang Berhormat dari Seputeh mengenai perdagangan dengan negara-negara Selatan, saya ingin melaporkan bahawa aktiviti galakan eksport yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk membuka pasaran-pasaran baru di negara-negara membangun di Amerika Latin, Afrika dan di negara-negara kecil yang lain telah menunjukkan hasil yang menggalakkan. Strategi pembukaan pasaran ini dilakukan dengan bersepadu iaitu dengan menandatangani perjanjian perdagangan, memeterai perjanjian bagi menjamin pembayaran perdagangan dan melibatkan syarikat-syarikat swasta tempatan dalam pameran-pameran perdagangan dan menggalakkan penubuhan dewan-dewan perniagaan bersama bagi mempertingkatkan hubungan swasta-swasta. Minat dan usaha yang bersungguh-sungguh untuk

mempertingkatkan pandangan itu bukan hanya datang dari pihak Malaysia, tetapi negara-negara membangun di Amerika Latin dan Afrika telahpun menghantar rombongan swastanya ke Malaysia untuk urusan dagangan. Dalam lawatan-lawatan rombongan perdagangan Malaysia ke negara-negara tersebut dalam tahun ini kontrak jualan dan pembelian telah dapat dilaksanakan.

Di samping itu, pesanan-pesanan bagi tahun akan datang telahpun diterima oleh syarikat-syarikat yang menyertai rombongan tersebut. Jika dilihat perangkaan perdagangan dengan negara-negara tersebut, dapatlah dilihat bahawa pendapatan peningkatan perdagangan yang menguntungkan negara. Jadi, saya hairanlah mendengar hujah Ahli Yang Berhormat dari Seputeh yang mengecilkan usaha galakan perdagangan luar Malaysia. Inilah keadaan yang nampaknya sering berlaku di mana usaha Kerajaan untuk memajukan ekonomi ingin dibantutkan oleh segolongan orang yang tertentu. Saya masih ingat misalnya usaha seorang Ahli Dewan untuk bekerjasama dengan kumpulan tertentu....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri....

Tuan Chua Jui Meng:untuk menggalakkan Amerika Syarikat menarik balik keistimewaan GSP bagi Malaysia.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhonnat Timbalan Menteri, Kepong bangun, hendak beri jalan?

Tuan Chua Jui Meng: Tidak ada masa.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tidak ada masa.

Tuan Chua Jui Meng: Kita sudah melampau masa. Sebagai sebuah ekonomi yang mendapat sumbangan pendapatan yang besar daripada sektor perdagangan luar, Kerajaan melalui Kementerian ini akan terus mengekal dan memperkukuhkan kedudukan pasaran, market share, dengan izin, di pasaran-pasaran utama serta menggalakkan eksport ke pasaran-pasaran baru.

Yang Berhormat dari Seputeh ada menimbulkan mengenai Kereta Proton Saga yang dijual di United Kingdom dikatakan diberi subsidi pengecualian insurans dan cukai jalan selama dua tahun. Dan dia minta kenapa galakan yang sama tidak diberikan kepada pembeli tempatan.

Tuan Pengerusi, sebenarnya pengecualian insurans dan cukai jalan kepada Kereta Proton Saga yang dijual di United Kingdom diberi oleh Syarikat Proton Car United Kingdom Ltd. sebuah syarikat pengedar kereta milik rakyat British, sebagai satu langkah promosi pemasaran bagi kereta ini di United Kingdom. Promosi ini telah diadakan selama tiga bulan sahaja di mana kereta Proton Saga yang dibeli di antara bulan Julai hingga September 1991 telah diberi pengurangan kos insurans dan cukai jalan percuma bagi satu tahun sahaja. Oleh itu ia bukanlah merupakan satu galakan yang diberi oleh Kerajaan Malaysia atau Proton.

Yang Berhormat dari Seputeh telah menyalakan mengenai lesen pengilang bagi kilang perusahaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Pusat yang tidak dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan pada pendapatnya, ini tidak adil.

Kerajaan Pusat tidak pernah menolak lesen pengilang di sesuatu negeri disebabkan perbezaan ideologi

politik. Kerajaan Pusat meluluskan lesen pengilang bagi sesuatu perusahaan tertakluk kepada tapak tersebut diluluskan oleh Kerajaan Negeri dan Jabatan Alam Sekitar. Biasanya syarikat berkenaan sendiri yang memilih tapak kilang dan lesen pengilang diluluskan mengikut cadangan tapak syarikat tersebut.

Yang Berhormat dari Seputeh juga menimbulkan kenapa Kerajaan memberikan perhatian yang berlebihan kepada kilang-kilang elektronik, manakala kilang-kilang ubat telah diabaikan.

Sukalah saya katakan di sini, kilang-kilang elektronik yang ditubuhkan di negara ini adalah berorientasikan eksport manakala kilang-kilang ubat-ubatan yang ditubuhkan adalah tertumpu kepada pasaran tempatan. Pada masa ini industri pengeluaran ubat-ubatan di negara ini melibatkan kegiatan mixing dan blending, dengan izin, dan banyak bergantung kepada bahan-bahan mentah yang diimport. Basic manufacture bagi ubat-ubatan belum tertubuh, oleh itu import ubat-ubatan yang banyak itu juga termasuk bahan-bahan mentah ubat-ubatan.

Buat masa ini kira-kira 40% daripada permintaan tempatan bagi ubat-ubatan dipenuhi oleh pengeluaran tempatan. Ini disebabkan terdapat banyak jenis ubat untuk berbagai jenis penyakit dan banyak ubat adalah patented, yang tidak boleh dikeluarkan di negara ini. Di samping itu pasaran tempatan adalah terbuka kepada ubat-ubatan yang diimport memandangkan tidak ada duti import bagi hampir semua jenis ubat, dan di mana ada duti import adalah rendah di antara 2%-5%. Struktur duti import ke atas ubat-ubatan ini adalah selaras dengan kehendak Kerajaan untuk memberi kos perubatan yang rendah kepada rakyat.

Yang Berhormat dari Kepong menyentuh mengenai Bahagian Dasar dan Perancangan yang ditubuhkan di

MITI. Bahagian Dasar dan Perancangan yang ditubuhkan akan ditugaskan untuk menjalankan kajian terhadap semua dasar-dasar dan program-program Kementerian bagi menentukan ianya berkesan dan mencapai objektif Kementerian untuk mempertingkatkan pelaburan dan perdagangan luar Malaysia. Bahagian ini perlu untuk memberi sokongan kepada aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Bahagian-bahagian lain di dalam Kementerian ini.

Majlis Perdagangan Malaysia (Malaysian Business Council) pula telah ditubuhkan untuk membolehkan Kementerian mendapat feedback, nasihat dan buah fikiran dari pihak swasta mengenai kesan sesuatu dasar dan program terhadap pihak swasta. Melalui feedback tersebut akan membolehkan Kementerian memastikan bahawa dasar-dasar yang dibuatkan diterima dan memberi faedah kepada pihak swasta. Ini adalah selaras dengan Konsep Persyarikatan Malaysia di mana Kerajaan dan pihak swasta bekerjasama bagi mempertingkatkan ekonomi negara. Majlis ini dianggotai oleh ahli-ahli perniagaan terkemuka di negara ini. Bahagian Dasar Kementerian ini dan Majlis akan bekerjasama rapat dalam merangka dasar-dasar dan program yang akan menyumbang kepada peningkatan pelaburan dan perdagangan Malaysia.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Pertukaran nama dari East Asia Economic Grouping kepada EAEC adalah usaha dalaman ASEAN sendiri semasa Mesyuarat ke-23 Menteri-menteri Ekonomi ASEAN di Kuala Lumpur pada 7hb Oktober, 1991 bagi mengatasi kemusykilan negara-negara seperti Amerika Syarikat yang menganggap EAEG sebagai perkataan perdagangan dengan izin, Trade Block. Berasaskan kepada keputusan yang dibuat di peringkat Menteri-menteri

Ekonomi ASEAN itu menunjukkan kesanggupan ASEAN untuk memajukan konsep ini dan mengelakkan salah anggapan ke atasnya.

Mengenai galakan perdagangan di Vietnam, Kampuchea....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Kepong bangun Yang Berhormat.

Tuan Chua Jui Meng: Tidak ada masa, masa sudah dilampai.

Galakan perdagangan di Vietnam, Kampuchea dan tempat-tempat lain, Pejabat Perdagangan Malaysia telah dibuka di Vietnam awal tahun ini.

Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah membuat lawatan ke Hanoi dan berbincang dengan Menteri-menteri Vietnam untuk mengkaji cara bersama mempertingkatkan perdagangan dua hala.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah juga melawat Vietnam berserta dengan wakil-wakil sektor swasta.

Mengenai dengan Eropah Timur, Malaysia telah mengambil tindakan seperti berikut:

- (i) Perjanjian Perdagangan Dua Hala diperbaharui dengan Rumania untuk mengambilkira perubahan rejitn itu.
- (ii) Perjanjian Payments Arrangement bagi bayaran perdagangan dengan Rumania.

Bagi tahun 1992 rombongan perdagangan akan dihantar ke Republik Czech and Slovak.

Teguran Yang Berhormat dari Kepong mengenai usaha galakan eksport terhadap pasaran-pasaran di

Vietnam, Kampuchea, Afrika Selatan dan Eropah Timur, sukalah saya nyatakan di sini pasaran-pasaran yang disebutkan itu adalah pasaran-pasaran baru dan MITI pada tiap-tiap tahun telah merangka program galakan eksport kepada pasaran-pasaran tersebut. Program yang dimaksudkan adalah penghantaran misi-misi perdagangan dan perniagaan dalam pameran-pameran.

Di bawah OPP2 nilai eksport negara kita dijangka meningkat dari \$79 bilion kepada \$254 bilion pada tahun 2000. Kita perlu maintain, dengan izin, pasaran sedia ada dan seterusnya mencari pasaran-pasaran baru untuk mencapai sasaran eksport tersebut.

Aktiviti galakan eksport ke Indo China, Vietnam, Kampuchea dan Laos, Kerajaan sedar akan potensi perniagaan dan perdagangan yang wujud di negara-negara tersebut. Justeru itu, beberapa tindakan telahpun diambil untuk meningkatkan perdagangan dengan mereka. Sebagai contoh, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Menteri Kewangan telah melakukan lawatan ke Vietnam dan Laos dengan tujuan mencari kaedah-kaedah yang boleh meningkatkan perdagangan antara Malaysia dengan negara-negara tersebut. Kerajaan juga akan menubuhkan Pejabat-pejabat Perdagangan di negara-negara selatan yang lain.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja bberapa jawapan yang saya boleh beri pada tahap ini dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$106,213,300 untuk Maksud B.20 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$106,213,300 untuk Maksud B.20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$37,773,000 yang disebutkan untuk Maksud P.20 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1992 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak \$37,773,000 untuk Maksud P.20 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1992.

Maksud B.21 (Jadual)

Maksud P.21 (Anggaran Pembangunan. 1992)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B. 21 dan P.21 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna terbuka untuk dibahas. Padang Terap.

4.09 ptg.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 0200 di bawah Kepala B. 21 iaitu di dalam Program Penggalakan Perdagangan.

Tuan Pengerusi, di dalam usaha ini saya memohon pihak Kementerian supaya meningkatkan lagi usaha-usaha ataupun meningkatkan lagi kerjanya di dalam aspek meningkatkan kualiti perdagangan.

Kadangkala kita terlupa bahawa satu daripada aspek yang penting di dalam perdagangan ialah kualiti perkhid-

matannya, kebanyakan masa kita gunakan untuk pengeluaran, kebanyakan masa kita gunakan untuk pemasaran, tetapi apabila datang kepada aspek kualiti di dalam perkhidmatan itu kita hanya mengambil sikap "taking for granted", dengan izin, Tuan Pengerusi.

Saya hendak menekankan ini kerana kalau kita memandangkan dalam futuristic perspective, perspektif pencapaian masyarakat maju pada tahun 2020 nanti, kita tahu bahawa di dalam mana-mana masyarakat yang ekonominya maju, yang budayanya canggih, satu daripada tuntutan-tuntutan utama daripada masyarakat itu ialah quality of service yang tinggi. Satu daripada tuntutan utama iaitu kualiti alau mutu perkhidmatan yang tinggi di dalam segala aspek.

Jadi di sini faktor ini perlu dibangunkan dan dikembangkan bersama-sama dengan soal-soal pengeluaran dan pemasaran. Pada masa ini, Tuan Pengerusi, kita lihat aspek ini masih lagi adalah primitive di dalam budaya ekonomi kita. Misalannya, di dalam syarikat MAS sendiri, kita memang mengagung-agungkan dan bcrbangga dengan pencapaian MAS. Tetapi dengan MAS, sebagai satu syarikat yang cukup kita banggakan di dalam kejayaannya, banyak lagi boleh memperbaiki soal kualiti di dalam memberi perkhidmatannya.

Misalannya, pada minggu lepas saya pergi ke kaunter MAS untuk "check-in", pada hal saya telah membuat "check-in" melalui telefon dan telah diberitahu tempat duduk saya dan lain-lain lagi. Apabila saya pergi ke situ, counter clerk di situ refer kepada computernya dia kata nama saya tidak ada. Saya kata, "Mana boleh nama saya tidak ada, tadi sudah kata ada dan diberi No.2A di sini".

Dia kata, "Tidak ada. Sorry." Lepas itu dia tanya, "You travel 1st Class?", dia tanya dalam bahasa Inggeris.

"Memanglah saya travel 1st Class, sebab itu saya boleh check dalam ini".

Dia kata, "Sorry, tidak ada."

Saya kata, "Check lagi sekali."

Dia kata, "Encik ini hendak pergi ke mana? Ke Kota Bharukah?"

Saya kata, "Saya bukan hendak pergi ke Kota Bharu, saya hendak pergi ke Alor Setar."

Dia check Alor Setar, "Oh, ada, tidak apa, kita buat."

Kalau dia mempunyai quality of service yang tinggi, dia cepat-cepat minta maaf. Ini tidak ada. Buat-buat bagi. Macam itu sahaja. Jadi ini yang saya maksudkan perkara yang kecil yang mana telah sedia ada di dalam budaya masyarakat kita. Dia telah buat kesilapan. Apa salah berkata dalam bahasa Inggeriskah, dalam bahasa Cinakah, dalam bahasa apa pun, "Saya minta maaf atas kesilapan saya."

Inilah perkara yang kecil-kecil yang telah sedia wujud di dalam budaya bangsa kita, bangsa Malaysia yang diabaikan. Ini adalah penting kerana di dalam masyarakat maju, masyarakat 2020, itu akan menjadi satu faktor yang akan menentukan kejayaan dan kelemahan satu-satu perdagangan atau satu-satu business yang mana pada masa itu MAS mungkin akan mempunyai pesaing-pesaing dalam bentuk syarikat-syarikat lain.

Jadi saya harap di dalam hakikat ini, pihak Kementerian mengambil berat sedikit. Begitu juga di dalam industri catering ataupun restaurant di hotel atau restaurant pcrsendirian. Kebanyakan cara-cara catering kita masih lagi adalah primitive, baik dari segi kebersihan dan juga dari segi tindak-tanduk orang-orang yang memberi khidmat di situ. Sepatutnya ini dijadikan satu isu oleh Kementeh

untuk memperbaikinya dengan cara apa sekalipun. Kalau Kementerian perlu mengadakan "finishing school", boleh, saya memberi sokongan 100% mengenai hal ini.

Tuan Pengerusi, saya merujuk pula kepada Butiran yang sama iaitu di dalam Program 020100 Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Tuan Pengerusi, saya bercakap lagi sekali di dalam futuristic perspective di dalam perspektif pencapaian Wawasan 2020.

Pada masa ini untuk mencapai satu masyarakat yang tahap ekonominya tinggi, kita terlalu ghairah di dalam mewujudkan dan memberi sokongan kepada pemupukan kumpulan-kumpulan usahawan dan kumpulan-kumpulan pengetuar, kumpulan-kumpulan pedagang dan lain-lain lagi. Dan kita memberi segala infrastruktur baik fizikal, baik sosial, baik institutional dan lain-lain lagi.

Tuan Pengerusi, ini sudah tentunya akan menelurkan satu masyarakat di dalam masa 20 tahun lagi, satu masyarakat kapitalis yang cukup robust, yang cukup agresif. Agresif dan robust berkisar di sekeliling satu matlamat iaitu maximization of profit. Cara mana sekalipun dia cuba akan memaximisekan keuntungannya.

Jadi dalam kaedah pembangunan masyarakat, Tuan Pengerusi, negara kita mempunyai kelebihan merancang pada hal negara-negara lain seperti England, Great Britain, Amerika dan lain-lain lagi tidak ada luxury itu untuk merancang pembangunan kapitalisma mereka. Tetapi kita ada kelebihan dan masa untuk merancang.

Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya ingin menyeru kepada pihak Kementerian supaya memperkuat lagi gerakan pengguna ini, gerakan consumer

protection ini, yang mana kita tidak perlu satu hari mengemukakan seorang pejuang consumer seperti Rulf Neider di Amerika Syarikat ataupun nama-nama lain di Latin America dan lain-lain lagi. Supaya apabila masanya sampai di mana masyarakat kita dianggotai oleh kumpulan-kumpulan usahawan dan pedagang-pedagang yang robust, yang agresif, maka satu perseimbangan daripada kumpulan pengguna (consumer) untuk mengatasi ataupun, dengan izin, mitigate keadaan ini kerana jikalau kita tidak berbuat demikian, maka yang akan menjadi mangsa adalah rakyat jelata.

Jadi, di samping kita fikir tentang mewujudkan Anti-Trust Law ataupun lain-lain undang-undang lagi untuk mengimbangi ataupun mitigate, dengan izin, kemungkinan-kemungkinan yang berlaku seperti ini, saya memohon supaya Kerajaan daripada sekarang...

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Tasik Chenderoh bangun.

Dato' Dr Afiffudin bin Haji Omar: Sila.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Pengerusi, minta penjelasan sedikit. Ahli Yang Berhormat tadi membandingkan kemajuan perdagangan di antara negara-negara Barat yang maju hari ini dengan negara kita berkaitan dengan consumerism. Tidakkah gerakan consumerism ini mempunyai kos dan kemungkinan jika kita terlampau sangat ke arah gerakan consumerism ini akan membantut perkembangan kemajuan perdagangan kita sendiri, Kerana di negara-negara yang maju itu, kadar kemajuan mereka itu meningkat sewaktu consumerism tidak wujud dan malahan wujud secara minimum. Dalam keadaan kita yang hendak bergerak melangkah mencapai kadar

pembangunan yang tinggi, ke arah mencapai Wawasan 2020 ini, kita janganlah over-obsessed dengan kegiatan gerakan consumerism yang berlebihan. Ini mungkin akan menjejaskan kadar pertumbuhan ekonomi kita. Bagaimana pandangan Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap?

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Terima kasih, Tasik Cenderoh. Di sini, Tuan Pengerusi, kita ada dua pilihan. Satu pilihan macam saya kata tadi di mana Amerika Syarikat, Great Britain dan lain-lain lagi tidak mempunyai luxury to plan dalam pembangunan kapitalisma mereka. Kita ada luxury to plan. Jadi pada saya, alternatif yang diberi secara model Amerika Syarikat yang mana dijamin dahulu lepas itu hendak dibaiki, itu saya tidak dapat menerima. Sebab itulah saya memohon supaya Kerajaan sendiri mengambil daya utama di dalam menerajui gerakan consumerism ini. Jikalau consumerism ini dibiarkan bebas, memang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Tasek Chenderoh itu akan berlaku kerana ianya akan menjejaskan pembangunan kapitalisma yang licin. Tetapi dengan adanya Kerajaan sebagai facilitator, bukan sebagai oppressor ataupun lain-lain penekanan, dengan izin, tetapi facilitator dan penggerak, maka saya fikir usaha-usaha consumerism yang menjejaskan pembangunan capitalism tidak akan wujud.

Di Amerika dan di United Kingdom wujud satu polisi *laisser faire*, iaitu "biarkan", dan saya harap polisi itu jangan dipakai oleh Kerajaan. Apabila kita memakai polisi *laisser faire* yang mana kita membiarkan kumpulan-kumpulan consumer bermaharajalela sehingga kumpulan consumer bergerak sebagai parti politik, maka ia sudah tentu akan berlaku sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Tasek Chenderoh tadi.

Tetapi apa yang saya katakan di sini ialah supaya apabila Kerajaan mengambil bahagian di dalam gerakan consumerism ini, mewujudkan satu perimbangan dan satu kepimpinan yang baik yang mana ianya tidak menjejaskan pembangunan kapitalisma tetapi di dalam masa yang sama tidak juga menggalakkan pembangunan kapitalisma itu menekan rakyat marhain. Ini yang saya minta supaya adakan satu perseimbangan, satu keadaan yang optima yang mana Kerajaan memimpinya—ini yang saya maksudkan, jikalau disuruh memilih, saya memilih alternatif yang kedua.

Saya harap perkara ini dapat diambil berat oleh pihak Kerajaan kerana apa yang saya bangkitkan itu, kedua-duanya adalah di dalam butiran yang sama tetapi di dalam program yang berlainan. Dua perkara lagi, soal isu quality of service dan isu consumerism yang dipimpin adalah dua isu yang selalu dilupakan, yang selalu hanya ditempatkan di pinggir-pinggir penelitian ataupun di pinggir-pinggir plan ataupun perancangan Kerajaan.

Dengan seruan itu, saya menyokong ataupun memberi sokongan kepada peruntukan yang diatitkan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Seputeh.

4.24 ptg.

Tuan Liew Ab Kim (Seputeh): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Maksud Bekalan 21, Butiran 020000—Penggalakan Perdagangan, Aktiviti 020100—Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Tuan Pengerusi, sektor swasta dikatakan menjadi tumpuan Kementerian ini bagi tahun 1992. Mengikut Maksud Bekalan 21, objektif utama Program Khidmat Sokongan

ialah mengadakan pengurusan yang cekap dan berkesan. Kerajaan tentu mahu melihat kereta nasional Proton Saga memenuhi cita-rasa pengguna dan tentunya syarikat tersebut adalah terpenting dalam sektor swasta sekarang.

Pengguna-pengguna yang membuat tempahan kereta nasional kadangkala terpaksa menunggu sehingga 5 atau 6 bulan baru mendapat kereta yang ditempahkan. Dalam tempoh ini pula, kereta Proton Saga menghadapi perubahan harga yang tinggi dan pengguna terpaksa pula membeli dengan harga yang ditetapkan oleh pihak penjual. Bagi mengimbangi masalah rakyat Malaysia yang mula berminat dengan Proton Saga, sekalipun tidak diberi subsidi seperti halnya di Britain, adalah wajar diberi jaminan harga yang tidak berubah dalam tempoh tempahan dibuat. Pembeli perlu dilindungi supaya tidak menghadapi perubahan harga secara mendadak.

Tuan Pengerusi, prestasi aktiviti bilangan penyertaan bumiputera dalam perdagangan melibatkan diskriminasi masih berlaku dalam bidang perdagangan di negara ini. Setelah 34 tahun merdeka, sepatutnya kita sudah membebaskan diri daripada sentimen sempit ini, kerana bidang perdagangan bebas diceburi oleh sesiapa sahaja. Mempastikan penyertaan bumiputera dalam bidang perdagangan pula, apakah kategori-kategorinya yang menjadi amalan Barisan Nasional. Sama ada MCA atau parti GERAKAN dapat memberi jaminan bahawa bumiputera yang diberi peluang di dalam bidang perdagangan bumiputera itu bukan UMNO putra yang membolot semua peluang perniagaan yang disediakan.

Syarikat yang mengendalikannya Depo Peluruh di Masjid Tanah, Melaka, misalnya, adalah milik bumiputera yang menyebabkan Kerajaan

mengalami kerugian berjuta-juta ringgit. Syarikat Kurnia Damai Sdn. Bhd. juga milik UMNO putra, malah banyak lagi syarikat perniagaan yang diberi peluang menguasai sektor swasta adalah milik UMNO pulra. Kita juga mahu melihat syarikat-syarikat bumiputera yang lain—bukan daripada kalangan UMNO putra ini—muncul dalam bidang perdagangan termasuk orang-orang Melayu, tidak mengira parti politik mana yang mereka sokong seperti Orang Asli, Kadazan, Bajau, Murut dan lain-lain lagi di Sabah dan Sarawak.

Tuan Pengerusi, pengguna-pengguna seringkali menjadi mangsa di dalam bidang jual-beli ini. Mereka tidak menyedari peniaga-peniaga sentiasa mencari kesempatan daripada kelemahan mereka yang terlalu mempercayai peniaga-peniaga. Di kawasan perumahan yang baru siap, peniaga-peniaga sentiasa mencari kesempatan dengan mempengaruhi penghuni-penghuni untuk membeli tong sampah, peti surat dan karung plastik untuk sampah. Sepatutnya alat-alat yang seperti ini perlu disediakan oleh pemaju perumahan bagi kemudahan pembeli-pembeli rumah yang termasuk di dalam kategori pengguna-pengguna yang dieksploitsi oleh pemaju perumahan. Ini adalah sebagai contoh bagaimana pengguna-pengguna seringkali menjadi mangsa disebabkan terlalu mempercayai kejujuran peniaga-peniaga.

Eksplotasi kepada pengguna-pengguna bukan sahaja dengan penipuan harga, malah mereka menghadapi kes membeli barang-barang curi. Mangsa yang selalu terperangkap ialah pembeli-pembeli kereta terpakai—disebabkan mereka tidak diberi garis panduan bagaimana mahu mengelakkan diri dari membeli kereta curi. Hanya apabila dilakukan sekatan jalanraya oleh Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), mereka terkejut mendapati bahawa

kereta yang mereka beli adalah kereta curi. Pembelian kereta mengikut cara ala-Skim Cepat Kaya dikendalikan oleh golongan yang menjadikan jual-beli secara Islam, pernah membabitkan seorang lutor di sebuah institusi pengajian tinggi menjadi mangsanya. Tutor ini diminta menukar keretanya dengan kereta yang baru tanpa dikenakan apa-apa bayaran, malah dijanjikan imbuhan seolah-oleh dividen pada setiap tahun. Beliau bukan sahaja tidak mendapat imbuhan itu, malah kereta yang dipakainya dalam tempoh beberapa bulan itu dirampas semula. Ini adalah gejala-gejala bagaimana pengguna-pengguna menjadi mangsa akibat kejujuran mereka mudah mempercayai janji-janji yang diberikan oleh peniaga-peniaga.

Tuan Pengerusi, Program Penguatkuasaan Kementerian ini memang melindungi bukan sahaja pengguna malah pengusaha dan peniaga juga, melalui pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang. Bagaimanapun, peniaga dan pengusaha selalunya dapat melepaskan diri daripada sebarang sekatan undang-undang sekalipun adanya perjanjian jual-beli yang disediakan. Membcri perlindungan kepada pengguna bukan sekadar menentukan bekalang barang-barang perlu mudah diperolehi di pasaran dengan harga yang berpatutan dalam setiap keadaan tidak mengira musim perayaan atau tidak tetapi hendaklah:

- (i) memben cakup kuasa kepada persatuan pengguna menolong pengguna-pengguna dengan membolchkan mereka nte-nyiasat pihak peniaga dan pengusaha dengan dilindungi olch undang-undang;
- (ii) memastikan surat perjanjian jual-beli tidak berat sebciah dengan persatuan pengguna perlu menjadi saksi dalam sebarang perjanjian jual-beli dengan pengguna-pengguna; dan

- (III) perlu diwujudkan suruhanjaya perlindungan pengguna yang akan mengawasi setiap hubungan jual-beli peniaga dan pengguna di semua sektor. Sekian.

Tuan Pengerusi: Johor Bahru.

4.33 *ptg.*

Tuan Mobamed Khaled bin Haji Nordin (Johor Bahru): Tuan Pengerusi, saya suka bangkitkan Butiran 020000 Penggalakan Perdagangan di bawah program Aktiviti 020100 Dagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, dan juga dibaca sekaligus Butiran 040000 Penguatkuasaan Perdagangan, Program/Aktiviti 040100 Penguatkuasaan.

Tuan Pengerusi, pada hari ini kalau kita membaca akhbar kita, ada memuatkan ramalan-ramalan bahawa harga barang-barang konsumer kita akan terus naik dan di tahun hadapan ramalan kadar inflasi mungkin mencapai 6%. Satu cara supaya rakyat jelata tidak akan menghadapi beban apabila ataupun sekiranya ramalan-ramalan tersebut menjadi kenyataan ialah dengan cara pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ini menambahkan jenis barang-barang yang dikawal harganya. Tahap dan mutu penghidupan rakyat Malaysia pada hari ini bolehlah dikatakan semakin meningkat dan dalam keadaan itu barang-barang yang dianggap sebagai barangan keperluan semakin bertambah. Maka, atas sebab itulah barang-barang yang sepatutnya dikawal harganya seharusnya juga ditambah oleh pihak Kementerian. Dan kawalan harga-harga ke atas barangan tersebut hendaklah jangan dihadkan kepada musim-musim perayaan semata-mata. Kawalan tersebut hendaklah berkuatkuasa sepanjang masa bagi kepentingan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bawa negara kita pada hari ini mengamalkan satu sistem pasaran bebas. Setiap barang yang dipasarkan, ditentukan dan dipengaruhi harganya oleh permintaan dan juga bekalan (supply and demand). Tetapi kadangkala sistem pasaran bebas ini boleh melahirkan keadaan-keadaan yang sengaja dirancang di mana dengan menguasai bekalan, harga barangan tersebut dipengaruhi bagi kepentingan setengah-setengah pengeluar, pembekal ataupun mungkin juga penjual. Apabila perkara seumpama ini dilakukan dengan sengaja, maka dengan sendirinya menafikan wujudnya sistem pasaran bebas ini. Oleh itu kita tidak hairan dan kita menyokong terus langkah Kerajaan campurtangan dalam sistem pasaran yang telah dipengaruhi ini melalui sama ada pengawalan harga barangan keperluan ataupun dengan mengadakan kempen-kempen seperti kempen anti-sorok.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya juga berharap Kementerian ini dapat memainkan peranan yang utama dalam mencari jalan bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk ataupun pengguna yang tinggal dalam sesebuah bandar yang mana kos hidupnya adalah tinggi. Mengikut suatu kajian yang dijalankan oleh Unit Penyelidikan Sosioekonomi Jabatan Perdana Menteri beberapa bulan yang lepas, telah didapati bahawa kos hidup di bandar Johor Bahru adalah yang paling tinggi di dalam negara ini, melebihi Kuala Lumpur ataupun bandar-bandar yang lain dalam negara kita. Banyak faktor yang menyumbang kepada keadaan ini. Selain daripada kehadiran 20,000 orang-orang Singapura yang masuk ke Johor Bahru setiap hari khusus untuk membeli-belah, pertumbuhan dan kemajuan ekonomi di persekitaran Johor Bahru itu sendiri telah menarik minat penghijrahan mereka daripada luar untuk menetap di Johor Bahru. Pertumbuhan permintaan yang

mendadak ini tidak disambut oleh bekalan yang mencukupi yang akhirnya menyebabkan harga barangan terpaksa dinaikkan yang seterusnya menyumbang ke arah kos kehidupan yang tinggi. Ini adalah hakikat perjalanan sebuah pasaran bebas yang kita amalkan. Kalau permintaan melebihi bekalan, harga akan naik. Malahan di Johor Bahru bolch dikatakan keadaan ini berlaku bukan sahaja dalam bckalan barang-barang tetapi juga dalam hampir kesemua sektor.

Jadi, Tuan Pengerusi, atas sebab itulah apa yang dilakukan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri seperti pengawalan harga barangan di Johor Bahru tidak akan mencapai kejayaan sepenuhnya kerana tindakan tersebut seperti yang lclah saya katakan ialah bagi menghadapi suatu keadaan di mana sistem pasaran bebas itu dinafikan kesempurnaan perjalannya. Di Johor Bahru, sistem pasaran bebas ini bolch dikatakan berjalan dengan sempurna, tetapi harga barang-barang di sini adalah tinggi bukan kerana sistem pasaran bebas dimanipulasikan oleh pihak tertentu, tetapi semata-mata kerana permintaan melebihi bekalan.

Oleh itu keadaan seperti di Johor Bahru ini memerlukan satu perancangan dan penyelesaian yang sejajar dengan keadaannya. Dan perancangan yang akan Kementerian lahirkan ini saya pasti akan terpakai juga kepada bandar-bandar lain yang akan melalui keadaan yang sama di Johor Bahru kelak apabila nikmat-nikmat dan faedah-faedah daripada rancangan-rancangan pembangunan Kerajaan khususnya ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju mencapai matlamatnya.

Tuan Pengerusi, sudah tentulah dalam usaha Kementerian merancang bagi menghadapi masalah-masalah ini, Kementerian perlu menjalankannya

secara bersepadu dengan Kementerian-kementerian yang lain termasuk juga pihak Kerajaan Negeri, kerana misalannya kalau Kementerian dapat menyediakan bekalan yang cukup, sudah tentu perlu dibina tempat-tempat untuk memasarkan bekalan-bekalan tersebut serta perkara-perkara lain yang bersangkutan dcngannya yang terletak di bawah bidang kuasa Kementerian-kementerian lain.

Saya mengesyorkan kepada pihak Kementerian supaya satu jawatankuasa dibentuk atas daya usaha Kementerian bagi menghadapi keadaan ini secara khusus dan seperti yang saya katakan keanggotaannya mesti melibatkan lain-lain Kementerian termasuk pihak Kerajaan Negeri.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu sebelum dapat direalisasikan jawatankuasa ini serta perancangan-perancangan melaluinya, usaha-usaha dan tindakan-tindakan secepat mungkin mesti juga dilakukan bagi meringankan tekanan kepada penduduk-penduduk Johor Bahru akibat daripada kos hidup yang tinggi ini. Salah satu daripada caranya ialah mungkin dengan tnewujudkan rangkaian kedai-kedai konsumer yang tidak perlu terletak di kawasan bandar Johor Bahru itu sendiri tetapi boleh diletakkan di beberapa tempat yang mana rakyat ataupun penduduk-penduduk tinggal dalam kawasan sekeliling Johor Bahru. Ia juga tidak perlu terlalu besar tetapi sekadar menjual barang-barang keperluan yang harganya dikawal oleh pihak Kerajaan.

Kalau Kerajaan menambah senarai jenis barang-barang yang dikawal harganya maka makin bertambahlah barang-barang di kedai-kedai konsumer ini. Kerajaan perlu memikirkan cara pembiayaan perjalanan kedai-kedai konsumer ini, sama ada Kerajaan menanggung segala kos operasinya ataupun Kerajaan memberi subsidi kepada harga barang-barang yang

dijual di sini. Walau apapun Kerajaan harus ingat bahawa apabila dasar menyamakan nilai ringgit Malaysia dengan dollar Singapura dihentikan, Kerajaan telah dapat menjimatkan sebanyak \$5 sehingga \$7 bilion setiap tahun. Tetapi pemberhentian dasar inilah yang secara tidak langsung telah menyebabkan Johor Bahru menjadi macam ini keadaannya pada hari ini.

Oleh itu sudah sampai masanya dan sewajarnya Kerajaan memperuntukkan sejumlah wang yang boleh menjayakan projek-projek yang dirasakan boleh mengurangkan beban akibat daripada tekanan kos hidup yang tinggi ini. Sebenarnya cadangan projek-projek memang banyak tetapi bagi maksud Kementerian ini, kita mulakan dengan projek rangkaian kedai-kedai konsumer dahulu dan bagi membiayai projek-projek tersebut kosnya saya percaya tidaklah sampai jumlah yang diijimatkan apabila dasar menyamakan nilai ringgit Malaysia dengan dollar Singapura itu tadi dihentikan.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya juga ingin menyentuh Butiran 030000 Pendaftaran Perdagangan di bawah Program dan Aktiviti 030100 Pendaftaran Syarikat.

Saya berharap proses untuk rncndauar dan menubuhkan syarikat dapat dilicinkan kerana pada hari ini kalaulah permohonan itu datang bukan daripada Kuala Lumpur, datang daripada luar Kuala Lumpur seperti Johor Bahru ataupun mungkin Kota Bharu ataupun Kuala Terengganu dan lain-lain, proses untuk menubuhkannya khususnya untuk merizabkan nama kadang-kadang mengambil masa lebih daripada sebulan. Dan kadang-kadang mungkin kerana pegawai di Kementerian ini terlalu rajin agaknya, semua nama yang minta dirizabkan itu ditanya apa maknanya. Itu sebenarnya hanya membuang masa dan memakan masa, ianya hanya merupakan satu red-lape semata-mata.

Pada pandangan saya, asalkan nama itu tidak serupa dengan nama lain, maka seharusnya sesuatu permohonan itu dibenarkan untuk diterus digunakan oleh syarikat ataupun oleh pihak-pihak yang memohon merizabkan nama itu.

Selain daripada itu dalam masalah kalau syarikat-syarikat hendak menukar nama, saya mendapati bahawa menjadi dasar Kementerian ini sekarang, sesebuah syarikat itu tidak boleh menukar namanya lebih daripada sekali. Pada saya apalah yang hendak Kementerian sekatkan mengenai perkara ini. Sebagai sebuah syarikat, sudah tentulah ada sebab-sebabnya penukaran nama ini mesti dilakukan dan sudah tentulah apabila setiap permohonan itu diluluskan, Kerajaan akan mendapat hasil apabila permohonan menukar nama ini diluluskan oleh pihak Kementerian.

Kita sedar bahawa masa berlalu, kadang-kadang matlamat dan objektif syarikat itu juga berubah dan kadang-kadang mereka yang menjadi management syarikat itu juga berubah. Maka sudah tentulah mereka kadang-kadang terpaksa mengubah nama bagi menunjukkan perubahan-perubahan tersebut. Jadi, pada pandangan saya pihak Kementerian seharusnya membenarkan syarikat ini mengubah nama sekiranya diminta oleh mereka dalam perkara ini.

Saya berharap pihak Kementerian dapat menyediakan satu garis panduan mengenai perkara ini kerana kita semua sedia maklum dalam Dewan ini, syarikat ini adalah vchicle sektor swasta untuk menjayakan rancangan-rancangan dan dasar-dasar Kerajaan dalam usaha mencapai matlamat dan objektif Wawasan 2020. Tanggungjawab kita semua ialah untuk menyenangkan pergerakan dan perjalanan mereka dan bukannya untuk menyekat perjalanan dan pergerakan mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Nilam Puri.

4.47 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di bawah Butiran 020000 di bawah Program 020100 Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Saya menyambung pandangan yang diberi oleh Wakil dari Padang Terap tadi iaitu soal consumer dan consumerism ini amatlah penting diambil berat sebab sekarang ini memang cara mengiklan barang itulah yang menyebabkan pengguna itu terperangkap. Misalnya, di universiti dan di kolej-kolej diadakan School of Advertising, misalnya di ITM ada School of Advertising, pelajaran untuk mengiklankan sesuatu barang. Oleh itu sukatan pelajaran hendaklah ditambah iaitu mengiklankan sesuatu barang hendaklah dilihat juga kepada kualitinya. Kita kena tanamkan kepada mereka ini konsep moral yang tinggi ataupun di sudut Islam supaya jangan ada unsur menipu kalau mengiklan sesuatu barang.

Jadi, School of Advertising ini hendaklah ditanamkan dengan etika moral supaya mereka tidak semata-mata mengkaji sosio-ekonomi masyarakat, melihat kebudayaan masyarakat dan mengiklankan barang yang dikehendaki oleh masyarakat, tanpa masyarakat itu mengetahui kualitinya.

Begitu juga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna hendaklah cuba melindungi apa yang sedang tumbuh begitu pesat sekarang ini perniagaan yang dipanggil multi level ataupun pyramid system yang diperkenalkan oleh Amway. Ianya baik sebab ramai orang boleh terlibat dalam perniagaan tetapi kadangkala barang yang

dipromote itu tidak dilihat dahulu kualitinya sehingga ia digunakan oleh beribu orang baharulah dicheck kualitinya oleh pihak Kerajaan, kadangkala penggunaanya telah beribu orang, barulah diketahui bahawa bahan itu tidak baik untuk orang ramai gunakan.

Misalnya, dua tiga tahun yang lalu, ubat untuk lelaki yang dipanggil Mathol, diperkenalkan ubat ini daripada Kanada. Kita lihat ramai orang terperangkap dengan Mathol ini yang didagangkan secara multi level sehingga mereka yang makan gaji kebanyakannya ingin mencuba Mathol. Setelah lama ia berada di pasaran, barulah dicheck didapati ia mengandungi banyak plumbum dan merbahaya kepada kesihatan. Sekarang ini perniagaan seperti ini begitu biak berkembang, ubat-ubat seperti Ginseng, Shakeley dan sebagainya. Kita tidak ketahui apakah ianya benar-benar baik kepada pengguna ataupun ianya baik kerana ia diberi motivasi oleh penjual-penjual. Sebab sekarang ini secara multi level ini, mereka ada kursus pula dibuat di hotel, iaitu cara convince pengguna. Setiap minggu mereka adakan ceramah. Kursus yang mereka dapat seperti kursus yang dianjurkan oleh Tata Negara misalnya, cara convince orang. Sekarang digunakan untuk convince orang membeli ubat. Ini dibuat di hotel-hotel dan ramai pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat. Kadangkala pulang daripada pejabat 4.15 petang mereka tak balik, terus ke Plaza Hotel dan sebagainya untuk mengikuti kursus ataupun intensive course bagaimana untuk menjual ubat yang mereka jual. Cara intensif ini memang boleh mempengaruhi pengguna, sebab itu ubat-ubat mereka ataupun barang yang mereka taja itu begitu cepat dibeli oleh orang ramai, bukan kualitinya tetapi cara menerangkan. Misalnya Mathol diterangkan—"mathol tidak menjanjikan boleh mengubat apa-apa penyakit, tetapi banyak penyakit terubat

kerananya", misalnya digunakan perkataan begitu, maka orang pun tergoda untuk menggunakan ubat itu. Bila kita bertanya orang-orang yang mengeluarkan ubal ini, banyak mana keuntungan yang mereka perolehi? Mereka mengatakan bahawa ubat-ubat yang dipromote ini modalnya \$1, untung \$7. Ini satu perniagaan yang paling menekan sebenarnya, tetapi ia amat digemari oleh orang ramai sekarang ini kerana mereka berkursus untuk menjual, terutama untuk convince orang ramai.

Begitu juga Kerajaan hendaklah lurus mengurangkan eksploitasi penggunaan wanita dalam promote sesuatu barang. Misalnya kalau hendak jual aiskrim, apa perlu kita guna wanita untuk menunjukkan dia makan aiskrim, sebab yang dahaga aiskrim ini kebanyakannya buruh kasar, petani dan nelayan. Apa salahnya kita guna gambar seorang petani yang baru balik daripada banting padi, dahagakan aiskrim, kenapa perlu wanita? Tetapi pelik, bila Kerajaan Kelantan padamkan iklan seperti ini, yang melenting mula-mula sekali ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal agama sedangkan Wanita UMNO setiap kali perhimpunan mengusulkan supaya mengurangkan penggunaan wanita, eksploitasi wanita dalam iklan. Tetapi bila kita buat, yang melentingnya ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang kita tahu beliau adalah seorang yang mengetahui agama tetapi beliau pula yang melenting, sedangkan Wanita UMNO sendiri tidak melenting. Badan-badan pertubuhan seperti CAP, juga badan-badan pengguna Selangor dan sebagainya menyokong apa yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Kelantan untuk tidak menjadikan wanita sebagai sumber iklan.

Begitu juga kalau kita hendak jual kereta. Yang perlu diceritakan ialah enjin kereta, laju kereta, keselesaannya.

Kenapa perlu ada gambar wanita tak pakai baju duduk di atas kereta untuk melakukan kereta itu. Rokok Camel bagus, dia hendak jual rokoknya dia tunjuk unta merokok. Barangkali dia hendak gambarkan orang-orang yang merokok itu tidaklah bodoh macam unta, tetapi seakan-akan begitu. Jadi ini Camel telah mengajar. Begitu juga iklan-iklan yang lain, kita lihat menggunakan wanita melampaui batas. Iklan Nescafe misalnya dalam televisyen. Nescafe menjadi minuman warung sekarang ini, kenapa Nescafe Classic mesti digambarkan di Kelab Mediterranean? Orang menari, baru minum sedangkan kita minum tak perlu menari dan keluar daripada Parlimen inipun kita minum. Perkara inilah hendak dibanteras supaya kita jangan menipu pelanggan dalam semua segi, sebaliknya kualiti barangan itulah yang menyebabkan orang hendak membelinya, bukan dari segi iklannya.

Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Bukit Bintang.

4.53 ptg.

Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Kementerian ini dalam Jawatankuasa.

Saya merujuk kepada Butiran 020000 dan 040000. Tuan Pengerusi, saya telah kerap kali membawa perkara tentang pengedar-pengedar kereta baru telah mengeksploitasi orang awam untuk membeli aksesori kereta yang mana peralatan tersebut bukanlah tetap, iaitu standard equipment, dengan izin, di sesi Parlimen dahulu. Aksesori-aksesori tersebut adalah seperti radio cassette, penghawa dingin, power window, central locking, anti rust, sports rim, carpet dan alarm system. Pembeli-pembeli kereta terpaksa membeli aksesori tersebut walaupun

mereka tidak mahukannya ataupun mereka lebih gemar jenis yang lain, tetapi Kementerian yang berkenaan tidak mengambil apa-apa tindakan yang sesuai untuk menjaga kepentingan orang awam.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini Kementerian telah bersetuju dengan pengedar kereta yang baru untuk memasang aksesori-aksesori tersebut sebagai peralatan tetap dan ianya akan menjadi barangan yang terkawal. Peraturan yang baru ini akan dilaksanakan pada 1hb Mei, 1992. Apa yang orang awam tidak faham ialah kenapa Kementerian berkenaan terpaksa menunggu sehingga 1hb Mei, 1992 untuk melaksanakan peraturan tersebut? Adakah ini bermakna untuk sementara waktu ini pengedar-pengedar kereta seperti EON dan Kah Motor boleh terus mengeksploitasikan orang awam?

Adakah Kementerian berkenaan sedar bahawa kos yang dikenakan ke atas seorang pembeli kereta baru untuk memasang radio cassette adalah dalam harga \$995 sehingga \$2,000 daripada pengedar-pengedar kereta yang mana radio cassette tersebut boleh dibeli di pasaran terbuka dengan harga lebih kurang \$500 termasuk pemasangan.

Pemasangan penghawa dingin berharga \$2,850 sehingga \$3,895 yang dipasangkan oleh pengedar kereta boleh didapati dengan harga \$1,800 sehingga \$2,000 di kedai aksesori di luar. Ini bermakna pembeli boleh menjimatkan wang sebanyak \$1,500 kalau membeli aksesori yang tersebut di pasaran terbuka.

Pemasangan third brake light, dengan izin, berharga lebih kurang \$150 yang dijual oleh pengedar kereta dan ia biasanya hanya bcrharga \$50 sahaja untuk setiap satu di pasaran terbuka.

Pemasangan central locking dan alarm bcrharga \$680 sehingga \$850 yang dijual oleh pengedar kereta yang mana ia boleh dibeli dan dipasang di pasaran terbuka dengan harga \$450 hingga \$500 sahaja.

Tuan Pengerusi, biasanya pengedar kereta seperti EON dan Kah Motor, iaitu pengedar Honda, akan mendapat keuntungan yang berlebihan, tidak kurang daripada \$3,500. Ini bermakna orang awam kena membayar lebih kurang \$3,500 untuk aksesori-aksesori yang mereka boleh perolehnya dari kedai aksesori di luar ataupun di pasaran terbuka. Fenomena ini memanglah praktis yang tidak adil yang digunakan oleh pengedar-pengedar kereta untuk mengeksploitasikan orang awam hanya untuk mendapat keuntungan sahaja tanpa mengambilkira kesusahan rakyat jelata.

Saya tidak faham mengapa pengedar-pengedar kereta seperti EON, Kah Motor dan lain-lain mengenakan harga yang terlampau tinggi atas aksesori yang tersebut sedangkan di pasaran terbuka aksesori tersebut harganya jauh lebih rendah berbanding dengan harga yang dikenakan oleh pengedar-pengedar kereta. Saya rasa pengedar kereta boleh mengenakan harga yang rendah atas aksesori tersebut kerana pengedar kereta bertindak sebagai pemasang aksesori. Ini kerana pengedar kereta mendapat alat-alat aksesori yang tersebut secara borong berbanding dengan kedai aksesori biasa yang dapat barangan secara terhad.

Tuan Pengerusi, jikalau di pasaran terbuka pembeli kereta boleh membeli aksesori tersebut dengan harga yang rendah, mengapa pengedar-pengedar kereta seperti EON dan Kah Motor juga tidak boleh berbuat demikian. Apakah Menteri berkenaan sedar bahawa pengedar kereta seperti EON dan Kah Motor Bhd. cuba mengeksploitasi

pembeli-pembeli kereta dengan secara praktis yang tidak adil dan beretika untuk mengaut keuntungan dalam jangka masa yang singkat.

Saya harap Menteri berkenaan faham dengan peranan Kementerian beliau dan menghapuskan mainan politik yang dirancangan oleh pengedar-pengedar kereta untuk mendapat keuntungan, tetapi membebankan orang awam.

Saya lebih berharap Menteri berkenaan secara sadar atau tidak sadar cuba diperalatkan oleh pengedar kereta dengan tujuan keuntungan sahaja.

Tuan Pengerusi, sebagai contoh, EON kilangnya telah mengeluarkan 8000 buah kereta setiap bulan dan setiap kereta Proton yang dijual oleh EON, EON mendapat keuntungan berlebihan sebanyak \$3,500 untuk aksesori-aksesori sahaja. Ini bermakna EON telah mendapat keuntungan berlebihan sebanyak \$280,000 setiap bulan dengan memaksa pembeli-pembeli kereta baru untuk membeli aksesori-aksesori yang mana adalah, dengan izin, compulsory option.

Kalau kita jumlahkan keuntungan setahun lebih kurang \$6.7 juta pada hal keuntungan sebanyak \$3000 ini tidak termasuk dalam keuntungan harga kereta tanpa aksesori yang mereka dapat daripada kilang Proton Saga.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya aksesori-aksesori tersebut tidak dijadikan peralatan kereta tctap, dengan izin, standard equipment oleh pengedar-pengedar kereta kerana saya berpendapat, sebagai sebuah negara demokrasi, pembeli-pembeli kereta diberi hak untuk memilih sama ada mereka mahu atau tidak mahu membeli aksesori tersebut.

Tuan Pengerusi, Kerajaan sering melaung-laungkan slogan seperti 'Tradisi Membela Rakyat', tetapi

dalam perkara ini slogan ini merupakan slogan untuk pilihanraya sahaja. Saya rasa lebih elok kalau Kerajaan Barisan Nasional boleh menukarkan slogan itu kepada tradisi membela Korporat-korporat yang besar seperti EON dan Kah Moior Berhad. Saya tidak faham kenapa Kementerian terpaksa menunggu sehingga 1hb Mei tahun 1992 untuk menghentikan praktis yang tidak adil yang sedang diamalkan oleh pengedar-pengedar kereta dan kenapa Kementerian tidak memberhentikan praktis yang tidak adil ini dengan segera.

Tuan Pengerusi, seperti di United Kingdom, pembeli-pembeli kereta baru diberi pilihan oleh pengedar-pengedar kereta supaya memilih aksesori-aksesori kereta yang mereka kehendaki. Harga-harga aksesori tersebut terkawal oleh Kerajaan United Kingdom. Mereka juga tidak memaksa pembeli-pembeli kereta untuk membeli aksesori-aksesori tersebut.

Tuan Pengerusi, sebelum ini akhbar-akhbar telah menyiarkan aduan orang awam yang tidak berpuas hali dengan paksaan oleh pengedar-pengedar kereta khususnya EON dan Kah Motor Berhad yang mengcnakan peraturan supaya pembeli kereta mesti membeli aksesori-aksesori daripada syarikat tersebut. Saya percaya Menteri berkenaan juga menerima banyak aduan mengenai perkara yang sama daripada orang awam dan juga saya sendiri pun ada menulis beberapa pucuk surat mengenai perkara ini, tetapi tidak berkesan atau tidak ada apa-apa iangkah diambil oleh Menteri yang berkenaan. Saya sangat berharap Kementerian berkenaan supaya memberi perlindungan kepada orang awam supaya mereka tidak menjadi mangsa eksploitasi capitalists EON dan Kah Motor Berhad.

Tuan Pengerusi, saya juga mencadangkan supaya Kementerian berkenaan mengeluarkan arahan

dengan segera kepada pengedar-pengedar kereta supaya tidak memaksa orang ramai membeli aksesori-aksesori kereta semasa mereka membeli kereta baru. Jikalau cadangan yang jelas ini tidak diterima atau ditolak oleh Kementerian berkenaan, apa lagi yang boleh diharapkan oleh rakyat dan saya berpendapat berlakunya penyalahgunaan kuasa di dalam Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, jikalau Kementerian berkenaan tidak mengambil sebarang tindakan dengan segera di atas perkara ini, orang ramai akan berpendapat bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak cekap, memihak dan menggalakkan hanya kepada satu golongan capitalists seperti EON dan Kah Motor untuk mengeksploitasi orang awam untuk keuntungan mereka sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri juga tadi ada menimbulkan kes multi-level selling seperti Amway, Malhol dan sebagainya. Perkara multi-level selling ini sudah diharamkan di Singapura, tetapi di negara kita masih digalakkan oleh Kerajaan. Sama ada Menteri berkenaan sedar atau tidak ada sebuah syarikat bernama Magnacasa Sendirian Berhad. Ini bukannya direct selling barang-barangan, ini time sharing. Mereka boleh mendapat hotel percuma di seluruh negara atau di Singapura atau tempat-tempat lain dan syarikat tersebut kalau kita hendak menjadi seorang ahli di syarikat. Untuk menjadi ahli kita perlu membayar bayaran permulaan sebanyak \$2,300 dan sesiapa yang membawa ahli masuk ke Magnacasa Sendirian Berhad akan mendapat 25% untuk komisyen.

Maklumat yang saya dapati bahawa syarikat ini sudah dapat mengumpul wang lebih kurang \$70 juta dan syarikat ini sudah menjadi syarikat yang kosong oleh kerana Lembaga Pengarahnya atau orang yang tertentu sudah tidak boleh dicari dan

syarikatnya sekarang cuma ada satu office yang kecil di Jalan Ipoh. Kenapa Kerajaan tidak mengambil tindakan dalam perkara seperti syarikat yang menjual time sharing, multi-level selling dan direct selling sebab orang yang ditipu oleh syarikat ini ialah orang daripada kampung dan sedikit sahaja golongan daripada bandar.

Saya rasa sudah sampai masanya Kementerian yang berkenaan tolonglah ambil tindakan dengan segera di atas perkara aksesori kereta dan juga multi-level selling serta time-sharing ini. Jikalau tidak, syarikat seperti ini akan menjejaskan orang awam. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Pasir Mas.

5.07 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada B.21, Buliran 010000 Khidmat Sokongan.

Pertama, Tuan Pengerusi, kalau dilihat peruntukan kepada Kementerian ini, inilah Kementerian yang paling kecil dari segi peruntukannya, iaitu \$39,896,800. Walaupun ianya Kementerian baru, tetapi namanya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Oleh itu saya ingin menarik perhatian Kabinet terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri supaya Kementerian yang saya anggap tugas dan fungsinya belum begitu banyak, patut dipertimbangkan ataupun diperbanyakkan lagi tugas-tugas lain. Ertinya, kalau ada Kementerian-kementerian yang besar tanggungjawabnya, banyak agensinya dan tidak termampu dikawal oleh Kementerian berkenaan yang ada kaitan dengan perdagangan, sewajarnya sekali supaya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Pengguna ini diberi

tanggungjawab untuk memainkan peranan supaya Kementerian ini boleh berkembang dan setaraf dengan Kementerian-kementerian lain.

Tuan Pengerusi, suka saya merujuk kepada Butiran 020000 Penggalakan Perdagangan, iaitu Program 020100 dan juga Penguatkuasaan Perdagangan, Butiran 040000, iaitu Program 040100 Penguatkuasaan secara sekali gus.

Walaupun perkara ini sudah pun disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, suka saya juga mengambil kesempatan di sini memberi sedikit pandangan bersabit soal bagi kepentingan melindungi hak pengguna. Sebenarnya perlindungan hak pengguna bergantung kepada kedudukan penguatkuasaan.

Tadi Ahli Parlimen dari Padang Terap telah mengemukakan pandangannya dan saya cukup bersetuju dengan pandangan Ahli Parlimen Padang Terap, tetapi suka saya menambah di sini bahawa Kementerian sendiri sepatutnya memainkan peranan utama ataupun catalyst's role menjadi wira kepada kepentingan pengguna, tidak semata-mata mengharap kepada persatuan-persatuan pengguna kerana kalau kita mengharapkan kepada persatuan semata-mata, kemungkinan dari segi keupayaan mereka ataupun pertubuhan itu disalahgunakan ataupun macam-macam implikasi yang boleh menyebabkan jenama-jenama dari Barat yang tidak ada salahnya mungkin, tetapi boleh terjejas.

Seumpamanya kita dengar tadi perbincangan oleh beberapa orang Ahli* ahli Yang Berhormat memberi beberapa contoh. Kalau disebut 'Methol' sebagai contoh mungkin benar. Tetapi kalau kita sebut contoh-contoh lain yang belum tentu kesahihannya sebelum ia merbahaya atau tidak, kalau ianya tidak merbahaya dan halal di sisi Islam maka sudah

barang tentu syarikat dan barang tersebut akan terjejas dari segi perniagaannya.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri bahawasanya Kementerian sudahpun mengambil inisiatif dan menubuh Majlis Hal Ehwal Penasihat Pengguna baru-baru ini. Saya ingin bertanya oleh kerana dalam laporan Anggaran Belanjawan, Program dan Prestasi 1992 mengenai dengan Kementerian ini, mukasurat 213 disebut memang jelas, 'mengawasi dan membendung inflasi serta menentukannya harga-harga barangan perlu ada pada harga yang munasabah'. Kita mengawal kenaikan harga, tetapi tidak dispesify di sini bahawa peranan Kementerian ini dari segi menentukan barang untuk keperluan umat Islam dari segi haram-halalnya mengenai dengan barang-barang keperluan dalam kaca mata Islam. Walaupun tugas ini dipertanggungjawab kepada Pusat Islam, tetapi dah segi penguatkuasaan tentulah memerlukan kepada penyelarasan. Jadi, saya hendak tahu sama ada Kementerian mempunyai kakitangan atau pegawai-pegawai yang cukup dari segi pengetahuan bersabit dengan haram halal barang-barang yang dikeluarkan oleh pihak peniaga-peniaga ataupun syarikat-syarikat yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh di sini bersabit dengan soal penguatkuasaan, salah satunya saya hendak sentuh walaupun tadi disentuh soal aksesori, disentuh soal perkara-perkara lain, saya hendak sentuh perkara-perkara yang kecil yang melibatkan kepentingan orang ramai yang bawah sungguh iaitu dari segi barang makanan, dari segi barang-barang keperluan. Memang kita mahu pengguna-pengguna mendapat perlindungan yang sewajarnya, tetapi yang duit lebih, dia hendak bergaya, dia punya fasal. Yang saya pentingnya ialah dari segi barang-barang makanan

yang boleh menentukan kesihatan kita sebagai manusia baik dari segi halal haramnya dari segi keselamatan dan keperluan barang makanan ini. Terutamanya seperti buah-buahan. Buah-buahan ini penting kerana ia boleh membantu badan kita dari segi digestion dan sebagainya. Tetapi buah-buahan sekarang ini makin sehari harganya makin mahal, terutamanya buah-buahan yang diimport, termasuk orange yang kita rasa perlu juga dinikmati oleh rakyat di peringkat bawah, yang berpendapatan kecil,

Tetapi apakah Kementerian sedar, kerana saya pernah berpengalaman, Tuan Pengerusi. Kalau kita pergi ke kedai dalam kawasan Forch Avenue yang penjual buah-buahan orange, buah-buahan ini kebanyakannya taukeh Cina, usahawan Cina. Tadi Bukit Bintang tidak bangkit. Ini sebab dia hendak melindungi kepentingan orangnya mungkin dia tidak bangkit. Saya hendak sentuh di sini. Kalau kita pergi ke kedai ini memang dikenakan syarat ada landa harga. Kita tengok tanda harga untuk limau, satu kotak ditulis \$2.00, kemungkinan kata contohnya. Itulah syarat yang telah dikenakan kerana harganya \$2.00, contoh. Jadi, dia letaklah limau-limau yang buruk-buruk di situ, tetapi apabila kita selongkar dalam kotak, kita hendak beli buah yang elok-elok berasaskan harga \$2.00, dia kata \$6.00. Mahu-mahu, tidak mahu sudah, boleh jalan. Jadi, bererti ada penipuan, bahawa dari segi penguatkuasaan terhadap pelaksanaan harga barang-barang tidak berkesan, terutamanya dari segi jualan buah-buahan ini.

Jadi, sebab itu saya harap pihak penguatkuasaan mengambil perhatian dan dari segi pihak penguatkuasaan ini saya ingin mencadangkan walaupun kita lihat setakat ini kerja-kerja pegawai dan kakitangan ini boleh kita memberi ucapan tahniah di atas kejayaan dan kesungguhan mereka selama ini, tetapi di samping itu, saya

hendak tanya adakah tidak dari segi penguatkuasaan diadakan golongan inteligent yang tanpa uniform, macam CID tanpa uniform. Jadi, bila kita hendak buat serbuan kepada kedai-kedai yang menyalahgunakan dari segi harga dan sebagainya supaya mereka dapat intip terlebih dahulu dengan terperinci sungguh-sungguh. Kalau tidak, seperti di Chow Kit Road saya lihat apabila penguatkuasaan dibuat awal-awal sudah, macam orang tahu. Macam Polis hendak kejar perompak dengan sirenya bunyi, jadi sudah tahu Polis ada belakang. Jadi, sudah tentu mereka ini dapat bersedia, ada tanda harga yang disyarat, dalam masa 10 minit atau masa 2 minit mereka boleh angkat sangkut dekat situ, inilah harga yang telah ditetapkan oleh Kementerian. Ini sudah tentu dari segi tindakan penguatkuasaan tidak akan berkesan. Jadi, bermakna kena cari satu kaedah dengan mendapat pertolongan daripada pihak Polis dari Bahagian Perdagangan Komersil, dagangan ini bagaimana cara supaya tindakan-tindakan tegas boleh diambil dan kalau kena kepada beberapa pihak tindakan tegas dia boleh jadi contoh kepada pihak-pihak lain. Saya percaya dengan secara tidak langsung bahawa kepentingan pengguna akan terbela.

Begitu juga, Tuan Pengerusi, tadi disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Nilam Pun masalah multi-level dan sebagainya barang-barang ini. Jadi, memang saya bersetuju kalau barang-barang ini boleh merbahaya kesihatan. Tetapi malangnya dia sebut bab ini sahaja. Soal-soal keselamatan mengguna barang-barang dari segi kepentingan pengguna bukan setakat barang-barang yang dikeluarkan oleh multi-level marketing ini semua sekali, termasuklah barang-barang yang dikeluarkan untuk—saya hendak sebut contoh Ahli Parlimen dari Nilam Puri tidak sebut. Sebab dahulu saya berkawan dengan orang PAS ini, saya pernah pergi ke Muktamar PAS, ada ceramah-ceramah PAS besar-besar

saya pergi. Ada gerai kecil dibuka oleh orang-orang PAS. Banyak gerai-gerai dibuka. Barang yang paling banyak dijual ialah Tongkat Ali—mana orang PAS, seorang pun tidak ada. Tongkat Ali dijual disitu, minyak dhab yang kononnya untuk kesihatan badan. Tidak ada siapa pergi cek pun.

Yang saya maksudkan di sini, tadi saya sebut awal-awal, Tuan Pengerusi, kita hendak supaya barang itu ditentukan dari segi kaca mata Islam ianya halal, bagi orang-orang Islatn. Dan kita hendak juga supaya nama Islam tidak dipergunakan untuk perdagangan seperti menggunakan Islam untuk politik. Kedua-dua tidak boleh. Menggunakan Islam untuk politik pun tidak boleh, menggunakan Islam untuk perdagangan pun tidak boleh. Tetapi oleh kerana dagangan dibuat di tempat PAS semuanya pakai berjubah ataupun berserban, taruh apa dalam botol pun, insya Allah kerana ini Islam, punya ini, kuat. Macam-macamlah barang jualan kalau tidak percaya minta hantar pegawai penguatkuasa pergi tengok waktu ada majlis-majlis seumpama ini melambak-lambak barang di tepi jalan dijual dan tidak ada siapa kawal harga.

Kalau saya hendak sebut perkara-perkara lucu, saya boleh sebut perkara-perkara lucu. Tetapi maknanya saya hendak bangkit di sini, Tuan Pengerusi, dari segi soal penguatkuasaan kita tidak kira barang yang dikeluarkan oleh sistem mana sekali pun, oleh syarikat mana sekalipun ataupun seseorang peniaga macam mana sekalipun menjadi soal pokok. Yang pokok ialah barang-barang itu mestilah selamat digunakan.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya hendak menyentuh soal 030000 Program....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: minta penjelasan. Saya ini daripada Sarawak tidak pernah dengar minyak dhab. Jadi, minta penjelasan minyak DAP, minyak dhab apa ini. Terima kasih.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Minyak dhab kalau tanya Ahli Parlimen dari Marang ataupun Nilam Puri boleh jawab, iaitu sejenis daripada binatang dari Timur Tengah, jenis biawak, Tuan Pengerusi. Mungkin lidah bercabang. Saya tidak tahu, tetapi minyak ini dijual kononnya untuk kesihatan badan dan sebagainya. Saya tidak hendak sebutlah, takut tersalah cakap nanti bunyinya, tidak sedap pula.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya hendak balik kepada Perkara 030100 Pendaftar Syarikat. Saya bersetuju dengan Ahli Parlimen dari Johor Bharu tadi menyebut masalah Pendaftaran Syarikat. Memang masa untuk mendaftarkan sesebuah syarikat mengambil masa yang begitu panjang sekali, terutamanya untuk mendapat nama, search name, dengan izin, cukup lama sampai tiga minggu ataupun sebulan. Saya kira sudah sampai masanya Kementerian meningkatkan supaya lebih cekap dari segi pendaftar ini dapat dibuat dengan lebih cepat. Bukan lagi seperti sekarang ini sampai dua-tiga minggu, Walau macam manapun, dari segi nama, tadi Ahli Yang Berhormat dari Johor Bharu menyebut banyak soalan-soalan bila kita kemukakan oleh pegawai-pegawai.

Saya hendak cadangkan di sini supaya nama-nama syarikat ini apakah Kementerian bercadang untuk mensyaratkan supaya nama-nama ini hanya dalam Bahasa Malaysia sahaja. Bukan lagi bahasa-bahasa, nama-nama yang berkecamuk sekarang ini, Melayu campur Orang Puteh, Melayu campur

Cina, sehingga nama syahkat kadang-kadang setengah-setengah cukup lucu yang ada nama dalam syarikat ini. Walaupun sudah ada panduan sekarang ini, tidak boleh menggunakan perkataan "Nasional", "Kebangsaan" yang boleh menampakkan syarikat itu milik Kerajaan. Tetapi biarlah nama itu sesuai dengan identiti negara kita, bukan sesuka hati. Walaupun ianya tidak begitu penting, tetapi ini lambang identiti negara kita, sekaligus dari segi pelaksanaan Bahasa Malaysia, supaya nama-nama syarikat ini diberi penekanan kepada Bahasa Malaysia.

Yang ketiga, pada Persidangan Dewan tahun lalu, saya pernah bertanya dan mencadangkan dari segi syarat mengenakan had modal berbayar.

Sekarang ini Syarikat Sendirian Berhad boleh ditubuhkan dengan modal berbayar hanya \$2, saya pernah mencadangkan dahulu dan sudah sampai masanya dengan prestasi pembangunan negara kita sekarang ini. Dengan tamatnya pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, kita tidak mahu melihat adanya syarikat-syarikat 'Flying over night*' dengan \$1-\$2 modal berbayar, tetapi menyertai projek berjuta-juta seumpama itu, sudah sampai masanya imej ini kita hapuskan sama sekali, kerana walaupun kita menggalakkan pelabur-pelabur asing luar datang seperti Jepun, Kanada ataupun seluruh negara datang ke negara kita ini. Jadi, apabila mereka datang, kita tidak mahu dengar lagi 1%, 2%, 3% atau 4% kita tidak mahu dengar lagi, dengan syarikat \$1-\$2 berbayar ini, sudah sampai masanya supaya dikenakan syarat sekurang-kurangnya \$50,000 seumpama itu.

Sebelum ini kita memang hendak menggalakkan mereka ini berniaga menubuhkan syarikat dengan seberapa banyak yang boleh, tetapi dari segi pengurusannya, pentadbirannya sudah sampai masanya kita mahu supaya

setiap syarikat yang ditubuhkan itu benar-benar berupaya dan selepas kita kenakan syarat seumpama ini, jika mereka pergi ke bank, mereka hendak dapat satu tender dan seumpamanya, tidak payah lagi cek mereka mampu atau tidak mampu, sebab mereka tahu satu syarikat sekurang-kurangnya mempunyai modal berbayar sudah \$50,000 contohnya, sudah sampai masanya. Dan adakah pelaksanaan ini akan dibuat ataupun bagaimana kedudukannya? Sebab saya kira ini penting dari segi menjaga kredibiliti peniaga-peniaga negara kita dari segi kaca mata umum di peringkat antarabangsa.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sudah cukup.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ya, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Masa sudah cukup.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Cukup!

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Betul-betul cukup?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Lebihpun tidak ada?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Larut. Selepas Yang Berhormat dari Larut bercakap, Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta menggulung.

5.75 *ptg.*

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh muka surat 110, Maksud Bekalan B.21 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Butiran 04000 Penguatkuasaan Perdagangan dan Butiran 040100 Penguatkuasaan.

Saya berterima kasih kepada Menteri berkenaan dan Timbatannya yang mana dalam usaha penguatkuasaan ini telah berjaya walaupun belum 100%.

Tuan Pengerusi, Kementerian ada membuat akuan bahawa Pegawai-pegawai Penguatkuasa akan diadakan di merata-rata tempat guna membolehkan mereka memeriksa supaya barang-barang yang dijual untuk pengguna-pengguna tidak ditipu, dicampur-aduk, kurang kualiti ataupun kuantitinya.

Tuan Pengerusi, dalam masalah ini saya mencadangkan supaya penguatkuasaan hendaklah bermula dari punca dari sumbernya, dengan izin, umpamanya Pegawai Penguatkuasa pergi ke kilang-kilang, seperti kilang susu, kilang tepung, kilang bedak, kilang biskut dan macam-macam supaya memeriksa sama ada mereka ini benar-benar mengeluarkan barang yang sesuai untuk pengguna, sama ada barang makanan alau barang ubatan untuk kesihatan orang ramai. Dalam hal ini Kementerian hendaklah mempunyai pegawai-pegawai yang cekap, bersih dan amanah.

Dalam masalah yang sama saya mencadangkan supaya Kementerian mengenakan tiap-tiap barang yang dikeluarkan itu ada trade marknya seperti apa yang ada di England ataupun di negara-negara Eropah. Umpamanya, kalau kita hendak membeli telur di bandar London, kita tengok telur itu chop 'Sainbury' yang

diluluskan oleh Lembaga Telor di Birmingham umpamanya. Masalah ini tidak ada di negara kita ini. Jadi, orang-orang yang menjual telur besar dengan harga yang mahal, yang menjual telur kecilpun dengan harga yang mahal.

Jadi, kadangkala dalam keadaan sibuk bekerja dan lain-lain, orang ramai singgah di kedai-kedai membeli apa sahaja yang ada di kedai tanpa melihat jenama harga ataupun saiz barang ataupun telur yang saya katakan itu sebagaimana yang dibuat oleh Kerajaan Britain iaitu melalui lembaga-lembaga yang bagi semua barang-barang tertentu. Jadi barang-barang yang dibeli itu hendaklah sesuai dengan harga yang ditetapkan. Lembaga pemeriksaan hendaklah mengctahui benar-benar ukuran ataupun beral barang-barang yang dibeli itu. Justeru itu, sebelum telur diedar ke pasar ianya mesti dichop 'standard, medium atau large', dengan izin, bagi menentukan harga supaya tidak mengelirukan orang ramai istimewa sekali di pasar-pasar yang mana kita tidak tahu sama ada telur ini harganya berpatutan ataupun tidak. Begitulah juga bagi barang-barang lain seperti sayur-sayuran hendaklah ditentukan supaya orang ramai tidak tertipu.

Suka saya menasihati Kementerian supaya mengambil langkah tertentu untuk menentukan penguatkuasaan pula tidak menyeleweng dan Pasukan-pasukan 'Inspectorate' tidak terdiri dari seorang ataupun dua bahkan mereka juga terdiri dari ramai pegawai-pegawai dan imbuhan sesuai dengan usaha mereka untuk menentukan bagi menjaga consumers, dengan izin, dalam masalah yang sama.

Tuan Pengerusi, dalam masalah ini kita masih terdapat bahawa 'copy rights' atau hakcipta yang mana buat masa ini berlaku walaupun penangkapan ataupun denda telah

dikenakan oleh Kementerian berkenaan, tetapi masih banyak orang menggunakan hakcipta orang lain untuk diperdagangkan bagi keuntungan yang banyak dengan harga pasaran yang lebih murah kalau dibandingkan dengan harga yang asal tadi.

Tuan Pengerusi, penguatkuasaan tidak begitu menyeluruh buat masa ini dan didapati banyak orang-orang yang tidak bertanggungjawab meniru hakcipta yang dibuat oleh orang lain.

Tuan Pengerusi, pada masa-masa perayaan kedapatan bahawa banyak kedai-kedai, gedung-gedung mengambil kesempatan dengan perkataan 'Jual Murah' ataupun 'Sales' dan macam-macam cara. Apakah Kementerian telah ada pasukan khas untuk menyiasat sama ada harga murah itu benar-benar murah ataupun penjualan itu mengelirukan orang ramai seperti orang-orang kampung? Harganya sama juga bahkan perkataan 'Murah' sahaja yang ada. Ini berlainan daripada apa yang berlaku di negara-negara Barat khususnya di England. Apabila "sales"—jualan murah, seumpamanya ia benar-benar "sales". Kalau ada "sales" di Harrods ataupun di Selfridges orang datang selepas sembahyang subuh sudah berpusu-pusu menunggu barang-barang itu kerana barang-barang itu benar-benar sales atau 'genuine' dengan izin. Ini adalah satu lagi usaha yang Kementerian hendaklah memperkemas lagi supaya "sales" itu kalau \$2.50, jika sales biarlah harga itu, kalau harga biasa.....

Wan Juanidi bin Tuanku Jaafar:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Batang Lupar bangun.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Dia selalu lapar.
(*Ketawa*)

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:

Ini lapar hendak tanya soalan.

Saya hendak minta penjelasan, Yang Berhormat sebut England, England, England sahaja. Soalan saya satu, ada satu kedai di Oxford Street London itu, katau Yang Berhormat pergi tahun 1979 dia close down sales, dan kalau sekarang pergi masih close down sales, macamana itu?

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Saya tidak ada masa yang banyak untuk menjelaskan perkara itu dengan lebih lanjut. Yang "close down sales", "demolition sales" itu ada di England bagi orang-orang yang ada England juga yang tidak bertanggungjawab macam-macam orang di Jalan Petaling dan lain-lain. Saya tidak pernah mengatakan dalam Dewan ini bahawa orang England itu baik 100%, walaupun saya belajar di sana 6 tahun. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya mencadangkan supaya Kementerian ini juga mengadakan majalah-majalah, artikel-artikel, buletin-buletin mengenai consumerism, dengan izin, jangan mengharapakan Persatuan Pengguna di Pulau Pinang kerana ianya itu berpolitik secara consumerismnya. Kementerian juga mesti ada akhbar-akhbar sendiri bagi memberi maklumat kepada rakyat melalui buletin-buletin yang dikeluarkan oleh Kementerian itu saya rasa ianya akan mendapat sambutan. Dengan yang demikian rakyat dapat memikirkan dan menentukan bahawa Kementerian telah memberi guide dengan izin, kepada mereka apa yang patut dibeli dan apa yang tidak patut dibeli sama ada makanan atau barang penggunaan.

Selain dari itu Kementerian juga saya rasa patut mengadakan Research Division, kalau belum ada, dan dalam hal ini insya Allah Kememerial akan benar-benar menolong memberi maklumat kepada orang ramai.

Tuan Pengerusi, buat masa ini televisyen umpamanya memberi iklan-iklan mengenai barang-barang untuk pengguna-pengguna, tetapi pengguna-pengguna sebelum membeli tidak dapat menimbangankan perkara itu betul ataupun tidak, melainkan Kementerian ini memberitahu mereka.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya berharap sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas dan Yang Berhormat dari Nilam Puri kerana mereka suka benar kepada Tongkat Ali dan Tongkat Bukan Ali. Saya berharap perkara-perkara ini atau apa sahaja ubat, sama ada ubat asli ataupun tidak asli hendaklah juga ditentukan oleh Kementerian sama ada ianya boleh diminum, disapu ataupun ditelan, whatever it is, dengan izin.

Jadi, Kementerian hendaklah bertanggungjawab dalam masalah ini kerana umpamanya minyak dhab yang dikatakan tadi—minyak "D-7-A-B" bukan "DAP"—perlu juga mendapat kelulusan kerana scientifically, dengan izin, mungkin "Dhab Mekah" itu tidak serupa dengan dhab di Malaysia. Walau bagaimanapun kedua-dua dhab ini lidahnya bercabang belaka. Sekian, Tuan Pengerusi. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila gulung.

5.31 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya inginlah merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun memberi pandangan yang begitu berguna. Memanglah banyak dari pandangan itu adalah sangat berguna dan pihak Kementerian akan mengambil perhatian dan akan melaksanakan sedaya mungkin.

Sebagaimana yang kita semua ketahui, bahawa ini adalah sebuah Kementerian yang baru, baru genap setahun dan memanglah berbagai-bagai rancangan sedang dibuat dan dalam konteks ini saya rasa beberapa pandangan yang telah diutarakan sudah tentu sangat berguna untuk kami meningkatkan prestasi Kementerian ini pada masa-masa depan.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap telah menyatakan mengenai quality of service. Begitu juga mengenai consumer protection dan sebagainya. Ini memanglah satu pandangan yang sangat berguna. Sebagaimana yang kita sering menyatakan sungguhpun pihak Kementerian sekarang ini sedang meningkatkan soal-soal yang berkaitan dengan consumer protection dan consumer education, kita tidak pernah lupa bahawa apa yang dimaksudkan adalah untuk mencari satu imbalan yang sihat, satu imbalan yang positif di antara kepentingan economic growth dengan perlindungan kepada pengguna, dengan izin, kita hendak strike the right balance antara soal menggalakkan perniagaan dan di samping itu juga menjaga kepentingan-kepentingan konsumer.

Sudah tentulah apabila kita bercakap atau memikir tentang apakah keadaan yang akan wujud pada tahun 2020 iaitu 30 tahun lagi apabila Malaysia menjadi sebuah negara yang maju, ini sudah tentulah, kita memang mengharapakan quality of service dalam perdagangan dalam negeri ini yang boleh dibanggakan. Dan itulah sebabnya maka beberapa kali Perdana Menteri pun telah menyatakan semasa ucapan beliau di perayaan 25 Tahun MARA baru-baru ini, beberapa example dari Perdana Menteri sendiri tentang environment yang sihat, tentang service yang baik dan sebagainya. Insya-Allah semua pandangan-pandangan ini kami akan ambil perhatian.

Ahli Yang Berhormat dari Seputeh telah menyatakan bahawa para pengguna kalau hendak membeli Proton Saga dan sebagainya ianya akan memakan masa 4 hingga 6 bulan. Dan apabila sampai waktu atau ketika itu, harganya ditukar. Maka ini tidaklah patut. Sepatutnya harga itu hendaklah dikekalkan pada tahap yang telah ditentukan semasa mereka mengorder kereta-kereta tersebut.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita tahu ini menunjukkan bahawa kereta Proton Saga khususnya adalah sebuah kereta yang begitu laris. Kerana salah satu sebabnya ialah ianya dikeluarkan di dalam negara kita sendiri dan harganya begitu murah jika dibandingkan dengan kereta-kereta lain.

Oleh sebab itu sesiapa yang hendak membeli Proton Saga terpaksa tunggu sampai 4 hingga 6 bulan kadangkala lebih daripada itu. Dan dalam masa ini berbagai-bagai perkara boleh berlaku, boleh berubah dan kosnya sudah tentu akan naik dan itulah sebabnya kadangkala terpaksa juga dikenakan bayaran yang baru itu kepada pengguna-pengguna.

Tuan Wong Choo Keong:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Bukit Bintang bangun.

Dato* Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Sila.

Tuan Wee Choo Keong: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak menanya Timbalan Menteri ini mengenai dengan kereta Proton Saga. Kalau seseorang buat satu booking untuk membeli Proton Saga, ia terpaksa menanti 4-5 bulani. Semasa dia dapat kereta itu, kalau dia tidak mahu maka wang deposit yang mereka bayar itu akan diforfeited, dengan izin. Kenapa kalau Proton Saga boleh dijual dengan senang dan ramai orang hendak

membeli, kenapa wang deposit yang dibayar oleh pembeli atau orang awam mesti diforfeited, dengan izin, oleh EON. Apa tindakan Kementerian berkenaan hendak ambil di atas perkara ini?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Pengerusi, kebanyakan pandangan yang telah diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang sepatutnya dibangkitkan semasa membincang Kementerian rakan saya ini, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Namun demikian, saya akan cubalah menjawab setakat yang boleh kerana di sana-sini sudah tentu ada overlapping.

Memang soal ini saya sendiri telahpun mengadakan dialog dengan pihak EON dan sukacita saya menyatakan bahawa soal ini mereka sudahpun berjanji untuk lebih fleksibel. Dan pada masa ini saya rasa pada hakikatnyalah tidak lagi diforfeit bayaran tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Seputeh juga telah membangkitkan mengenai ramainya pengguna-pengguna sekarang ini tertipu dengan membeli kereta yang sudahpun kondem ataupun kereta yang dicuri dan sebagainya.

Jadi, Tuan Pengerusi, di dalam hubungan ini saya rasa konsumer juga mempunyai tanggungjawab. Kebanyakan orang yang kena tipu ini adalah orang-orang yang tamak sedikit, yang mungkin ingin mencari keuntungan secara senang. Misalnya, kadangkala ada peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab menjual kereta setengah harga, telefon setengah harga, televisyen setengah harga. Itu sudah tentu pada sesiapa sahaja yang berfikiran waras, ini sudah tentu ada sesuatu yang tidak kena. Tetapi ramai juga orang berebut-rebut pergi membeli. Selepas itu apabila didedah, mereka akan menyalahkan Kerajaan.

Saya rasa pihak konsumer juga haruslah berhati-hati. Kalau didapati sesuatu yang pelik maka tidak seharusnya mereka itu membeli. Misalnya ada tawaran kereta yang murah. Sudah tentu ini mesti kereta curi ataupun kereta yang sudah kondem, ditukar serial number dan sebagainya.

Jadi, saya rasa kita tidaklah boleh salahkan Kerajaan semata-mata dalam soal-soal ini. Pihak-pihak konsumer juga haruslah pandai menjaga diri.

Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru telah membangkitkan soal barangan yang mahal di Johor Bahru khususnya. Sukacita saya menyatakan sebagaimana yang telah dinyatakan kepada akhbar beberapa kali, pihak Kerajaan telahpun meminta satu perunding antarabangsa (consultant) iaitu Frank Small & Arthur Little. Syarikat Frank Small & Arthur Little memang syarikat yang pakar dalam marketing research ini untuk mengkaji pada keseluruhannya iaitu harga barangan yang terdapat dalam bandar-bandar, di luar bandar dan bandar-bandar tertentu seperti di Johor Bahru, di Kuantan, di Sabah, di Sarawak dan sebagainya dan untuk membuat perbandingan, iaitu pada satu interval yang munasabah. Jika terdapat perbezaan harga, maka kita hendak tahu juga apa sebab perbezaan ini berlaku dan apa pula penyelesaian-penyelesaiannya. Pada masa ini, Kerajaan sudahpun menjalankan berbagai-bagai kajian tetapi ianya semua secara ad hoc dan semua kajian-kajian ini akan dikumpulkan oleh consultant ini. Dan kita akan jadikan satu kajian yang menyeluruh, maka sudah tentulah selepas itu kita boleh dapat mengambit tindakan-tindakan yang lebih berkesan.

Saya juga mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru itu tentang cadangan supaya diadakan satu

rangkaiannya kedai-kedai konsumer. Ini memanglah satu cadangan yang baik dan memang terdapat beberapa persatuan-persatuan pengguna yang aktif sudahpun mula memikirkan untuk berdiri kedai-kedai konsumer dengan ikhtiar mereka sendiri. Tetapi ini adalah satu cadangan supaya Kerajaan sendiri menceburkan diri dalam menubuhkan kedai-kedai konsumer. Ini perlulah satu kajian yang lebih mendalam. Namun demikian, ini adalah satu idea yang baik dan sudah tentu akan diberi perhatian oleh pihak Kementerian.

Satu lagi perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru, iaitu mengenai kelengahan yang terdapat apabila seseorang itu hendak mendaftar syarikat. Pada masa ini, terdapat lebih kurang 350,000 syarikat yang telahpun didaftar. Maka sudah tentulah sekarang ini, dalam kita membuat search sama ada suatu syarikat itu sesuai didaftarkan ataupun tidak, ini akan mengambil masa. Tetapi pada keseluruhannya, ianya memakan masa lebih kurang 2 minggu atau 3 minggu sahaja. Tidaklah sampai sebulan lebih kecuali sesuatu nama yang diberikan itu adalah satu nama yang agak pelik sangat ataupun terdapat ianya bersamaan dengan syarikat-syarikat yang telah didaftar dan dalam proses surat-menyurat yang berbagai-bagai sudah tentu ianya akan mengambil masa yang panjang.

Tetapi dalam hubungan ini, suka saya menyatakan bahawa dalam Rancangan Malaysia Keenam, Kerajaan akan membelanjakan lebih kurang \$12 juta untuk meningkatkan keadaan rekod dalam Kementerian itu, iaitu menerusi mikro-filem dan juga komputer, sistem yang baru. Maka saya rasa selepas sistem ini diwujudkan, insya Allah, pada pertengahan—ke hujung tahun depan, maka saya rasa segala maklumat-maklumat dan perkhidmatan daripada Pendaftar

Syarikat itu akan lebih cepat, lebih cekap dan saya rasa pihak peniaga-peniaga kita tidak perlulah menunggu begitu lama untuk mendapat satu maklumat daripada pendaftar syarikat ataupun untuk mendaftarkan syarikat tersebut.

Beliau juga telah menyatakan bahawa sukar sekali sekarang ini kita hendak tukar-tukar nama. Sebenarnya, kita boleh tukar nama syarikat. Beberapa kali pun tidak mengapa. Tetapi kalau kita sudahpun daftar sesuatu syarikat dengan satu nama dan selepas itu nama itu hendak ditukarkan, kalau kita hendak patah balik kepada nama yang lama itu, maka itu tidak dibenarkan pada keseluruhannya. Sebab kita telah dapat menerusi pengalaman-pengalaman kita di mana ada orang yang daftar satu syarikat dengan satu nama dan selepas itu apabila dia menghadapi macam-macam masalah ataupun dia buat silap berbagai-bagai maka ditukar nama. Selepas itu menghadapi masalah, tukar nama lagi, tukar nama lagi. Ini pada keseluruhannya merugikan orang ramai kerana berbagai-bagai kekeliruan timbul, penipuan dan sebagainya. Dia sekurang-kurangnya buat masa ini, kalau dia hendak tukar nama kepada satu nama yang baru tidak ada halangan. Tetapi kalau dia hendak balik kepada satu nama yang sudahpun digunakan, maka ini adalah dalam kes-kes yang special sahajalah. Saya rasa ini akan dibenarkan.

Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri telah menyentuh soal multi-level trading. Saya mengucapkan terima kasih di atas beberapa pandangan yang bernas yang telah dikeluarkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sememangnya pada penggal ini, kita sepatutnya telah mengemukakan, membentangkan suatu Rang Undang-undang untuk mengawal multi-level trading ini. Malahannya tidak sempat, maka insya Allah, pada penggal yang

akan datang ini kita akan mengemukakan satu Bill di Pailimen ini untuk mengawal multi-level trading. Dan selepas itu sudah tentulah keadaan-keadaan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dapat dikawal. Saya bersetuju bahawa ini adalah satu fenomena yang kian merebak, yang merbahaya, insya Allah, kita akan mempercepatkan Rang Undang-undang untuk mengawal perniagaan seperti itu.

Dan begitu juga soal-soal iklan. Itu pun kita sedang merangka berbagai-bagai perundangan untuk mengawalinya. Sekarang ini pun, seperti jualan murah, kita memang mengenakan pihak kedai-kedai meminta kebenaran dari Kementerian dahulu sebelum mereka dapat memulakan satu jualan murah. Tetapi kadangkalanya kita terdapat penipuan juga dan memanglah pegawai penguatkuasa sentiasa menjalankan tindakan-tindakan menyerbu tempat-tempat itu untuk memeriksa. Tetapi kita hanya ada beberapa ratus sahaja Pegawai Penguatkuasa, sudah tentulah mereka ini tidak dapat cover seluruh negara. Tadi Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas ada menyatakan bahawa Kongres-kongres PAS pun juga ada minyak dhab (*Ketawa*) dan sebagainya. Kita tidaklah sampai boleh pergi, sampai di situ hantar pegawai-pegawai penguatkuasa kita. Tetapi inilah penting pada tahun depan kita akan meningkatkan consumer education, iaitu seminar-seminar yang berbagai-bagai akan dilancarkan ke merata-rata, termasuk di sekolah-sekolah untuk menyedarkan orang ramai, Jadi, orang ramailah yang boleh membantu Kerajaan dalam kita mewujudkan suatu keadaan perdagangan yang sihat. Kalau hendak harapkan perkara-perkara beribu, kalau kita tambah pegawai 20 kali gandapun, saya rasa tidak dapat cover seluruh negara. Perlu orang ramai sendiri memainkan peranan dalam hubungan ini.

Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah menyatakan dengan panjang lebar mengenai aksesori, khususnya aksesori kereta EON dan Kah Motors. Memanglah saya tahu diambil berat, beberapa surat pun telah dihantar kepada Kementerian ini. Tetapi saya ingin menyatakan bahawa perkara ini memang, sungguhpun sedikit banyak juga melibatkan Kementerian ini tetapi lebih berkaitan dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Sebab ianya melibatkan industri-industri memasang kereta di mana segala harga-harga dan sebagainya dikawal oleh Kementerian itu. Dan pihak Kementerian itu setahu sayalah, sebagaimana yang pernah dijawab di Parlimen ini, sudahpun menubuhkan satu Jawatankuasa untuk mengkaji keadaan ini dan juga di atas desakan Kementerian kami kerana kami pun ramai mendapat komplek atau aduan daripada rakyat, termasuk juga dari Ahli Yang Berhormat.

Maka hasil dari kajian baru-baru ini untuk pihak Menteri telahpun buat satu kenyataan iaitu di mana beberapa barangan itu dimasukkan sebagai satu standard item. Beberapa barangan yang lain itu diberi opsyen untuk dibeli. Sebabnya saya rasa kenapa beberapa barangan ini dijadikan standard item seperti air-conditioner, dari juga kalau tidak salah saya, radio cassette. Kerana mreka rasakan kalau benda ini dibuat semasa kereta itu dipasang atau diassemble, maka ianya tidak akan berbangkit masalah wiring yang salah itu dan ini dan sebagainya. Itulah sebabnya dan lain-lain pula, memang kelonggaran telah diberi di mana opsyen itu diberi kepada pengguna-pengguna.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat); Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Batang Lular bangun.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Minta maaf. Terima kasih, Tuan Pengcrusi. Untuk soalan aksesori ini, saya pernah diberitahu tiap-tiap dealer ataupun penjual kerela daripada EON ini mendapat untung hanya \$800—sebuah kerela. Jadi, keuntungan yang diharap itu ialah atas penjualan aksesori yang bersama di dalam kereta itu. Adakah ini cerita benar untuk memberi insentif kepada dealer menjual kereta itu lebih banyak lagi?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Minta maaf, boleh ulang sekali lagi?

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, saya boleh ulang. Mengikut cerita yang saya dengar dealer yang menjual kerela EON ini hanya mendapat keuntungan setiap satu kereta \$800 atau lebih sedikit sahaja bagi tiap-tiap satu kereta yang dia jual. Tetapi dealer itu boleh mendapat keuntungan yang lebih besar daripada \$800 oleh kerana menjual aksesori yang di dalam kerela itu. Maknanya EON tidak mendapat keuntungan daripada penjualan aksesori itu tetapi keuntungan itu adalah akan diberi kesemuanya kepada dealer sebagai insentif penjualan.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya tidak tahulah jawapan yang tepat kepada persoalan itu tetapi setahu saya keuntungan dealers itu adalah terdapat dari penjualan motokar, the basic car dan sedikit sebanyak commision dari insuranc dan juga financing, tetapi bukan dari penjualan aksesori.

Tuan Wee Choo Keong: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa Kerajaan atau Kementerian

Perdagangan Antarabangsa dan Industri sudah meluluskan atau membenarkan items seperti air-conditioning, radio cassette, central locking, anti-rust, alarm system dan power window itu jadi standard equipment, dengan izin. Oleh kerana Kerajaan takut atau bimbang semasa memasang radio cassette atau air-conditioning dan lain-lain akan merosakkan kereta atas soal wiring atau sebagainya, Tetapi sebelum EON dan Kah Motor memaksa pembeli membeli kereta dan memaksa mereka membeli aksesori yang tersebut ini, pembeli kereta pergi memasang items yang tersebut di luar dan mereka tidak ada apa-apa masalah. Di dalam akhbar pun kita tidak pernah dengar ada apa-apa masalah dan sekarang sahaja Kementerian menjaga soal merosakkan kereta, dengan izin, this item does not effect the road worthiness of the car.

Jadi, Kerajaan mesti beri hak kepada pengguna atau pembeli-pembeli kereta sama ada mereka hendak beli atau mereka tidak mahu beli. Oleh kerana item aksesori ini tidak bersangkutan-paut dengan road worthiness of the car. Kenapa Kerajaan mesti memaksa pembeli-pembeli kereta supaya membeli aksesori tersebut yang jikalau pun mereka tidak mahu, mereka dipaksa membeli.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya rasa pandangan Ahli Yang Berhormat itu pada prinsipnya semua orang boleh terima. Kita sepatutnya memberi kebebasan (freedom) kepada pembeli untuk membeli sebanyak-banyaknya aksesori. Itu pada dasarnya memang saya rasa tidak siapa boleh mempertikaikan, cuma saya tidak tahulah asas keputusan yang dibuat oleh Kementerian yang sebelah saya ini.

Namun demikian, saya rasa kita tidak boleh menafikan bahawa kereta Proton itu memang murah jika dibandingkan dengan kereta-kereta

yang lain dan sudah tentu saya rasa apabila mereka bersetuju untuk menjual dengan harga yang begitu murah, mereka telah mengambilkira juga bahawa mereka akan dapat sedikit sebanyak keuntungan dari penjualan aksesori. Oleh sebab mereka dapat sedikit sebanyak keuntungan dari penjualan aksesori, maka mereka dapat mengurangkan harga motokar tersebut. Sebab mereka pun hendak untung, kalau tidak untung berniaga buat apa, sedangkan Proton Saga itu pelaburannya bermilion. Jadi, walaupun kita telah masukkan harga aksesori dalam harga asas motokar itu, harganya adalah masih very competitive dibandingkan dengan kereta-kereta yang lain.

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Pengerusi, kita semua tahu di negara kita kereta-kereta baru ini di bawah harga terkawal (control price). Jadi Kerajaan dalam menentukan control price ini sudah mengambilkira keuntungan Proton Saga dan EON dah segi itu. Justeru itu, kenapa Kerajaan mesti memikirkan lagi EON ini dapat kerugiannya atau tidak untung banyak. Mereka sudah dapat keuntungan dalam harga kereta sebelum masuk harga aksesori ini. Kenapa Kerajaan mesti memberi peluang lagi kepada EON untuk mendapat keuntungan yang besar lagi.

Saya rasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mesti menjaga kepentingan pengguna iaitu pembeli-pembeli kereta dan bukannya menjaga kepentingan korporat seperti Proton Saga dan Kah Motor. Itu hal yang lain. Yang penting ialah Kementerian Yang Berhormat menjaga kepentingan dan hak rakyat supaya mereka ada kebebasan sama ada mahu membeli aksesori itu atau tidak

mahu membeli aksesori. Yang itu yang kita mahu. Yang itu rakyat sekarang minta Kementerian Yang Berhormat mengambil tindakan dengan segera untuk menhentikan aktiviti-aktiviti yang tidak adil ini. Yang itu yang kita minta. Terima kasih.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Pengerusi, sememangnya Kementerian ini sentiasa mengambil kira kepentingan pengguna, malah dalam isu ini kita merupakan salah satu pihak yang begitu kuat sekali mendesak supaya keadaan ini kita hadapi dengan serius. Maka itulah sebabnya suatu keputusan telahpun dibuat oleh pihak Kementerian yang sedikit sebanyak adalah improvement kepada keadaan yang lama itu.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga telah menyatakan mengenai multi-level marketing itu sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Nilam Puri. Sebagaimana yang telah saya nyatakan bahawa kita akan, insya-Allah, membentangkan suatu rang undang-undang yang akan menghadapi problem ini dalam sesi yang akan datang.

Tuan Wee Cboo Keong: Tuan Pengerusi, saya hendak menanya Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa rang undang-undang yang akan dibentangkan di Parlimen sesi ini ialah untuk ban direct selling atau multi-level trading ataupun cuma mengawal sahaja dan sama ada beliau sedar bahawa di Singapura multi-level trading atau direct selling atau time-sharing semuanya diharamkan di Singapura. Jadi, masalah ini tidak akan timbul, tidak payah kita kawal lagi, kita terus haramkan seperti di Singapura. Sudah ada satu contoh di Singapura. Saya rasa kita tidak payah fikir-fikir lagi. Terima kasih.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Pihak Kerajaan

memang sedar tentang keadaan di Singapura dan bukan sahaja di Singapura tetapi di beberapa negara-negara yang lain dan saya ingin memberi jaminan bahawa tindakan yang kita ambil adalah merupakan drastic yang dapat menghadapi masalah yang kita hadapi sekarang. Tetapi kita tidak bolehlah ikut Singapura 100% dalam segala-galanya, bukan semua mereka betul.

Begitu juga soal time-share. Time-share adalah satu cara baru orang pergi bercuti dan sebagainya dan ini satu industri yang berkembang di seluruh dunia. Tetapi sudah tentu dalam time share business ini pun ada berbagai-bagai jenis time-share. Maka ini juga adalah satu masalah yang sedang dikaji oleh pihak Kementerian.

Saya ingin menyatakan kepada pihak Ahli Yang Berhormat, insya-Allah, pada masa yang sesuai kita akan juga membentangkan suatu akta—belum kita fikirkan lagi—mungkin suatu akta yang bernama Fair Trade Practices Act dan sebagainya, untuk mengawal keadaan ini juga. Ini adalah satu cara baru tetapi kita berharap ianya tidak akan menimbulkan masalah-masalah pada masa hadapan supaya akta ini dapat pre-emptlah sebarang masalah yang timbul nanti.

Mengenai Syarikat Magnacasa itu, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, syarikat tersebut dan dircciornya sudahpun didakwa di mahkamah.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Bukit Bintang.

Tuan Wee Choo Keong: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata tadi bahawa director atau ahli-ahli Lembaga Pengarah Magnacasa telah didakwa. Mereka didakwa bukan di atas soal time-sharing ini, tetapi mereka didakwa di bawah Companies Act, oleh kerana

terlibat di dalam aktiviti mengenai pendaftaran syarikat atau sebagainya. Di dalam kes Magnacasa ini lebih kurang 35,000 orang terlibat di seluruh negara, dan wang yang dikutip oleh Magnacasa ini adalah lebih kurang \$70 juta. Jadi, saya hendak bertanya, adakah Yang Berhormat sedar atau tidak bahawa Magnacasa Sdn. Bhd. ini sudah kutip sebanyak \$70 juta dan sekarang bagaimana keadaan ahli-ahlinya yang terlibat iaitu seramai 35 ribu orang di seluruh negara?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Pengerusi, soal Magnacasa ini samalah juga dengan multi-level selling Companies yang lain. Kalau kita hitungkan jumlah wang yang telah diperolehi dengan penjualan Methol, misalnya, mungkin sebanyak \$70 juta juga dan sekarang didapati ianya adalah satu barangan yang tidak berguna langsung. Begitu juga dengan penjualan face powder. Tetapi sebenarnya perolehan itu adalah dari recruitment of members, dan saya mengakui bahawa ini adalah satu trend yang cukup bahaya dan kita sedang menghadapi problem itu dengan serius. Insya Allah, saya memang berharap kita dapat membentangkan Bill tersebut di dalam sidang ini, tetapi oleh sebab-sebab yang tertentu, kita tidak dapat buat sekarang, tetapi insya Allah, pada penggal yang akan datang kita akan bentangkan.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah membangkitkan beberapa perkara yang saya telahpun jawab. Mengenai soal halal-haram ini, memang telahpun wujud satu jawatankuasa di bawah Jabatan Perdana Menteri di mana pihak wakil dari Kementerian ini menjadi ahlinya, maka memang ada penyelarasan di antara Jabatan Perdana Menteri dengan Kementerian ini dalam membanteras masalah-masalah halal-haram ini, kerana mereka adalah pakar untuk menentukan sama ada sesuatu barangan itu halal ataupun haram. Tetapi oleh kerana penguatkuasaan

adalah terletak di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, maka kita sedang menyelaraskan kegiatan kita dengan rapat.

Satu lagi cadangan ialah supaya kita menaikkan bayaran minimum untuk menubuhkan sesuatu syarikat. Itu adalah satu cadangan yang saya personally rasa satu cadangan yang baik dan akan diambil perhatian oleh pihak Kementerian dan kita akan kaji segala sudut supaya keadaan tersebut dapat dibaiki lagi.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Larut mengenai berbagai-bagai perkara yang telah dibangkitkan. Pertama, beliau bertanya sama ada kita telah menubuhkan satu Bahagian Penyelidikan di Kementerian ini. Sukacita saya menyatakan kita telahpun menubuhkan satu Research Division dengan pegawai-pegawai yang baru kita dapat seminggu yang sudah, di mana berbagai-bagai perkara yang baru dalam sesuatu masyarakat yang begitu conscious dengan consumerism sekarang ini dapat kita menghadapi dengan teliti dan kita akan buat undang-undang untuk mengawal keadaan tersebut. Badan tersebut sudahpun ditubuhkan. Begitu juga pihak Kementerian sendiri sudahpun mula mengeluarkan satu majalah Kementerian di mana berbagai-bagai perkara mengenai consumerism itu dimuatkan dan insya Allah apabila Majlis Perlindungan Pengguna di tiap-tiap negeri ditubuhkan, yang kemudian kelak akan ditubuhkan pula di tiap-tiap daerah, maka sudah tentulah majalah-majalah seperu ini dapat diedarkan kepada rakyat. Tetapi yang paling penting, saya ingin menyatakan, menerus: Majlis Penasihat Pengguna Negeri-negeri ialah kita berharap untuk menganjurkan berbagai-bagai seminar, kursus dan sebagainya untuk menyedarkan rakyat tentang hak-hak mereka, tentang bagaimana cara hendak membeli dan sebagainya dan

juga bagaimana mereka dapat membantu Kerajaan dalam memberi perlindungan kepada hak-hak pengguna.

Sebagaimana yang saya katakan, kalau kita hendak melawat tiap-tiap kilang itu, dengan 600 atau 700 orang pegawai, memang tidak cukup. Lagi pula kebanyakan perkara itu adalah di bawah takluk Kementerian-kementerian lain, khususnya Kementerian Kesihatan. Mereka juga mempunyai kuasa untuk mengkaji dan mengesahkan sama ada sesuatu barangan itu boleh dimakan dan sihat atau merbahaya. Namun demikian, kita memang mempunyai berbagai-bagai jawatankuasa di mana kita menyelaraskan kegiatan-kegiatan ini dengan Kementerian-kementerian yang lain.

Tuan Pengerusi, itu sahajalah sedikit sebanyak jawapan saya. Ada berbagai-bagai perkara yang lain yang telah dibangkitkan dan saya ucapkan terima kasih. Kami telahpun mencatatkannya dan insya Allah ini semua akan dikaji dan di mana boleh kita akan cuba mclaksanakannya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$37,996,800 untuk Maksud B.21 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$37,996,800 untuk Maksud B.21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$1,900,000 yang disebutkan untuk Maksud P.21 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1992 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,900,000 untuk Maksud P.21 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1992.

*Maksud B.22, B.23 dan B.24 (Jadual)—
Maksud P.22, P.23 dan P.24
(Anggaran Pembangunan, 1992)—*

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepala Bekalan B.22, B.23 dan B.24 dan Kepala Pembangunan P.22, P.23 dan P.24 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan terbuka untuk dibahas. Sib.

6.07 ptg.

Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya amat berpuas hati melihat jumlah peruntukan di bawah B.22 dan P.22 Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah dinaikkan kepada \$164,177,720 dalam tahun 1992 daripada \$117,535,030 dalam tahun 1991. Walau bagaimanapun, saya ingin bertanya kepada Kementerian berkenaan tentang bagaimanakah cara untuk memperuntukkan jumlah yang besar ini di antara setiap negeri, terutama sekali Sarawak, yang mempunyai potensi yang besar untuk dibangunkan menjadi sebuah destinasi pelancongan yang menarik untuk Malaysia.

Saya juga ingin beritanya kepada Kementerian berkenaan sama ada cadangan untuk membesarkan muzium Sarawak di Kuching yang dianggap salah sebuah muzium yang terbaik di Asia Tenggara, membangunkan Pelagus Rapids, memperbaiki pantai di Belawai, Kuala Rajang, infrastmktur peruntukan di Gua Niah dan Gua Mulu dan tanah tinggi Bario. Kerana Sibu adalah kawasan saya dan ia adalah

sebuah bandar yang berada di dalam dan bandar yang kedua terbesar di Sarawak, sama ada Kementerian dapat mempertimbangkan untuk membangunkan sebuah Taman Mini Indah, membersihkan Sungai Merah untuk "river safari", dengan izin, dan membangunkan Pulau Kerto untuk sukan air bagi pelancong-pelancong serta juga untuk penduduk di Sibü.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B.22, Butiran 05000 Perbadanan Pelancongan Malaysia. Peruntukan telah dinaikan daripada \$89 juta dalam tahun 1991 kepada \$96.1 juta dalam tahun 1992.

Apakah program dan aktiviti yang dicadangkan untuk menjual Sarawak sebagai destinasi pelancongan?

Adakah Kementerian telah menggariskan program yang tertentu sehubungan dengan Kementerian Pendidikan untuk melatih kakitangan pengurusan perhotelan, latihan pegawai pelancongan, pemuliharaan dan mereka berbagai jenis tarikan pelancongan.

Tuan Pengerusi, berapa banyakkah usaha telah dibuat untuk menarik membuat filem asing untuk menggunakan Malaysia sebagai lokasi perfileman? Adakah kejayaan pameran LIMA (Langkawi International Maritime and Air Exhibition) akan menggalakkan Kerajaan untuk mengenalpasti negeri lain seperti Sarawak untuk mana-mana pameran atau konvensyen utama di masa akan datang.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada P.24 Muzium Negara. Peruntukan sebanyak \$200,000 bagi pembahsuaian dan pemuliharaan taraf Muzium Negara adalah tidak mencukupi. Saya ingin bertanya sama ada Muzium Negara dilengkapi dengan kelengkapan audio dan visi elektronik untuk meninggikan lagi kualiti pamcran. Sama ada

Kementerian akan mempertimbangkan untuk menambah muzium lilin atau, dengan izin, wax muzium bagi Muzium Negara. Pada fikiran saya, kejayaan Madam Tudor Wax Muzium di London, haruslah dikaji dengan teliti dengan tujuan untuk mendirikan sebuah di Malaysia yang mana sejarah dan kebudayaan adalah sekaya United Kingdom. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kota Melaka.

6.12 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Saya hendak merujuk kepada Maksud B.22, Butiran 030000 Kebudayaan, (Kod) 10000, 20000, 30000 sekaligus.

Menurut laporan Anggaran Belanjawan (Program dan Prestasi) 1992, objektif aktiviti kebudayaan adalah seperti berikut:

- (1) membangunkan kebudayaan dan memperluaskan penyertaan rakyat dan meningkatkan mutu kesenian;
- (2) meluaskan pendedahan seni budaya bagi tujuan memperkenalkan aktiviti Malaysia di peringkat antarabangsa;
- (3) memulih, memelihara serta memperbanyakkan produk-produk dan bahan kesenian bagi penghayatan rakyat di samping mengisi keperluan industri pelancongan.

Saya hendak merujuk kepada objektif pertama di mana di antara objektif ketiga-tiga objektif ini adalah untuk menggalakkan penyertaan rakyat terhadap aktiviti kebudayaan. Di sini saya hendak bertanya, mengapakah Kementerian tidak membenarkan tarian singa yang lazim dijadikan satu

daripada acara Perayaan Hari Kebangsaan pada masa lampau tidak dibenarkan dijadikan satu acara atau program dalam Perayaan Hari Kebangsaan untuk tahun ini. Menurut Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, beliau berkata bahawa aktiviti ini telah diganti dengan satu acara yang lain yang tidak mendapat sokongan kewangan yang sepenuhnya seperti yang diberikan kepada acara tarian singa pada tahun yang lepas.

Di sini saya berharap bahawa satu penjelasan boleh diberikan ke atas sebab-sebab pengharaman atau ketidakzinaan program tarian singa untuk dipamerkan untuk tahun ini dan sama ada pertunjukan tarian singa akan dibenarkan untuk acara Hari Kebangsaan pada tahun hadapan atau pada tahun-tahun yang akan datang. Dan apakah kriteria yang digunakan oleh pihak Kementerian untuk menentukan sama ada sesuatu program kebudayaan dibenarkan atau tidak, adakah satu kriteria atau satu konsep yang konsisten diamalkan, kerana perkara ini telah dijadikan satu perkara politik, sama ada mahu diadakan pada tahun ini atau pada tahun yang lepas. Adalah jelas bahawa mengapa tarian singa dibenarkan pada tahun yang lepas ialah untuk membolehkan Barisan Nasional memberitahu pengundi-pengundi Cina bahawa Malaysia mengamalkan kebebasan kebudayaan. Tetapi selepas pilihanraya berlalu, sudah jadi perkara yang lain. Tidak dibenarkan. Oleh kerana itu, saya berharap satu dasar yang jelas boleh diadakan supaya tidak menjadi satu alat politik untuk membeli atau memancing undi semasa pilihanraya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Hendak apa?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
Minta penjelasan, Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Guan Eng: Minta penjelasan, minta baik-baik.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
Saya harap jangan sombong apabila Yang Berhormat berucap sebentar tadi. Saya ingin mendapat tahu dah Yang Berhormat dari Kota Melaka, apabila Yang Berhormat mengatakan bahawa apabila tarian singa tidak diadakan tahun ini adalah satu permainan politik, adakah apabila Yang Berhormat mendesak supaya pihak Kementerian menghuraikan suatu dasar, itu juga hukan satu pertanyaan politik dan permintaan politik?

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat dari Parit Sulong ini tidak faham. Untuk meminta bahawa satu dasar perlu dihuraikan, adalah suatu permintaan politik, saya rasa kalau ini sikap Yang Berhormat, maka dasar-dasar Kerjaan, dasar OPP2, dasar Rancangan Malaysia Keenam pun satu pandangan politik. Kita tidak mengamalkan sikap yang sempit seperti yang diamalkan oleh pihak Barisan Nasional. Apa yang kita hendak tetapkan, hendak tentukan atau hendak pastikan bahawa satu dasar yang tetap diadakan supaya ia tidak dipolitikkan lagi oleh mana-mana pihak. Supaya pada sesuatu tahun, oleh kerana pilihanraya, ia dibenarkan tetapi pada suatu tahun yang lain di mana tidak ada pilihanraya tidak diadakan, ia tidak dibenarkan. Yang inilah yang kita mahu supaya satu dasar yang tetap, yang konsisten diikuti oleh pihak Kerajaan. Inilah saiu usaha oleh pihak DAP.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kota Melaka, Parit Sulong bangun.

Tuan Lim Guan Eng: ...bahawa perkara ini—nanti saya habiskan dahulu, duduk dulu—supaya perkara ini tidak dipolitikkan, bukan untuk dipolitikkan. Dan saya tahu, saya pasti bahawa Yang Berhormat dari Parit Sulong dan juga Barisan Nasional tidak mahu satu dasar yang konsisten diadakan, kerana ini akan bermakna bahawa mereka tidak berpeluang untuk menggunakan perkara ini sebagai satu alat politik. Dan saya juga hendak bertanya pihak.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(*Bangun*)

Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):
Parit Sulong bangun lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Nanti, saya habiskan ayat ini. Saya akan beri.

Saya hendak bertanya pihak Kementerian sama ada, ada pihak MCA yang menentang pengharaman pertunjukan tarian singa untuk Hari Kebangsaan pada tahun ini. Dan saya harap bahawa pihak Kementerian juga boleh menjelaskan apakah pendirian Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mengenai perkara ini, sama ada beliau ada memperjuangkan perkara ini dalam Kementerian.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
Saya cuma ingin bertanya kepada Ahli Yang Berhormat, untuk mengambil satu andaian apabila menjelang pilihanraya, diizinkan tarian singa dan sesudah pilihanraya tidak ada, dan mengambil kesimpulan itu adalah satu tindakan politik, adakah itu Udak juga satu rasional yang sempit yang sentiasa diamalkan oleh pihak DAP?

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa Ahli Yang Berhormat ini berdegil tidak faham. Saya sudah jelaskan dengan begitu terang sekali, kalau mengikut logik Ahli Yang Berhormat, sebarang dasar yang dikeluarkan oleh pihak

Kerajaan pun satu perkara politik, yang kita hendak ialah bahawa satu dasar dihuraikan dengan jelas sama ada hendak dibenarkan atau tidak dibenarkan, beritahu dengan jelas, supaya satu pendekatan yang konsisten boleh diamalkan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(*Bangun*)

Tuan Lim Guan Eng: Hendak lagi?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
Saya tidak menghalang supaya Ahli Yang Berhormat minta penjelasan mengenai dasar. Soalan saya ialah untuk menyandarkan rasional bahawa kebenaran mengadakan atau tidak boleh mengadakan tarian singa adalah satu tindakan politik, saya tanya tidakkah itu satu rasional yang sempit oleh kerana DAP ini memang parti yang berpandangan sempit?

Tuan Lim Guan Eng: Mengikut andaian atau mengikut fikiran Ahli Yang Berhormat, sesuatu keputusan sama ada untuk membenarkan atau tidak pertunjukan tarian singa bukanlah satu keputusan politikkan. Betul tidak? Adalah satu keputusan pentadbiran, betul?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli Yang Berhormat, jangan berdialog ya, kalau hendak jawab, jawab.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, kalau dia tidak pasti, nanti berkali-kali dia bangun, susahlah, saya tidak boleh habiskan ucapan saya. Saya akan berikan satu penjelasan terakhir. Kalau sesuatu perkara pentadbiran dipolitikkan, itu yang menjadi masalah, mengapa apabila sesuatu yang dibenarkan hanya dibenarkan pada musitn pilihanraya sahaja dan tidak pada masa yang lain. Kalau satu dasar yang jelas, dasar mcngeni pentadbiran, ini untuk menjelaskan lagi kepada Ahli Yang Berhormat. Kalau

satu dasar mengenai pentadbiran boleh diadakan supaya perkara ini tidak boleh dipersoalkan lagi.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalan?

Tuan Lim Guan Eng: Sudahlah, dia tiap-tiap kali menyatakan perkara yang diulang-ulang diberikan penjelasan, susahlah, payahlah.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli Yang Berhormat, dia tidak beri jalan. Teruskan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Kalau Hari Raya Cina pun ada tarian singa.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, dia tidak beri jalan. Teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Yang kedua, saya hendak bertanya kepada pihak Kementerian mengenai cadangan MCA untuk menubuhkan Pusat Kebudayaan Kaum Cina di Malaysia atau Malaysian Cultural City, dengan izin. Cadangan ini adalah satu cadangan yang datang dari MCA. Dan sokongan yang sebulat suara, yang penuh telah diberikan oleh Presidential Council MCA (Majlis Tertinggi MCA) dan Presiden MCA, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sendiri berkata bahawa projek ini telah diluluskan oleh Perdana Menteri. Tetapi saya tidak tahu siapa yang membohong, ada suara-suara sumbang yang menyatakan bahawa perkara ini tidak dibenarkan, termasuk juga daripada pihak Kementerian. Saya hendak tahu apakah sikap pihak Kementerian, terutama sekali pihak Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mempunyai

pendapat dan pendirian yang berlainan dengan pendirian yang diamalkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Apakah dasar pihak Kementerian itu sendiri dan adakah satu keputusan telah dibuat oleh Kabinet mengenai Malaysian Cultural City yang dianjurkan oleh MCA ini. Mengikut laporan di suratkhbar Cina, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan iaitu Presiden MCA telah mengumumkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meluluskan projek ini. Ini adalah satu keputusan pengumuman yang dibuat oleh Presiden MCA. Tetapi dalam perhimpunan besar MCA yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawab soalan daripada pihak wartawan, beliau menyatakan bahawa perkara ini tidak pernah diluluskan oleh beliau.

Datin Ling Chooi Sieng (Lumut):
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli Yang Berhormat, Lumut bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Hendak apa?

Datin Ling Chooi Sieng: Penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Dia hendak minta penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng: Nanti, saya akan beri, saya habiskan ayat ini dahulu. Saya akan beri, tetapi...

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, point of order.

Tuan Shahidan bin Kassim: 36(1). Saya minta Ahli Yang Berhormat supaya merujuk di bawah tajuk mana kita berbincang sekarang, sebab dia buat rangkuman merujuk kepada tajuk khususnya, susah. Dari segi jawatankuasa, kita kena pergi satu-satu. Kepong pandai, tetapi dia tidak hendak beritahu.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli Yang Berhormat, jangan berhujah, saya akan membuat keputusan.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, jangan pergi jauh sangat. Balik kepada tajuk dan khususnya mengenai Kementerian.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak bercakap mengenai kebudayaan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sebab dalam butiran ini nampaknya, tidak ada nama parti yang terlibat.

Tuan Lim Guan Eng: Ini ada satu projek kebudayaan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Balik kepada tajuk.

Tuan Lim Guan Eng: Malaysian Cultural City, satu projek kebudayaan yang dianjurkan oleh parti Tuan Pengerusi sendiri.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli Yang Berhormat, nanti dahulu. Ahli Yang Berhormat jangan heretkan Kerusi, walaupun Ahli Yang Berhormat hendak berbahas, hendak cakap tentang MCAkah dan sebagainya. Jangan heretkan Kerusi, itu satu penghinaan yang tidak patut.

Datin Ling Chooi Sieng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Lumut bangun, hendak apa?

Datin Ling Chooi Sieng: Minta penjelasan, Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Guan Eng: Okay, saya beri, tidak mengalah.

Datin Ling Chooi Sieng: Kalau pusat kebudayaan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat diluluskan, adakah Ahli Yang Berhormat bercadang untuk mengisytiharkan kepada orang awam bahawa pusat itu diluluskan oleh kerana tekanan DAP.

Tuan Lim Guan Eng: Alamak! Saya sangat kesal bahawa Ahli-ahli Parlimen MCA, Wakil Rakyat MCA tidak berani untuk memperjuangkan satu projek mereka sendiri di Dewan Rakyat dan terpaksa bergantung kepada Ahli-ahli Parlimen DAP untuk memperjuangkan untuk MCA. Ini menunjukkan bahawa betapa tidak berguna parti MCA dan Wakil-wakil Rakyat mereka.

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Arau bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Point of order, Kota Melaka, sila duduk dahulu!

Tuan Lim Guan Eng: Point of order berapa itu? Apa point of order itu?

Tuan Shahidan bin Kassim: 36(1).

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli Yang Berhormat, nanti dahulu!

Tuan Shahidan bin Kassim: Di bawah tajuk ini berapa dibelanjakan di mana, saya tak tahu, tidak nampak di sini. Tajuk di bawah pusat kebudayaan ini di bahagian mana, Tuan Pengerusi? Saya ingin tahu. Tuan Pengerusi benarkan dia berbincang di bawah tajuk mana? Saya tak nampak.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Baiklah Ahli Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli Yang Berhormat yang lain janganlah bercakap. Masa sudah suntuk Yang Berhormat,

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato* Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Pengerusi, minta penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri, masa sudah suntuk.

Tuan Lim Guan Eng: Oh! Masa sudah cukup, saya sambung esok.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tidak, sebab masa Ahli Yang Berhormat sudah habis.

Dato* Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Pengerusi, ada seminit lagi, dia telah beri saya.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau satu minit, saya tidak beri, duduk, duduk!

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Itu terpulang kepada Kerusi, sebab saya sudah cakap, masa sudah

suntuk. Kota Melaka, masa sudah suntuk. Mereka ini hendak minta penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng: Boleh saya gulung?

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hendak bercakap, my turn.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kalau Ahli Yang Berhormat hendak menggulung, buat serba ringkas, silakan.

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah saya sambung esok?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tidak, sila gulung dengan serba ringkas.

Tuan Lim Guan Eng: Okay, dan saya hendak bertanya mengapakah Presiden MCA boleh membohong, menyatakan bahawa projek ini telah diluluskan sedangkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa projek ini tidak dibenarkan.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Saya hendak jawab.

Tuan Lim Guan Eng: Apakah kedudukan ini, ini bukan Presiden MCA, tidak payah jawab. Apakah kedudukan perkara ini sekarang, adakah Kabinet telah membuat satu keputusan mengenai Malaysian Cultural Ciy dan mengapakah Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Wakil-wakil Rakyat MCA tidak berani menyebut perkara ini.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: (*Bangun*)

Tuan Lim Guan Eng: Saya tidak beri.

Dato* Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Presiden MCA tidak ada, mengapa tidak tanya semasa dia ada.

Tuan Lim Guan Eng: Duduk! Duduk! Saya tidak beri, hormatilah.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu! Saya rasa Ahli Yang Berhormat jangan terbawa-bawa dengan emosi, masa sudah suntuk ya.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.